Jilid IV
Bil. 52

Hari Isnin
28hb November, 1994

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 8265]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1995

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 17 [Ruangan 8298]

Maksud B. 18 [Ruangan 8301]

Maksud B. 19 [Ruangan 8349]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan 1995

Jawatankuasa—

Maksud P. 17 [Ruangan 8298]

Maksud P. 18 [Ruangan 8301]

Maksud P. 19 [Ruangan 8349]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 8367]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

,, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

,, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

,, Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

,, Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

,, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

,, Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

,, Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.G.S.M., D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun–Langkawi).

,, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

,, Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

,, Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

,, Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

" Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

" Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.S.S.A., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).

" Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

" Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

" Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).

" Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).

" Menteri Belia dan Sukan, TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

" Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K., J.P. (Penampang).

" Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).

" Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

" Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

" Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).

" Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

" Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

" Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.S.S.A., D.I.M.P. (Jerantut).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

" Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

" Timbalan Menteri Penerangan, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).

" Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

" Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

" Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

" Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).

" Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHD. FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N., P.J.K. (Balik Pulau).

" Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).

" Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

" Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).

" Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim–Bandar Baharu).

" Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

" Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).

" Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

" Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).

,, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).

,, Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Lipis).

,, Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar).

,, Timbalan Menteri Pertanian, DR T. MARIMUTHU, K.M.N., S.D.K. (Telok Kemang).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

,, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).

,, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATUK MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, D.S.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATUK S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

„ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

„ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

„ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

„ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

„ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

„ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).

„ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

„ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

„ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

„ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

„ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

„ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

„ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

„ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).

„ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

„ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).

„ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).

„ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

„ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).

„ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

„ DR V. DAVID (Puchong).

„ TUAN FONG KUI LUN (Klang).

„ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).

„ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).

„ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

„ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).

Yang Berhormat TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

„ DATUK HAJI IBRAHIM BIN ALI, D.M.S.M. (Pasir Mas).

„ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).

„ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).

„ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).

„ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).

„ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).

„ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).

„ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).

„ DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARJIS, D.I.M.P. (Rompin).

„ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

„ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGA, P.B.S. (Kapit).

„ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).

„ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

„ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

„ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

„ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

„ TUAN LAI LUNG TZEE (Sandakan).

„ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).

„ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).

„ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

„ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

„ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

„ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).

„ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).

„ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).

„ DATUK MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).

„ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).

„ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).

„ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).

" TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).

" TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).

" DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

" DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

" TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

" DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).

" DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).

" TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.K., K.C.R.L., K.S.T.J., O.B.E. (Limbawang).

" TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

" DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).

" DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

" TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).

" DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).

" DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

" TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

" DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

" DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY, P.G.D.K., A.S.D.K. (Nibong Tebal).

" DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).

" TUAN RADIN MALLEH (Padas).

" DATIN PADUKA HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP, D.S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).

" MULIA TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

" TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).

" PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).

" TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).

" TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).

" TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

Yang Berhormat Dr Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang).

,, Tuan Shahidan bin Kassim, a.m.p. (Arau).

,, Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching).

,, Cik Siti Zainabon binti Abu Bakar (Tebrau).

,, Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed (Kok Lanas).

,, Tuan Taimin bin Lumaing (Pensiangan).

,, Datuk Daniel Tajem anak Miri, p.n.b.s., j.m.n. (Sri Aman).

,, Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi).

,, Dr Tan Seng Giaw (Kepong).

,, Tuan Thomas Salang Siden (Julau).

,, Tuan Wahab bin Suhaili (Batang Sadong).

,, Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Kota Setar).

,, Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar).

,, Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat).

,, Wan Omar bin Wan Majid (Pasir Puteh).

,, Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang).

,, Datuk Amar James Wong Kim Min (Bintulu).

,, Tuan Jason Wong Sing Nang (Lanang).

,, Tuan Wong Wing On (Kampar).

,, Tuan Woon See Chin, s.m.j., a.m.n., p.i.s. (Senai).

,, Tuan Vun Shin Choi @ Joseph Voon (Tanjong Aru).

,, Tuan Geoffrey Yee Ling Fook (Tawau).

,, Tuan Yim Chee Chong (Seremban).

,, Tuan Philip Yong Chiew Lip (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Pemangku Ketua Penolong Setiausaha : Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penolong Penyunting : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kelsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 28hb. November, 1994

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

LAPANGAN TERBANG BINTULU — KELEWATAN PEMBINAAN

1. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

(*a*) bilakah lapangan terbang di Bintulu dibina dan kenapakah berlaku kelewatan pembinaannya; dan

(*b*) apakah kadar keutamaan diberi oleh kerajaan kepada pembinaan dan peningkatan taraf lapangan terbang di Sarawak dan apakah rasional di sebalik memberi kadar keutamaan yang rendah kepada pembinaan lapangan terbang di Sarawak.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua,

(*a*) Lapangan terbang baru Bintulu dirancang mula dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh dan projek ini tidak dapat dimulakan lebih awal kerana reka bentuk terperinci bagi lapangan terbang baru berkenaan sedang berjalan dan akan hanya dapat disediakan pada penghujung tahun 1995.

(*b*) Adalah tidak benar bahawa kerajaan tidak memberikan keutamaan terhadap menaikkan taraf dan membina lapangan-lapangan terbang di Sarawak. Dalam Rancangan Malaysia Keenam banyak projek-projek lapangan terbang telah dan sedang dilaksanakan di negeri Sarawak. Antara projek-projek keutamaan ialah Lapangan Terbang Sibu yang baru yang telah beroperasi pada tahun 1994 ini; pembesaran terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching — peruntukan sebanyak RM20.3 juta dan projek telah ditender dan sedang dinilai; Padang Terbang Mulu yang telah siap dan digunakan; Padang Terbang baru Bario — kerja-kerja pembinaan sedang dilaksanakan; Padang Terbang Long Banga sudah siap dan boleh digunakan dan Lapangan Terbang baru Limbang — perunding telah dilantik untuk menjalankan detail engineering design.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam perancangan untuk membina Lapangan Terbang

Bintulu dan Padang Terbang di Limbang dan di luar bandar Sarawak, adakah perancangan untuk menyediakan night landing facilities dibuat bersama?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di dalam Master Plannya ada perkara-perkara yang dicatatkan tetapi saya tidak ada detail yang boleh saya kemukakan pada petang ini.

PENGEMIS — MEMBANTERAS KEGIATAN DARI BERLELUASA

2. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

(*a*) mengapa begitu ramai pengemis sejak kebelakangan ini terutama di pasar-pasar malam dan pasar-pasar tani;

(*b*) apakah rancangan kementerian bagi membanteras gejala ini dari terus berleluasa; dan

(*c*) adakah kementerian bercadang mengumpul semua pengemis-pengemis ini dan kemudian memberi mereka pekerjaan yang bersesuaian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoon Seng): Tuan Yang di-Pertua,

(*a*) Kerajaan tidak menggalakkan orang-orang mengemis di negara ini lebih-lebih lagi pendatang tanpa izin. Walau bagaimanapun masalah pengemis tidak dapat dihapuskan sama sekali selagi rakyat negara ini terus memberi sedekah kepada mereka yang mengemis termasuk di pasar-pasar malam dan pasar-pasar tani.

(*b*) Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sentiasa mengendalikan serbuan terhadap pengemis dari semasa ke semasa bersama-sama dengan pihak penguatkuasa yang lain seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan polis.

(*c*) Semua pengemis yang ditangkap akan dihadapkan ke mahkamah dan mereka boleh dibebaskan kepada keluarga atau menghantar pengemis yang tua ke Rumah Seri Kenangan. Pengemis yang muda akan dihantar ke Pusat Pemulihan Pengemis Desa Bina Diri, Mersing selama 3 tahun bagi menjalani pemulihan yang disediakan dalam bentuk latihan pertukangan, ternakan, pertanian, jahitan, solekan dan masakan. Apabila dibebaskan dari pusat tersebut Jabatan Kebajikan Masyarakat akan membantu mereka dari segi penempatan kerja yang bersesuaian.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa kita dapat lihat ramai pengemis pendatang haram yang mengemis di negara kita ini. Setakat hari ini berapa banyakkah pengemis-pengemis pendatang haram yang telah kita tangkap dan adakah mereka ini dihantar kembali ke tanah air mereka dan pada anggaran kementerian berapa ramaikah lagi masih ada pengemis-pengemis pendatang haram ini yang merayau-rayau di seluruh negara?

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian sedar bahawa ada satu sindiket di belakang pengemis-pengemis ini di mana pengemis-pengemis ini disuruh mengutip duit dan duit ini

akan dikutip pula oleh sindiket tersebut? Adakah pihak kementerian telah mengenal pasti dan menangkap sindiket-sindiket ini?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pengemis asing saya ada angka bagi tiga tahun (1991, 1992 dan 1993) iaitu:

Tahun	*Jumlah Pengemis Asing*
1991	222 orang
1992	176 orang
1993	246 orang

Mereka ini telah ditangkap dan dihantar balik ke negara masing-masing.

Masalah yang kita hadapi ialah pengemis-pengemis ini tidak ada dokumen yang sah seperti negara asal mereka dan jika kita tahu dia datang dari negara jiran, kita terus hantar ke sempadan dan barangkali mereka akan balik lagi. Kita tidak ada butir-butir yang sebenar tetapi ini sentiasa berlaku dan kita sentiasa menjalankan serbuan.

Kita pun sedar barangkali ada wujud sindiket di mana pengemis-pengemis ini akan berikan pendapatan mereka kepada sindiket tetapi kita belum dapat pastikan sindiket tersebut.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengapakah setelah beberapa siri tangkapan ke atas pengemis-pengemis di ibu kota negara kita masih kelihatan para pengemis menjalankan kegiatan mereka? Apakah masalah utama yang dihadapi oleh kementerian Yang Berhormat apabila satu-satu operasi dijalankan?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah jawab, rakyat kita memang sangat murah hati dan sentiasa memberi sedekah kepada mereka dan kita tahu kalau pengemis tempatan atau asing, mereka tahu kerana mudah dapat cari wang di sini, mereka akan terus datang, kalau rakyat sentiasa berikan sedekah. Kita harap juga dengan kita giatkan serbuan kita, akan mengurangkan aktiviti pengemis di negara kita.

TAHANAN DI BAWAH ORDINAN DARURAT — JUMLAH

3. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri untuk menyatakan jumlah orang yang telah ditahan pada tahun ini di Pusat-pusat tahanan seluruh negara di bawah Ordinan Emergency (Public Order and Prevention of Crime) 1969.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, jumlah orang-orang yang telah ditahan pada tahun ini sehingga 26hb. November 1994 ialah seramai 107 orang. Mereka ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Rengam, Johor di bawah Ordinan Darurat (Public Order and Prevention of Crime) 1969.

Tuan R. Karpal Singh: 107 orang ini yang ada ditahan di bawah Ordinan Darurat 1969 adalah ditahan tanpa perbicaraan dalam mahkamah. Adakah Setiausaha Parlimen bersetuju jikalau sesuatu mahkamah membebaskan orang seperti ini yang ditahan di bawah Ordinan Darurat, adakah keadilan jikalau beliau ditahan balik selepas dibebaskan oleh mahkamah?

Jikalau jawapan adalah oleh kerana menjadi satu perkara teknikal kerajaan ada hak untuk tahan semula seseorang, adakah itu patut, adakah kerajaan ingin menghapuskan apa-apa defence yang teknikal yang boleh dibangkit dalam mahkamah?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, 'jikalau' *(Ketawa)* mahkamah melepaskan seseorang itu atas sebab-sebab teknikal dan bukannya sebab

seseorang itu tidak buat salah, maka pihak berkuasa akan hormati apa yang telah diputuskan. Akan tetapi, jikalau mahkamah itu membebaskan seseorang pesalah ataupun penjenayah atas sebab-sebab teknikal, pada hal orang itu tetap telah melakukan sesuatu jenayah keras, maka pihak berkuasa bertanggungjawab ialah untuk melindungi rakyat biasa, tentu mereka akan bertindak. Jadi, saya rasa itu cukup jelas, tak payah saya setuju atau tidak.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, apakah jenis jenayah yang pihak kerajaan atau pihak polis menahan mereka di bawah Emergency Ordinance? Kenapa, misalnya pembunuhan yang berlaku di Kuala Kedah terhadap seorang Ahli Majlis Bandaran, dan bila berlaku siasatan disyaki lima atau enam orang India yang melakukan pembunuhan, dan kenapa mereka ditahan di bawah Emergency Ordinance tidak didakwa di mahkamah kerana melakukan pembunuhan? Adakah orang politik tertentu terlibat di negeri Kedah menyebabkan pembunuhan terhadap Ahli Majlis Bandaran Alor Setar ini disembunyikan — Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Kuala Kedah, senang — menyebabkan tidak didakwa di mahkamah penjenayah yang disyaki untuk melindungi orang-orang politik tertentu?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, mereka yang selalu dan biasanya dikenakan POPO ataupun jenayah Akta POPO ini adalah mereka yang sentiasa terlibat dalam kegiatan seperti berikut; iaitu mereka aktif dalam kongsi gelap, mereka yang terlibat dengan kes bunuh, mereka yang terlibat kes merogol atau samun bersenjata, bersenjata api, merompak, menyamun, menyerang, merusuh, peras ugut, culik dan sebagainya, semua ini adalah jenayah yang keras.

Adalah tidak benar bahawa ada mana-mana satu kes pun kerajaan tidak bertindak sebab adanya ahli-ahli politik di belakang. Sebenarnya tak kira siapa dia, kalau sekiranya didapati salah terlibat dalam sebarang jenayah kekerasan, daripada rekod tahun-tahun yang dahulu sejak Merdeka sampai hari ini kalau ada sesiapa yang salah sama ada pemimpin politik, sama ada dia Pembangkang atau pemerintah, maka polis pernah ambil tindakan, tak kira sesiapa. Jadi, dakwaan Yang Berhormat itu adalah tidak berasas.

SISTEM KONGSI KERETA — KEJAYAAN KEMPEN

4. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

(*a*) sejauh manakah kejayaan yang dicapai dalam kempen "Kongsi Kereta" Fasa Pertama yang dilancarkan dahulu;

(*b*) bilakah kempen "Kongsi Kereta" Fasa Kedua akan dilancarkan; dan

(*c*) nyatakan halangan utama dalam kempen-kempen ini dan bagaimanakah halangan-halangan dapat ditangani.

28.11.94

18. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejauh mana kempen berkongsi kereta telah berjalan, kesan ke atas para pengguna jalan raya, berapa jumlah kenderaan yang sudah menyahut seruan kempen, jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk kempen.

20.12.94

1. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

(*a*) Sejauh manakah keberkesanan kempen berkongsi kereta yang telah dilancarkan oleh Kementerian dalam mengurangkan kesesakan lalu lintas; dan

(*b*) Adakah pihak kerajaan bercadang untuk 'merehatkan' 20% daripada jumlah kenderaan di atas jalan pada setiap hari secara bergilir iaitu sehari 'cuti' bagi setiap kenderaan pada setiap minggu.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan mengenai perkara yang sama juga telah diterima dalam sesi daripada Ahli Yang Berhormat dari Klang, iaitu pada hari ini soalan No. 18 dan Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah pada 20hb. Disember 1994. Saya mohon izin untuk menjawab serentak.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

(*a*) Kempen Menggalakkan Perkongsian Kereta Fasa Pertama 15hb. Jun 1993 hingga 14hb. Julai 1994 telah meningkatkan kesedaran mereka yang memandu kereta sendiri untuk berulang alik ke tempat kerja akan kebaikan perkongsian kereta. Hasil kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa jumlah kenderaan HOV atau dengan izin (High Occupancy Vehicle) telah bertambah daripada 30% sebelum kempen dimulakan kepada 44% setelah tamat kempen tersebut. Kempen ini memakan belanja sebanyak RM7.7 juta dan Syarikat Naga D.D.B. (Nidham Dik Sdn. Bhd.) telah ditugaskan untuk mengendalikan kempen ini.

(*b*) Peringkat kedua kempen ini dimulakan pada bulan Ogos 1994 dengan kos sebanyak RM3.7 juta.

(*c*) Ingin dijelaskan bahawa tak ada apa-apa halangan dihadapi dalam melaksanakan kempen berkongsi kereta ini.

Tuan Tan Kok Wai: Saya menganggap jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ini kurang benar. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kesesakan lalu lintas di bandaraya Kuala Lumpur ini semakin hari semakin sesak, semakin serius. Sebab mengikut jawapan Yang Berhormat, reaksi kepada kempen kongsi kereta ini agak baik; 44%. Jika benar, mengapakah lalu lintas masih sesak baik pun semasa 'peak hours' atau bukan. Apakah sebabnya dan jika tidak ada halangan, mengapakah masih ada keengganan orang ramai yang tidak memberi sokongan kepada kempen kongsi kereta ini? Apakah sebabnya?

Soalan yang kedua ialah apakah sambutan yang diberi terhadap kempen ini oleh badan-badan kerajaan termasuk khasnya Kementerian Pengangkutan sendiri?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, ini baru berkempen untuk menimbulkan kesedaran. Apa yang saya sebut tadi iaitu 30% memang berkongsi kereta, bererti bahawa dalam tiap-tiap kereta yang masuk ke Kuala Lumpur itu sudah ada 30%. Sebelum kita mula kempen seorang pemandu dan seorang penumpang sekurang-kurangnya. Itu kita tidak dapat nafikan kerana bukan semua kereta single occupancy semasa masuk ke Kuala Lumpur kalau kita melihat dengan mata kasar sekalipun. Apabila kita kaji pula semula, iaitu di antara 700,000 kenderaan yang tiap-tiap hari masuk ke Kuala Lumpur dan keluar dari Kuala Lumpur ini adalah bertambah sedikit, 14%. Ini tidak boleh menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas, kerana jangan lupa kita ada 700,000 kereta yang berada dalam Kuala Lumpur tiap-tiap hari. Kerajaan belum lagi hendak menguatkuasakan perkongsian kereta ini kerana kita mesti adil kepada orang ramai, kepada pengguna-pengguna jalan raya, kerana kita mesti

adakan alternatif atau pilihan, iaitu apabila kita adakan perkongsian kereta dikuatkuasakan dan kita kenal pasti jalan-jalan untuk HOV, iaitu kenderaan yang mempunyai lebih daripada 2 orang di dalamnya, kita mesti beri alternatif. Jadi, kita kena menunggu sehingga LRT siap, monorel ada, komuter train semua sudah sedia, barulah boleh kita laksanakan.

Jadi, siapa yang sudah buat atau tidak buat itu tidak timbul, kerana kita belum lagi menguatkuasakannya. Dan saya gembira bahawa ada syarikat-syarikat yang mempunyai banyak kenderaan dan juga menggalakkan pekerja-pekerja mereka masing-masing untuk mengadakan atau sudah memulakan Kempen Berkongsi Kereta dan mengamalkannya.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah aspek negatif ekoran dari kongsi kereta ini. Walaupun saya sendiri menyokong penuh dan Kempen Berkongsi Kereta adalah salah satu kempen yang baik. Tetapi saya bimbang salah satu aspek buruk dari Kempen Berkongsi Kereta ini kemungkinan akan membawa sedikit sebanyak masalah sosial ataupun masalah domestik di kalangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya beri satu misalan. Isteri kawan saya oleh kerana membantu kerajaan untuk menjayakan Kempen Berkongsi Kereta ini telah mengongsikan keretanya dengan seorang kawan lelaki.Tetapi akhirnya, bukan sahaja kongsi kereta, kongsi lain pula. *(Ketawa)*

Oleh yang demikian, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kerajaan telah menjalankan kajian mendalam supaya aspek-aspek negatif tersebut dapat dielakkan. Buat masa ini sudah 30%, bila sampai 90% mungkin masalah lain pula akan bertambah.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, itu alasan sahaja, ada orang yang hendak mengambil kesempatanlah. Kalau sebaik-baiknya kita jagalah maruah kita sendiri. Ramai orang lelaki yang sama ada kerja setempat dan begitu juga yang perempuan. Yang perempuan pun boleh memandu kereta, yang lelaki pun boleh memandu kereta. Itu pilihan sendiri. *(Ketawa)*

KANUN JENAYAH SYARIAH II 1993 KELANTAN

5. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Perdana Menteri menyatakan:

(*a*) siapakah ulama-ulama yang dirujuk dengan mengatakan Kanun Jenayah Syariah II 1993 Kelantan itu sebagai tidak adil; dan

(*b*) apakah hujah yang menyatakan Kanun Jenayah Syariah II 1993 Kelantan itu merupakan Hudud PAS bukan Hudud Islam.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman): Tuan Yang di-Pertua:

(*a*) Dalam negara yang berbilang kaum pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang Islam hendaklah melibatkan semua rakyat tanpa mengira bangsa dan agama, kerana tujuan utama pelaksanaan hukum Hudud yang dikehendaki oleh syarak ialah mewujudkan keadilan, mencegah maksiat dan menjamin keamanan dan kestabilan negara. Aspek jenayah adalah berbeza dari aspek ibadah. Jika ibadah hanya ditaklifkan kepada orang Islam kerana mereka beriman kepada Allah, jenayah pula tidak sedemikian. Pengecualian penguatkuasaan

Undang-undang Jenayah ke atas bukan Islam dalam sebuah negara berbilang agama akan mewujudkan ketidakadilan dan mencacatkan matlamat pelaksanaan hukum Allah yang maha suci. Oleh itu, jelas bahawa kandungan dan tafsiran Kanun Jenayah Syariah II 1993 Kelantan adalah tidak menepati kehendak hukum syarak. Hakikat ini tidak perlu kepada apa-apa fatwa baru atau pendapat ulama yang lain kerana ia amat jelas tergelincir dari matlamat asal pelaksanaan hukum Allah.

(*b*) Dilihat kepada tafsiran dan maksud pelaksanaan Hukum Jenayah II 1993 Kelantan ini yang banyak terdapat kekurangan dan tidak menepati kehendak hukum syarak, maka ia lebih merupakan satu usaha yang bertujuan politik.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab soalan asal yang dikemukakan dengan cara yang tepat. Saya ingin menambah soalan.

Yang pertama, adakah pihak kerajaan bersedia untuk bermuzakarah dengan pihak PAS ataupun pihak Kerajaan Negeri Kelantan ataupun mengadakan satu seminar yang disertai oleh pihak PAS, pihak Kerajaan Negeri Kelantan dan semua kaum termasuk orang-orang yang bukan Islam bagi membincangkan Undang-undang Jenayah Islam.

Yang kedua, adakah kerajaan bercadang untuk menggubal satu Kanun Jenayah Syariah yang benar-benar menepati hukum Syarak sekiranya pihak kerajaan memikirkan apa yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan itu tidak tepat.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan pertama, kita boleh adakan tetapi mestilah berasaskan akademik bukan berasaskan politik. Maka sebab itu di sana kita jelas kelihatan bahawa Kanun Jenayah Syariah II 1993 Kelantan ini ditonjolkan dalam suasana kegawatan politik sebab parti PAS sudah lama berusaha dan membenarkan orang-orangnya bagi memenangi pilihan raya, menjatuhkan hukuman-hukuman kafir kepada orang-orang UMNO dan pengikut Barisan Nasional. Dan tafsiran-tafsiran dari itu banyak kelihatan dan terdapat mereka memulaukan sembelihan orang-orang UMNO supaya tidak dimakan. Maka pada pilihan raya kali ini, isu yang lama itu sudah tidak termakan lagi, maka ditimbul pula isu yang baru ini lebih detail daripada awal.

Kesimpulannya jawapan bagi soalan yang pertama itu, ialah kita bersedia tetapi dengan asas bukan dengan tujuan politik dan bukan dalam suasana kegawatan politik.

Bagi soalan yang kedua, Kerajaan Barisan Nasional sedang berusaha setiap masa untuk melaksanakan kehendak-kehendak syarak dan hukum-hukum Syarak. Tetapi pendekatan kita ialah pendekatan yang beransur-ansur dan secara yang harmonis. Pada tahun 1963 hingga tahun 1975, kita mengatakan ayat Al-Quran mengenai hukum riba itu haram diajar perlu digugur sahaja kerana agak mustahil kerajaan ini akan memikirkan sesuatu undang-undang yang boleh mengelakkan perjalanan riba dalam negara ini. Tetapi akhirnya dalam tahun 1982 kita sudah mula melaksanakannya dan pada tahun 1992 sudah 32 institusi kewangan yang setengahnya bukan dimiliki oleh orang Islam sudah cuba menjalankan urus niaga kewangan yang

tidak menyentuh riba ini. Inilah pendekatan kita terhadap semua hukum Islam, maka dari segi hukum jenayah ini pun kita sedang mengambil pendekatan dan strategi yang sama.

Pada masa ini kurikulum pengajian undang-undang dalam negara kita khususnya di dua buah universiti, Universiti Islam Antarabangsa dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Maka kurikulum bagi mereka yang mengambil LLB semuanya mesti mempelajari Syariah. Harapan kita pada suatu masa nanti, apabila orang Islam dan orang yang bukan Islam telah memahami dan komited dengan keadaan ini, insya-Allah itulah pada satu masa nanti jenayah juga boleh diterima oleh masyarakat majmuk di negara kita ini.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya dua soalan yang selalu dibangkitkan di kalangan masyarakat kampung. Satu soalan daripada orang UMNO dan satu soalan daripada orang PAS. Orang PAS selalu bertanya, terutama sekali di kampung-kampung, kalau ini hudud PAS mana hudud UMNO?

Orang UMNO pula bertanya, ini soalan yang kedua, adakah rancangan pemimpin PAS yang mewujudkan Enakmen Syariah Jenayah II ini, khas untuk menggunakan untuk menghukum orang-orang UMNO sahaja?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya rangkum kedua-dua soalan sekali. Kerajaan Barisan Nasional yang berteraskan UMNO, seperti mana yang saya jawab tadi, berusaha untuk melaksanakan syarak ini, tetapi mengambil kira keadaan yang ada dan suasana yang ada, tetapi usaha kita ialah kuasa yang mantap dan pendekatan kita ialah melalui pendidikan, bukan dengan kekerasan ataupun yang mengejutkan apatah lagi mengambil kesempatan untuk tujuan-tujuan politik.

PROGRAM KARTUN — UNSUR-UNSUR NEGATIF

6. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Penerangan menyatakan adakah kajian dibuat untuk mengenal pasti kesan-kesan negatif dan positif dari program-program kartun ke atas kanak-kanak yang disiarkan oleh saluran-saluran televisyen di negara ini. Terdapat golongan masyarakat yang mempersoalkan ketidaksesuaian program-program kartun yang mempamerkan unsur ganas, bebal dan tidak berunsur tempatan. Apakah tindakan kementerian mengatasinya jika kajian-kajian kementerian menunjukkan kebenaran sangkaan-sangkaan itu.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Railey bin Haji Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan masih lagi membuat kajian mengenai kesan-kesan negatif dari program-program kartunnya. Kementerian amat prihatin sekali terhadap laporan akhbar dan teguran-teguran daripada orang ramai dengan menyisih segala babak-babak negatif termasuk dalam rancangan kartun.

Panduan juga diambil kira daripada negara-negara yang sama budaya dan nilai hidupnya apabila menjadualkan rancangan-rancangan kartun untuk siaran. Nilai pendidikan, kebaikan mengatasi kejahatan selain daripada unsur-unsur hiburan adalah menjadi teras siaran televisyen Malaysia pada hari ini.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada masa sekarang program kartun ditunjuk pada hampir tiap-tiap hari. Jadi, saya tidaklah banyak menjelajah ke seantero dunia, tetapi saya dapati, di negeri yang saya jumpa program kartun ini ditunjukkan pada hari minggu dan hari kelepasan sahaja, tetapi diminimisekan program-program kartun pada hari-hari bekerja. Jadi, adakah pihak RTM akan buat program-program yang sama?

Kedua, kita nampak anak-anaklah yang dieksploitasi sekali daripada segi siaran-siaran kartun yang ditunjukkan di televisyen. Soalan saya, industri filem kita pada masa sekarang cuba membuat filem kita sendiri untuk ditayangkan di kaca televisyen. Jadi, adakah rancangan kementerian supaya RTM dan TV3, umpamanya, akan menggalakkan pembuatan filem kartun sendiri di Malaysia ini supaya ciri dan cita rasa kita boleh disalurkan bersama dalam program-program yang tertentu?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, kita memang mengakui bahawa filem-filem kartun dimainkan di televisyen Malaysia pada setiap hari termasuk hari Ahad. Oleh kerana itulah, akibat teguran-teguran yang dibuat sama ada melalui surat khabar ataupun orang ramai, RTM mengambil langkah untuk membuat kajian secara menyeluruh soal buruk baiknya perkara-perkara yang dikatakan negatif dalam kandungan siaran-siaran kartun dan juga termasuk kekerapan filem-filem kartun ini diadakan, sama ada perlu dimainkan terus setiap hari ataupun sebaliknya. Itu juga termasuk dalam bidang kajian yang dibuat.

Kedua, harus diakui bahawa setakat ini walaupun perkembangan industri filem di Malaysia berkembang begitu baik sekali tetapi tidak ada satu pun pengeluar-pengeluar filem di negara kita yang menghasilkan filem kartun, jadi, terpaksalah segala filem kartun yang kita mainkan di TV kita pada hari ini diimport daripada luar negeri yang mana kebanyakannya adalah daripada Jepun dan lain-lain negara.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa lama kajian ini harus dibuat? Soalan berbentuk seperti ini telah pun ditanya berkali-kali, iaitu lebih banyak terdapat unsur negatif dalam filem-filem kartun daripada positif. Adakah kajian ini akan berakhir dalam jangka masa yang panjang ataupun mengikut kontrak bagi mereka yang mengedar filem kartun?

Apakah Yang Berhormat sedar bahawa filem kartun menyebabkan bertambahnya inflasi di dalam negara ini kerana anak-anak kita sekarang terpaksa membeli banyak filem-filem kartun ini. Saya kadang-kadang terpaksa berbelanja lebih untuk filem kartun seperti Ultraman dan sebagainya bagi anak-anak ini daripada benda-benda yang lain. Jadi, adakah kita bercadang untuk mempercepatkan kajian supaya program kartun yang semua orang bersetuju berunsur negatif ini dipercepatkan supaya kita dapat berbuat sesuatu?

Kedua, saya pernah sekali pergi ke kedai video kerana saya hendak membeli satu filem dokumentari mengenai orang-orang di Kalahari yang sedang menanti hari kematian oleh kerana masalah alam sekitar. Tiba-tiba pengedar video itu kata, hendak beli atau tidak filem seks kartun. Adakah filem seks kartun ini dibenar diedarkan? Dia kata, kartun bukan orang — boleh.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, itu juga merupakan satu perkara, iaitu di antara kartun dengan filem yang dilakonkan oleh manusia adalah merupakan dua perkara yang berlainan. Ertinya, kenapa kita perlu kaji kartun yang dikatakan membawa unsur-unsur negatif — menjadikan sebab mengapa kita kaji, sama ada perkara-perkara yang dikatakan negatif itu menyamai unsur-unsur negatif daripada filem yang dilakonkan oleh manusia. Ini antara ciri-ciri yang perlu kita ambil kira apabila kita mengkaji perkara-perkara yang ditimbulkan ini.

Kedua, memang benarlah, dalam kajian ini juga kita akan ambil kira mengenai filem-filem yang kita telah

komited kepada penjual filem yang perlu kita mainkan, selain daripada keperluan menyunting ataupun memotong perkara-perkara yang didapati negatif.

Ketiga, sama ada filem kartun menyebabkan inflasi, oleh kerana Yang Berhormat dari Arau terpaksa berbelanja lebih, kerana anak beliau terpaksa membeli mainan-mainan yang berunsur kartun, saya minta maaflah, saya kurang pasti mengenai perkara ini. Tetapi saya percaya bahawa kalaupun ada anak-anak yang suka membeli benda-benda yang sama dengan benda-benda yang ditunjukkan dalam filem-filem kartun, ini barangkali bukan kerana filem, ini adalah kerana minat budak-budak itu sendiri — itu pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua.

PEKERJA ASING DARI BANGLADESH — PERKHIDMATAN AGENSI

7. Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah benar kunjungan Timbalan Menteri Dalam Negeri ke Bangladesh baru-baru ini antara lainnya untuk membawa lebih ramai lagi rakyat negara itu untuk bekerja di sini. Kalau benar berapa ramaikah yang akan dibawa dan berapa ramaikah yang telah dibawa. Apakah nama agen-agen yang diberi lesen untuk membawa pekerja asing itu. Berapakah bayaran yang dikenakan kepada setiap orang pekerja kepada agen itu dan berapakah bayaran yang perlu dibayar oleh majikan yang ingin memperolehi pekerja itu kepada agensi berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, kunjungan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri ke Bangladesh baru-baru ini adalah untuk meningkatkan kerjasama antara kedua-dua buah negara, khususnya bagi menangani masalah-masalah berkaitan dengan pekerja asing ke negara ini. Pada masa ini sebanyak 164 agensi dibenarkan untuk menguruskan kemasukan pekerja asing ke negara ini, termasuklah pekerja dari Bangladesh.

Bayaran perkhidmatan yang dikenakan oleh agensi kepada pekerja atau majikan adalah di luar kawalan kerajaan. Lazimnya kadar bayaran yang dikenakan adalah atas persetujuan antara kedua-dua belah pihak.

Dr. Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu bagaimana keputusan kerajaan dibuat untuk menjemput pekerja-pekerja asing itu. Bagaimana kita hendak tahu adakah pekerja asing akan dijemput dari Bangladesh atau Filipina atau Indonesia atau China atau Vietnam atau India atau Pakistan? Bagaimana keputusan ini dibuat.

Mengikut jawapan Yang Berhormat, pekerja dari Bangladesh dijemput oleh kerana untuk membaiki hubungan di antara kedua-dua negara. Adakah ini satu rancangan yang baik dan terperinci?

Kedua, adakah kerajaan menganggap satu strategi yang baik oleh sebab di negara-negara jiran, pada masa ekonomi mereka meningkat kepada satu ekonomi yang lebih mahir, mereka mengurangkan pekerja asing supaya upah kadar bayaran boleh ditingkatkan, dan oleh sebab itu pekerja yang mahir boleh ditingkatkan? Adakah ini satu strategi yang kita sudah lupa?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, cara kerajaan untuk meluluskan pengambilan pekerja asing adalah dengan cara menubuhkan jawatankuasa antara kementerian-kementerian di mana satu jawatankuasa yang dianggotai oleh Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Kementerian

Kesihatan dan sebagainya telah secara bersepadu untuk membincang sesuatu permohonan dari segi keperluan pelaburan dan dari segi keadaan latar belakang pekerja yang mungkin akan menimbulkan masalah-masalah yang akan berbangkit. Selepas meneliti semua faktor-faktor baik dari segi kemahiran, dari segi keperluan, dari segi sosial dan dari segi keselamatan barulah sesuatu permohonan itu dapat ditimbangkan.

Walau bagaimanapun, pada masa ini, pada keseluruhannya pengambilan pekerja asing ini masih dibekukan oleh kerajaan kecuali pakej-pakej pelaburan yang dipohon melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sahaja dapat ditimbangkan dan diberi keutamaan supaya tidak terjejas pelaburan negara ini. Memang adalah menjadi satu dasar ataupun strategi Kerajaan Malaysia hari ini, kita cuba menggalakkan teknologi tinggi. Lebih banyak automation, kurangkan pekerja buruh. Ini kerajaan sudah berulang kali menekankan kepada majikan-majikan supaya jangan terlalu bergantung sangat kepada pekerja buruh di mana kita masih menghadapi kekurangan. Jadi, Yang Berhormat dari Petaling Jaya, jangan bimbang. Sebenarnya kerajaan sudah tahu masalah ini sejak dahulu.

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita sedia maklum bahawa negara kita mempunyai kadar pembawa penyakit seperti HIV yang agak tinggi dan malangnya pula buruh-buruh yang masuk ke negara kita datang dari negara-negara yang mempunyai kadar agak tinggi dari segi penyakit yang saya sebutkan tadi misalnya HIV daripada Bangladesh, Indonesia, India termasuk dari Thailand. Apakah syarat-syarat yang telah dikenakan kepada agen-agen pembawa buruh-buruh ini dari negeri-negeri tersebut yang telah ditetapkan oleh kementerian bagi menentukan bahawa buruh-buruh yang masuk adalah buruh-buruh yang selamat dan buruh-buruh yang kita kehendaki.

Soalan yang kedua ialah untuk mengelakkan daripada berbagai-bagai masalah yang timbul seperti mana yang kita hadapi sekarang. Apakah pihak kementerian bercadang pada masa akan datang untuk menggalakkan buruh-buruh yang berkeluarga sahaja dibawa masuk ke negara kita.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang ada syarat-syarat tertentu telah diperkenalkan kepada pekerja-pekerja dan kepada agen-agen yang membawa mereka masuk. Dari segi kesihatan, sebelum sesuatu permit kerja dikeluarkan, sebelum seorang pekerja dibawa masuk ianya mesti menunjukkan sijil pemeriksaan kesihatan untuk menunjukkan mereka bebas dari sebarang penyakit berjangkit dan selepas mereka masuk ke Malaysia, mereka juga perlu menjalani pemeriksaan kesihatan untuk menjamin double insurance. Selalunya yang menjadi masalah pembawa penyakit HIV atau penyakit berjangkit yang lain, itu berlaku hanya di kalangan pendatang tanpa izin ataupun pekerja tanpa izin yang tidak masuk secara teratur. Inilah yang menjadi masalah. Oleh sebab itu operasi menangkap dan mengusir mereka itu memang berterusan tidak berhenti.

Sama ada kerajaan akan menggalakkan mereka yang berkeluarga sahaja dibawa masuk, sebenarnya asalkan syarat-syarat yang ditetapkan dari segi kesihatan dan latar belakang keselamatan itu ikut prosedur yang ditetapkan, masuk secara teratur, tidak kira dia ada keluarga, tidak ada keluarga, mereka semua itu dianggap tidak ada masalah. Cuma yang tanpa izin itu, tidak kira ada keluarga atau tidak ada keluarga, masuk tanpa izin, maka selalunya timbul masalah. Pada masa ini, kerajaan telah pun adakan banyak usaha untuk mengawal keadaan yang telah membimbangkan kita ini.

ORANG-ORANG CACAT — PELUANG PEKERJAAN DI SEKTOR AWAM DAN SWASTA

8. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan bagaimanakah sambutan pihak kerajaan dan swasta berhubung dengan mengambil orang-orang cacat untuk bekerja dengan mereka. Dan apakah persediaan-persediaan yang sedang diambil untuk orang-orang cacat menjadi manusia berguna bagi Wawasan 2020.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu orang-orang cacat mendapat pekerjaan, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah berusaha dan berjaya mendapat kebenaran kerajaan untuk mengadakan dasar memperuntukkan satu peratus peluang bekerja bagi orang-orang cacat di sektor awam pada tahun 1988. Pelaksanaan dasar ini telah membantu orang-orang cacat yang mempunyai kelayakan dan kemahiran mendapat peluang menyandang jawatan dalam sektor awam. Dasar ini telah memberi harapan dan mendorong orang-orang cacat bekerja di beberapa jabatan kerajaan. Sehingga kini seramai 775 orang cacat telah diambil bekerja di berbagai agensi kerajaan.

Bagi menolong orang-orang cacat mendapat pekerjaan di sektor swasta, satu Jawatankuasa Kebangsaan Penggalakan Penggajian Orang-orang Cacat di sektor swasta telah ditubuhkan pada tahun 1990 oleh Kementerian Sumber Manusia. Dari masa ke semasa, Jawatankuasa ini telah mengadakan kempen bagi meningkatkan penggajian orang-orang cacat di sektor swasta di bidang perubatan dan bidang perkhidmatan. Sehingga kini seramai 1,473 orang cacat berjaya ditempatkan dalam pekerjaan di berbagai sektor swasta. Berbagai persediaan sudah diambil untuk menjadikan orang cacat manusia yang berguna bagi Wawasan 2020. Kerajaan adalah sangat komited terhadap kesejahteraan dan pembangunan bagi orang cacat.

Kementerian telah memperkenalkan berbagai dasar dan program untuk mempertingkatkan berbagai kemudahan dan perkhidmatan bagi membolehkan orang cacat lebih sempurna dan menjadi ahli masyarakat yang berguna dan produktif bagi menuju ke arah Wawasan 2020. Latihan kemahiran, pemilihan, penyediaan peluang-peluang pekerjaan, skim bantuan kewangan, alat tiruan serta bantuan pelancaran untuk menjadi usahawan berjaya. Beberapa program untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi orang cacat, peluang dan kemudahan dari segi sukan dan kesenian serta penglibatan komuniti, pertubuhan sukarela dan sektor korporat bagi sama-sama membangun orang cacat sedang dipertingkat dan diperluaskan semoga orang cacat juga memberi sumbangan ke arah pembangunan dan kemajuan masyarakat dan negara.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Malaysia sekarang mencapai pertumbuhan ekonomi 8.6%, antara negara yang membangun yang terbaik dalam dunia dan negerinya kaya . . . . .

Seorang Ahli: Tahu pun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Kata BNlah. *(Ketawa)* Jadi, apakah salah kita daftarkan semua orang cacat dan kita beri elaun khas kepada mereka. Sudah sampai masanya memberi elaun khas kepada semua orang cacat kalau Malaysia dikatakan orang kaya.

Yang kedua, peruntukan untuk orang tua. Pihak kementerian beri RM80 dan kepada orang yang kelabu mata, yang kurang penglihatan, mereka ini diberi

kurang dari itu dan apakah kerajaan tidak mahu menyelaras beri peruntukan kebajikan dan menasihatkan majikan supaya memberi gaji yang minimum, berapa diletak oleh kementerian kepada orang cacat. Minta penjelasan.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat tadi yang sedar dan sokong usaha kerajaan, usaha Barisan Nasional yang telah dapat membangunkan negara kita dengan sungguh pesat. *(Tepuk)*

Yang sebenarnya kita ada juga, kalau mengikut anggaran dari pihak WHO, kalau ada 1% dari jumlah penduduk di satu negara, memang menghadapi berbagai kecacatan. Sampai hari ini, kementerian telah mendaftarkan hampir 50,000 orang cacat, iaitu dekat 30% yang dianggarkan daripada 180,000 orang cacat yang kita anggarkan ada di negara kita ini yang mempunyai berbagai kecacatan.

Dari segi itu, kita bukannya memberikan wang kepada semua orang cacat. Kita tahu, orang cacat pun ada maruah, kita jangan selalu beri wang sahaja. Usaha kita tertumpu kepada meningkatkan keupayaan mereka dalam kerja supaya mereka akan berdikari. Ini adalah satu usaha yang penting, saya ingat.

Pertolongan kewangan bagi orang tua bukan RM80, saya fikir RM70 — Kelantan beri berapa itu? *(Ketawa) (Disampuk)* Tadi saya sudah jawab, kita tidak dapat beri semua. Tetapi bagi orang yang cacat penglihatan, semua itu kita beri dengan cara yang lain, bukan berbentuk wang sahaja — kita beri cermin mata dan berikan lain-lain pertolongan lagi.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana banyak memberi pertolongan kepada orang-orang cacat dan orang cacat ini memang tidak dilupakan oleh kerajaan. Tetapi satu soalan saya, pada empat hari yang lepas, kalau tidak salah, ada satu surat yang saya baca mengatakan rancangan untuk pembinaan bangunan dan pejabat dan semua sekali belum lagi orang cacat "friendly". Jadi, apakah tindakan kerajaan agar pemaju kerajaan membuat pejabat dan pejabat untuk usahawan di mana orang-orang cacat ini pergi bekerja boleh dibuat orang cacat "friendly" — maknanya kalau rumah itu empat tingkat, berilah lif atau beri ram untuk dia naik. Macam mana? Jadi apakah rancangan dan planning kerajaan agar perkara-perkara ini difikirkan supaya orang cacat betul-betul dapat meningkatkan prestasi mereka?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, ini memang ada ulasan dalam surat khabar. Sebenarnya sudah lama kita wujudkan undang-undang di mana bangunan awam perlu memberikan perhatian yang khusus kepada orang cacat — ram atau special lift, ini semua ada. Saya ingat ini kita perlu beritahu bahawa kerajaan telah meneliti semua kehendak-kehendak orang cacat dari segi pengangkutan untuk mereka pergi bekerja.

PENCEMARAN ALAM SEKITAR DI KAWASAN PELUPUSAN SAMPAH DI SUNGAI BESI DAN JINJANG

9. Tuan Tan Kok Wai minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kawasan pembuangan sampah di Kilometer 6 Jalan Sungai Besi dan Jinjang Utara, Kuala Lumpur telah mengancam alam sekitar yang serius dan membahayakan kesihatan kepada penduduk-penduduk bandar raya dan mengapakah kerajaan gagal menutup tempat tersebut meskipun telah dijanjikan banyak kali pada masa lalu. Mengapakah incinerator moden tidak diperkenalkan

bagi melupuskan sampah dalam bandar raya Kuala Lumpur. Apakah langkah yang diambil oleh Dewan Bandaraya untuk memperbaiki kesihatan dan kualiti alam sekitar bagi menjadikan Kuala Lumpur bandar raya taman yang sering dilaungkan untuk dicapai.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar masalah yang dihadapi oleh penduduk di sekitar kawasan pelupusan sampah di Sungai Besi dan Jinjang. Keadaan ini akan berlaku untuk sementara waktu kerana kerajaan sedang berusaha untuk mendapatkan tapak yang baru bagi menggantikan tapak yang sedia ada.

Beberapa tindakan telah diambil di tapak-tapak berkenaan bagi memastikan sampah-sampah yang dihantar ke tapak pelupusan diurus dengan sempurna bagi mengurangkan masalah-masalah yang timbul seperti bau yang busuk, jalan raya yang kotor dan debu-debu yang berterbangan.

Setakat ini kerajaan masih belum bercadang untuk menggunakan kaedah pembakaran melalui loji 'incinerator' kerana kosnya terlalu tinggi. Sebagai contoh, kos pembinaan 'incinerator' dengan kapasiti 2,000 tan seperti yang terdapat di Singapura berharga sekitar RM850 juta. Oleh kerana itu, kerajaan lebih mengutamakan kaedah 'sanitary landfill' seperti yang diamalkan sekarang.

Salah satu langkah yang diambil oleh kerajaan bagi memperbaiki kesihatan dan kualiti alam sekitar ialah berusaha untuk mengatasi masalah pelupusan sampah di mana kerajaan sedang meneliti untuk menswastakan sistem pelupusan sampah merangkumi seluruh negara termasuk Kuala Lumpur. Dalam sistem penswastaan tersebut, adalah dijangkakan loji-loji 'incinerator' akan juga dibina mengikut kesesuaian. Di samping itu, lain-lain sistem seperti 'kompos' dan 'sanitary landfill' akan juga dipertimbangkan sebagai alternatif atau digunakan bersama.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya sedih sangatlah tentang jawapan-jawapan yang diberi mahupun jawapan yang diberi oleh Jabatan Perdana Menteri ketika mengadakan perbincangan dalam Jawatankuasa. Nampaknya kerajaan ataupun pihak yang berkenaan tidak mengambil berat langsung terhadap masalah sampah-sarap di kedua-dua tempat tapak pelupusan sampah-sarap iaitu Kepong, Jinjang ataupun Jalan Sungai Besi, kawasan saya. Sudah pun selama lima tahun . . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat . . . . .

Tuan Liew Ah Kim: Selama lima tahun . . . . . *(Disampuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat . . . . . Yang Berhormat, pertanyaan . . . . . pertanyaan!

Tuan Liew Ah Kim: Bolehlah, Yang Berhormat boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Tanyalah. *(Disampuk)*

Tuan Liew Ah Kim: Beri sedikit latar belakang kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tak sabar sungguhpun dia kata saya sadar . . . . . pihak kami sadar bahawa masalah itu . . . . . *(Disampuk)*

Seorang Ahli: Sedar!

Tuan Liew Ah Kim: Memang ada wujud, tetapi sehingga hari ini . . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, apa soalannya?

Tuan Liew Ah Kim: Mengapa tidak ada sebarang tindakan? Lima tahun yang lalu hujah-hujah telah pun dibuat tentang pembinaan incinerator moden. Sehingga hari ini, masih dalam pertimbangan ataupun macam mana ada satu kerajaan yang berkesan, cekap dan amanah? Maka saya minta jawapan yang lebih tepat dan lebih konkrit tentang plan untuk menyelesaikan masalah sampah-sarap dalam Wilayah Persekutuan setakat ini yang setiap hari mengeluarkan sampah sebanyak 2,500 tan metrik. Ini bukan satu masalah yang kecil, Tuan Speaker!

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah, cukup. *(Disampuk)* Sila jawab ya.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar ada masalah, tetapi kita atasi dengan menyembur bahan-bahan kimia untuk mengawal bau busuk dan lalat dan kita timbus dengan pasir dan keadaan begini, masyarakat setempat tidak menunjukkan gelisah, malah . . . . . *(Ketawa)* semua usaha telah dibuat agar landfill ini dalam keadaan yang tidak membawa kepada mudarat.

Dalam pada itu, seperti saya sebut awal tadi, kerajaan memang ada usaha untuk menswastakan pengangkutan sampah-sarap seluruh negara. Keadaan sedang dikaji dan Yang Berhormat dari Seputeh harap bersabarlah.

Tuan Lau Dak Kee: *(Bangun)*

Seorang Ahli: Ipoh mali lo!

Tuan Lau Dak Kee: Jawapan daripada Timbalan Menteri menyatakan bahawa orang-orang yang duduk berhampiran tapak pembuangan sampah itu tidak gelisah. Saya rasa kalau itu benar, saya ingin minta Timbalan Menteri pindah ke tempat itu — semua, segala bayaran atau perbelanjaan akan ditanggung oleh orang-orang yang duduk berhampiran dengan tapak pembuangan sampah itu . . . . . *(Disampuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apakah dia soalan itu?

Tuan Lau Dak Kee: Adakah Timbalan Menteri bersetuju untuk berpindah ke tempat yang saya sebut itu? *(Disampuk)*

Yang kedua, saya dapati bahawa ada beberapa Kerajaan Tempatan khasnya Kerajaan Tempatan di pulau-pulau kecil yang telah bercadang untuk . . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat soalan di sini ialah Jinjang Utara ni.

Tuan Lau Dak Kee: Ya. Ya. Saya tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Sungai Besi dan Jinjang Utara ni. Tempat lain tidak bersangkut ini.

Tuan Lau Dak Kee: Ini ada sampinganlah. Ada sampingan. Ada berkaitan. *(Disampuk)* Sama ada kerajaan bersetuju Kerajaan Tempatan ini berminat untuk membeli incinerator itu. Kalau tidak mengapa cadangan itu masih berjalan dan masih ada rombongan-rombongan untuk pergi ke negara-negara yang membina incinerator itu mahu mengkaji sama ada boleh digunakan atau sesuai atau tidak. Apakah jawapan dari kementerian?

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, harga incinerator itu RM850,000 hingga RM1 bilion dan pelaksanaan incinerator sekurang-kurangnya 30% memerlukan juga landfill. Ini suatu masalah yang berat juga dan di samping itu memang kita memerlukan sekurang-kurangnya 150 ekar tanah untuk dapat kita tampung sampah-sampah yang terdapat 2,500 tan metrik di sekitar

Wilayah Persekutuan dan hampir 2,000 tan metrik di kawasan Selangor. Jadi, kedua-dua kawasan dalam Lembah Kelang sahaja hampir 5,000 tan metrik sampah Tuan Yang di-Pertua, setiap hari.

Oleh kerana itu, walaupun kerajaan bersedia untuk menswastakan pengangkutan sampah memandangkan penggunaan incinerator kosnya adalah terlalu tinggi, tetapi landfill juga diperlukan sebab menerusi proses incinerator 30% daripada sisanya perlu dilakukan melalui proses landfill ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Joseph Vun Shin Choi.

(Soalan No. 10 — Y.B. Tuan Joseph Vun Shin Choi tidak hadir)

HUTANG — JUMLAH BERDASARKAN NEGERI

11. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah hutang bagi tiap-tiap negeri di Malaysia kepada Kerajaan Pusat dan pembayaran balik yang ditunaikannya bagi tahun 1991, 1992, 1993 dan 1994.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, jumlah hutang Kerajaan-kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan yang belum diselesaikan pada masa ini ialah RM7,121.26 juta. Pada tahun 1991 jumlahnya ialah RM7,106.37 juta, 1992 RM7,225.9 juta, 1993 RM7,174.27 juta.

Lima buah negeri yang mana hutang mereka adalah terbesar adalah seperti berikut. Yang pertama, Selangor RM958.4 juta. Yang kedua, Kedah RM921.4 juta. Yang ketiga, Kelantan RM815.9 juta. Johor RM800.6 juta dan Negeri Sembilan RM731.8 juta.

Mengenai pembayarannya pula, antara Januari hingga September 1994, Kerajaan-kerajaan Negeri telah membayar balik kepada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM225.78 juta. Tahun 1991, bayaran balik RM368.01 juta, 1992 sebanyak RM352.76 juta, 1993 sebanyak RM337.7 juta. Antara negeri-negeri yang paling banyak membayar hutang di antara bulan Januari hingga September 1994 ialah yang pertama Selangor RM105.5 juta; yang kedua Kedah RM30.4 juta; yang ketiga Sarawak RM27.11 juta; yang keempat Johor RM19.11 juta dan yang kelima Perak RM17.61 juta.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebanyak manakah lagi berbagai jenis geran kepada Negeri Kelantan tidak diberi oleh Kerajaan Pusat pada tahun 1994 ini dan adakah dengan melengah-lengahkan bayaran geran kepada Negeri Kelantan menyebabkan perkembangan ekonomi boleh menjadi rendah dan hutang Negeri Kelantan yang dibuat oleh Barisan Nasional tidak dapat dibayar oleh pihak kami. *(Disampuk)*

Oleh itu, apakah jaminan supaya geran ini dapat diberi dengan sempurna mengikut jadual dengan itu dapatlah kami merancang ekonomi dan kami akan bayar hutang Barisan Nasional yang dibuat dulu dengan begitu baik. Minta berapa jumlah geran yang belum diberi kepada Kelantan pada tahun 1994.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, geran ini tidak ada kaitan langsung dengan soalan. Soalan berkaitan dengan pinjaman. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat proses pembayaran geran sedang dilakukan seperti biasa. Sehingga ini kira-kira RM24 juta telah pun dikeluarkan kepada Kelantan sebagai geran dan kita berharap seperti mana yang

dijanjikan oleh Yang Berhormat dari Nilam Puri yang dinyatakan tadi, sebahagian daripada pinjaman akan dapat dibayar daripada geran yang dikeluarkan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 dan 12 hingga 25 adalah dijilid dalam buku berasingan)

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Point of order ya. Apa dia itu?

Tuan Shahidan bin Kassim: 36 (8) Tuan Yang di-Pertua. Pada 15hb. November yang lepas, Ahli Parlimen dari Kota Melaka Tuan Lim Guan Eng mempertikaikan pemberian "Datuk" kepada Datuk Ridzuan bin Abdul Hamid, Datuk Fatmi bin Che Salleh, Datuk Mohd. Al-Amin bin Abdul Majid dan Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

Dia mempertikaikan hak Yang di-Pertua Negeri Melaka dalam pemberian "Datuk" yang mengatakan pemberian Datuk itu tidak logik. Maka saya dengan ini ingin merujuk beliau kepada Perkara 80 Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana perbuatannya menghina Yang di-Pertua Negeri Melaka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta Yang Berhormat membuat Usul ya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya. Insya-Allah.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Ini pembela Rahim!

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1995

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1995

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1995 dan Anggaran Pembangunan 1995 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". *(Hari Kelima)*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Maksud B. 17 (Jadual) —
Maksud P. 17 (Anggaran Pembangunan, 1995) —

Tuan Pengerusi: Kementerian Belia dan Sukan sudah habis? Belum ya, Sila teruskan.

3.38 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said): Tuan Pengerusi, saya hendak sambung sedikit sahaja lagi.

Tuan Pengerusi, izinkan saya merujuk kepada dua perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Santubong yang tidak sempat disentuh oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan pada minggu yang lepas. Mengenai pertanyaan Yang Berhormat sama ada IKBN akan diwujudkan di Sarawak, sukacita dimaklumkan bahawa memanglah menjadi hasrat Kementerian Belia dan Sukan untuk mewujudkan IKBN bukan sahaja di Sarawak, malahan di mana-mana negeri yang belum mempunyai IKBN supaya di suatu hari nanti tiap-tiap negeri akan ada IKBN masing-masing.

sementara waktu ini, sehingga menjadi kenyataan saya berharap Berhormat bersabar dan memadailah apa yang ada sekarang. Walau manapun, Kementerian Belia dan bersedia memberi pertimbangan mengambil lebih ramai lagi pelatih Sarawak.

menterian Belia dan Sukan me- baik cadangan Yang Berhormat genai program pengembaraan Rakan dibuat di sekitar perkampungan yang sungai di Sarawak. Saranan ini patan dengan program Rakan Cinta dan juga Rakan Rekreasi. Se- guhnya Tuan Pengerusi, Kementerian dan Sukan telah pun bersedia demikian, cuma menunggu kapal dijanjikan oleh Yang Berhormat masih lagi tidak kunjung tiba. Allah apabila kapal yang dijanjikan ba kita boleh teruskan dengan ram ini dan diharap Yang Berhormat urut sama serta di bawah konsep an. Bukan itu sahaja Tuan Pengerusi, sekiranya ada mana-mana gua yang diterokai dan mana-mana gunung perlu didaki di Sarawak, Yang ormat juga boleh mengemukakan ngan kepada kementerian ini.

an Pengerusi, saya ingin merakam- erima kasih kepada . . . . .

uan Shahidan bin Kassim: Pen- ar

uan Pengerusi: Ya, ada yang bangun.

uan Shahidan bin Kassim: Peng- san sekali. Tuan Pengerusi, ini pasal an sayalah. Walaupun Yang Berhormat awab soalan Yang Berhormat dari tubong tadi, ini pasal soalan saya yang Saya minta Yang Berhormat beri elasan sekali lagi berhubung dengan kan Muda. Ia ada Rakan Rekreasi ia tidak termasuk Rakan Vokasional Teknikal yang saya rasa bagi mereka yang tidak berminat ini, mereka boleh masuk ke bidang tersebut. Sebab saya tidak tahu model mana yang dia akan ambil tetapi antara model yang diterima pakai ialah daripada Germany dan juga Switzerland di mana rakan vokasional dan juga teknikal ini diambil kira sebagai konsep Rakan Muda.

Yang keduanya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berjanji untuk mengambil tindakan mengenai cadangan saya iaitu berhubung dengan penggantian konsep "Kepengakapan" supaya diperkenalkan pengakap ala-Malaysia iaitu yang dibuat oleh kementerian berhubung dengan tahap-tahap latihan — Level I sampai Level IV. Saya ingat Yang Berhormat Setiausaha Parlimen hanya menjawab kerajaan akan mengambil tindakan. Oleh kerana saya telah menimbulkan perkara ini sudah 4 tahun berturut-turut, apakah Yang Berhormat bercadang untuk memberi jawapan yang agak detail sedikit sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, mengenai pertanyaan Yang Berhormat yang pertama tadi, kenapa vokasional dan teknikal tidak dimasukkan dalam Rakan. Sebenarnya, Tuan Pengerusi, vokasional dan teknikal merupakan unsur-unsur kemahiran, maka Kementerian Belia dan Sukan telah masukkan ke dalam Program Rakan Wira Usaha dan Wira Mahir. Itu penjelasan kepada soalan yang pertama.

Yang kedua, cadangan Yang Berhormat untuk mengadakan tahap latihan tertentu, yang sebenarnya kita sedang mengkaji. Jadi, Yang Berhormat sabarlah. Insya-Allah, bila sampai masa dan ketikanya mungkin kita boleh menjemput Yang Berhormat untuk sama-sama menatapinya.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya ingin mengucapkan terima kasih Kementerian Belia dan Sukan kepada Yang Berhormat dari Kota Bharu di atas sokongan yang diberi kepada Program Rakan Muda. Sungguhpun sebahagian besar ucapan Yang Berhormat tidak ada relevan tetapi cadangan-cadangan yang berguna yang disarankan oleh Yang Berhormat itu akan diambil perhatian. Kementerian merasa bangga di atas penglibatan Yang Berhormat dari Kota Bharu selama 10 tahun dalam Majlis Belia Malaysia dan juga saya berharap sokongan yang serupa dapat kiranya Yang Berhormat berikan kepada program-program lain yang dianjurkan oleh pihak kerajaan dan kalau boleh, "baliklah ke pangkal jalan". Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM71,720,200 untuk Maksud B. 17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM71,720,200 untuk Maksud B. 17 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM103,446,900 untuk Maksud P. 17 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1995 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujukan.

Wang sebanyak RM103,446,900 untuk Maksud P. 17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1995.

Maksud B. 18 (Jadual) —
Maksud P. 18 (Anggaran Pembangunan, 1995) —

Tuan Pengerusi: Kepala B. 18 dan P. 18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama terbuka untuk dibahas. Bandar Kuching.

3.44 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Pengerusi, ingin saya merujuk kepada Maksud Bekalan B. 18 di bawah Program 020000 iaitu Program Perhutanan dan menurut buku Program dan Prestasi ini, muka surat 152. Objektif untuk meminta peruntukan ini adalah supaya mengurus kawasan hutan negara dengan cara yang teratur untuk menjamin bekalan kayu dan lain-lain keluaran hutan yang cukup serta keadaan iklim, fizikal dan alam sekitar yang baik bagi kepentingan rakyat dan negara.

Terlebih dahulu, Tuan Pengerusi, ingin saya meminta pihak kementerian berkenaan supaya mengkaji semula Dasar Perhutanan Negara yang ada sekarang supaya mengharamkan pengeksportan kayu dalam bentuk balak sama sekali. Buat masa sekarang, cuma Sarawak merupakan negeri yang tunggal, yang masih mengeksportkan balak sebanyak, tahun ini agaknya 16 juta cubic metre. Walaupun kuota yang disimpan untuk industri-industri berdasarkan kayu tempatan di negeri Sarawak ini, walaupun kuota ianya sudah dinaikkan daripada paras 16% sehingga 36%, tetapi pengusaha-pengusaha dalam industri ini masih membuat aduan bahawa mereka tidak dapat bekalan balak yang mencukupi dengan harga yang berpatutan. Jadi, saya tidak fikir kewajaran dasar untuk mengeksportkan kayu dari Sarawak dalam bentuk balak. Bagaimanakah ia boleh perlu dikekalkan?

Akan tetapi, Tuan Pengerusi, tajuk yang utama yang saya ingin membangkitkan hari ini ialah supaya kementerian

yang berkenaan diberi kuasa dan tanggungjawab menjaga pengurusan sumber-sumber kayu-kayan dalam Malaysia ini mengambil perhatian tentang controversy yang masih terus berjalan di negeri Sarawak dalam industri pembalakan.

Tuan Pengerusi, dalam pengurusan sumber-sumber perhutanan negara kita ini, kerajaan patutlah memegang kepada prinsip-prinsip seperti berikut. Ini ialah cadangan saya.

(1) Bahawa pembalakan dijalankan selaras dengan dasar pembangunan yang berkekalan;

(2) Bahawa pembalakan tidak mencemarkan alam sekitar sehingga rakyat tempatan menjadi mangsa-mangsa kepada keuntungan syarikat-syarikat yang besar serta pertumbuhan mikro-ekonomik negara kita ini; dan

(3) Bahawa syarikat-syarikat yang menjalankan pembalakan ini mengikuti semua undang-undang yang ada, di mana mereka membalak sama ada dalam negeri ataupun luar negeri.

Dalam hal ini, Tuan Pengerusi, kerajaan pada amnya dan Kementerian Perusahaan Utama khasnya perlulah berhati-hati dan peka kepada teguran dan aduan terhadap penyelewengan-penyelewengan syarat-syarat lesen yang dipegang oleh syarikat-syarikat pembalak tertentu yang mungkin telah berdosa melanggari prinsip-prinsip yang saya sebutkan di atas tadi. Saya cadangkan siasatan perlulah dijalankan untuk menetapkan kebenaran teguran dan jika tuduhan-tuduhan betul, syarikat-syarikat berkenaan patutlah dinasihatkan janganlah mereka menjatuhkan imej negara kita serta janganlah mereka menjejaskan kepentingan ekonomi negara kita ini dan jika perlu, syarikat-syarikat yang bersalah patutlah dihadapkan ke mahkamah untuk tindakan sewajarnya di bawah undang-undang.

Tuan Pengerusi, sebagai jurucakap bagi pihak Pembangkang ke atas bidang dan isu perhutanan serta alam sekitar sejak tahun 1982, saya selalu membangkitkan isu pembalakan dan industri-industri kayu-kayuan dalam dan luar Dewan yang mulia ini. Dalam tugas saya juga, rakyat Malaysia yang telah dimangsakan oleh syarikat-syarikat pembalak, kadangkala menyampaikan aduan kepada saya supaya masalah mereka boleh dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini dan haraplah diselesaikan oleh pihak kerajaan. Pada bulan Oktober 1993, saya pernah menerima surat aduan daripada 15 buah kampung berbangsa Penan di Long Mobui, Daerah Ulu Baram, negeri Sarawak. Mereka menuduh bahawa sebuah syarikat pembalak, iaitu Syarikat Sam Ling, kepunyaan Datuk Yeoh Teck Seng yang baru-baru ini membeli cukup saham untuk menguasai Ling Gui Berhad itu. Syarikat itu telah mencemarkan bekalan air mereka, merosakkan tanah mereka dan menafikan peluang mereka hidup dalam hutan rimba. Kaum Penan ini telah membuat benteng, ingin membela tanah air mereka selepas aduan kepada pihak berkuasa tempatan gagal sama sekali untuk menarik perhatian pihak yang berkenaan. Akan tetapi Kumpulan Samlin pada masa itu juga membuat aduan kepada pihak berkuasa tempatan dan pasukan polis dihantar untuk membuka benteng yang didirikan oleh pihak Penan itu.

Oleh sebab tuduhan-tuduhan Penan terhadap Syarikat Samlin serta pihak polis ini terlalu serius, Tuan Pengerusi, saya

memutuskan supaya menyiasat dahulu sebelum mengambil apa-apa tindakan. Jadi, kemudiannya Setiausaha Politik saya dihantar ke Hulu Baram untuk melawat ke 15 buah kampung Penan tersebut. Atas nasihat saya satu rombongan yang mewakili 15 buah kampung, dengan mengambil masa 9 hari telah datang ke Bandar Kuching untuk membuat laporan polis serta berjumpa dengan pemimpin-pemimpin politik dan pegawai tinggi.

Tuan Pengerusi, mereka memerlukan masa selama 9 hari sebab mereka terpaksa berjalan kaki selama 5 hari dalam hutan, naik perahu panjang 2 hari baru sampai ke Pekan Long Lama. Kemudian naik ekspres satu hari baru sampai ke Miri dan sehari dengan bas baru sampai ke Kuching, pergi balik di antara Kuching dan Hulu Baram mengambil masa 3 minggu. Rombongan ini terdiri dari 13 wakil-wakil ataupun ketua kaum daripada 1,000 orang Penan mewakili 10% daripada jumlah bilangan Penan yang ada dalam negeri Sarawak ini. Laporan Polis No. CPS 8037/94 telah dibuat pada pukul 3.15 petang 30hb. September, 1994.

Saya sendiri sudah dijamin oleh pihak polis negeri Sarawak bahawa mereka akan menyiasat dua daripada 10 perkara — 2 sahaja. Saya pun berterima kasihlah kepada mereka, tetapi oleh sebab tuduhan-tuduhan mereka sangat serius, jadi saya meminta maaf untuk membaca naskhah asal Laporan Polis yang dibuat oleh orang Penan ini. Oleh sebab ia panjang sedikit, saya tidak akan membaca semua perkara, tetapi perkara-perkara terpilih sahaja. Saya minta izin, ini adalah naskhah Laporan Polis.

Tuan Pengerusi, "Laporan gabungan ini dipersetujui oleh kampung kaum Penan Sarawak khasnya kawasan daerah Hulu Baram mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka". Kelima belas kampung terlibat ialah:

1. Bak Ripo.
2. Long Lamai.
3. Bak Abang.
4. Long Itam.
5. Long Lakar.
6. Bak Pengaran.
7. Bak Keramiun.
8. Long Krong.
9. Long Sabai.
10. Long Ajaing.
11. Long Sebigan.
12. Bak Aklai.
13. Long Kepang.
14. Long Sait.
15. Pa Peram.

Saya ingin membangkitkan perkara ini supaya ia boleh diselesaikan tanpa dia keluar negeri. Saya sambung semula.

Perkara pertama — Ugutan polis dan kerosakan harta rakyat

Pada 12hb. September, 1993 kira-kira seramai 300 lebih anggota polis dan tentera diketuai oleh polis cawangan daerah kecil Murudi, Baram, D.O. dari Pejabat Daerah Baram, Marudi melawat ke kawasan kami. Bila sampai ke tempat itu tiba-tiba tanpa memberitahu amaran ataupun berunding dengan kami, mereka melemparkan lima kali 'tear gas' di kawasan orang ramai iaitu seramai 203 orang Penan termasuk kanak-kanak dan orang tua yang sedang sakit tenat. Semasa kejadian tersebut pihak polis menangkap 9 orang termasuk budak sekolah yang berumur 6 tahun dan dua orang tua yang

sedang sakit tenat. Semasa kejadian tersebut terdapat juga beberapa orang yang mengalami luka ringan serta ditumbuk oleh pihak polis. Semasa di dalam tahanan mereka tidak diberi cukup makanan dan tidak diberi selimut semasa tidur dan mereka diberi minuman air paip sahaja.

Perkara kedua — Kematian budak lelaki

Kejadian itu ramai orang yang terkena macam-macam penyakit akibat daripada 'tear gas' dan beberapa hari kemudian seorang budak lelaki bernama Sani Laot berumur 6 tahun yang terkena gas tersebut mengalami sakit teruk. Selepas sakit selama 2 minggu Sani Laot meninggal dunia pada 15hb. Oktober di Long Sait. Saya tinggal sebab tidak ada masa.

Perkara kelima — Ugutan Pasukan Polis Hutan

Pada 18hb. April, 1994 Pasukan Polis Hutan yang bernama Regin Simunyi, Kompeni A, Batalion ke-18 Miri, mengugut rakyat Penan di Long Segipan. Katanya kepada mereka "Sesiapa yang cuba memohon hutan rimba untuk kehidupan seharian tetap tidak diberi oleh kerajaan malah mereka itu akan ditembak dan ditangkap oleh Pasukan Polis Hutan (PPH). Orang Penan tidak ada hak atas hutan rimba, kesemua ini hakmilik kerajaan". Pada tarikh yang sama dia juga berkata kepada orang Penan "Sesiapa sahaja orang Penan yang mereka jumpai di hutan, mereka akan ditangkap atau dibunuh oleh Polis Hutan".

Perkara keenam — Perbuatan keji Pasukan PPH

Pada hujung tahun 1993, Pasukan Polis Hutan yang bertugas di Long Moboi merogol seorang budak perempuan, budak perempuan itu namanya 'Sara' — S–a–r–a, berumur 15 tahun sahaja, dirogol secara bergilir-gilir sehingga ia pengsan.

Perkara kesepuluh — Kerosakan harta-benda orang Penan

Ladang-ladang yang dirosakkan oleh syarikat Samlin Timber. Senarai pemilik-pemilik tanah yang dirosak di Long Segipan adalah seperti berikut:

1. Encik Sapawi Ngadau.
2. Boys Abeng.
3. Ketiu Na'an.
4. Thom Petiun.
5. Misagang.
6. Lagoi Beti.

Tuan Pengerusi, kes ini tidak kena-mengena dengan sama ada Bruno Manser ataupun Pembangkang ada mengapi-apikan kaum Penan atau tidak ataupun NGOs yang datang dari luar negeri untuk menjatuhkan ekonomi Malaysia ini. Kes ini tidak ada berkait dengan mereka sama sekali. Kes ini ada kena-mengena dengan hampir 1,000 orang warganegara Malaysia yang berbangsa bumiputera sebab kaum Penan itu pun memanglah bumiputera yang paling asal di Negeri Sarawak.

Tetapi adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan dan media massa sanggup mendengar teguran orang Penan ini ataupun pihak pembalak seperti Samlin Timber bersama-sama dengan Rimbunan Hijau telah menjadi begitu besar, kaya dan berpengaruh khasnya Rimbunan Hijau. Contohnya sehingga orang Penan serta saya sendiri juga akan dituduh seolah-olah kami mahu menjatuhkan imej negara kita sahaja ataupun orang Penan dengan saya telah dijadikan kakitangan kepada 'Bruno Manser' ataupun media Barat sahaja. Adakah orang Penan ini tidak berhak hidup dan patutlah terkorban demi kepentingan negara supaya hasil daripada pembalakan dikekalkan untuk syarikat-syarikat pembalak dan Jabatan Hasil Dalam Negeri?

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan hal ini sebab bukan main-main sahaja atau untuk kepentingan parti politik, tidak kira sama ada kerajaan dikuasai oleh Barisan Nasional tetapi DAP akan terus bangkitkan perkara atau mengenai kes ini juga. *(Tepuk)* Kes ini pun lebih besar daripada satu negara atau kedaulatan negara sahaja. Ianya merupakan satu asal kemanusiaan seluruh dunia ini, di mana-mana sahaja pembangunan ekonomi negara dijalankan tanpa semangat adil seperti aborigines di Australia hilang hakmilik mereka di atas tanah mereka.

Di negara New Zealand, bangsa Maori menderita daripada pembangunan. Di Kanada, bangsa Red Indian dan bangsa Eskimos juga jadi mangsa kepada pembangunan sosio-ekonomi di negara itu. Di Brazil beratus-ratus bangsa asli juga sudah mati dan pupus akibat daripada pengeksploitasian sumber-sumber sosio-ekonomi yang kejam dan tidak memberi perhatian kepada orang asal. Di Amerika Syarikat juga Red Indian serta orang kulit hitam dijadikan mangsa kepada satu sistem yang tidak adil sama sekali.

Tuan Pengerusi: Minta gulung, Yang Berhormat.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Sim Kwang Yang: Sebagai gulungan, Tuan Pengerusi, saya minta maaf sebab hati saya paling sedih, sebab seorang yang terlibat dalam perjuangan ini sudah mengalami pengalaman yang paling teruk. Saya baca satu kenyataan akhbar 4 perenggan sahaja, Tuan Pengerusi, saya akan habiskan — yang dikeluarkan oleh . . . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat tak sempat hendak baca semua.

Tuan Sim Kwang Yang: Empat perenggan sahaja. Kalau boleh, saya singkatkan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Pengerusi, pada 17hb. November tahun ini, sepuluh hari dahulu, Encik Justine Louis, 30 tahun, apabila perahu yang digunakan bersama-sama dengan 13 penumpang lain terkandas dan karam di Ulu Sungai Baram berhampiran dengan sebuah rumah panjang Kenyah iaitu Long Balai. Encik Louis merupakan sebahagian daripada misi mencari maklumat yang terdiri dari beberapa kumpulan NGO Malaysia yang ditugaskan mencari maklumat menyiasat aduan dibuat oleh 15 kampung Penan di Ulu Baram, Sarawak di dalam laporan polis. Di antara NGO yang terlibat dalam misi mencari maklumat ini adalah Institut Pengajian Komuniti (IPK), Centre for Orang Asli Consessi (OACC), Sarawak Excess (SAKCESS), Partners for Comunity Organisers (PACOS), Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), Selangor Graduate Society (SGS) dan Pusat Komas. Encik Justine Louis ini sehingga hari ini tak boleh dijumpai. Saya khuatiri dia sudah terkorban.

Ingin saya menekankan, ini bukan main-main untuk kepentingan parti politik, tetapi kami pencinta alam sekitar menganggap sebagai satu perjuangan berpanjang-panjangan, dan jangan seseorang membuat fitnah bahawa kami ada niat jahat ataupun ulterior motives ataupun apa-apa sahaja. Kami sanggup mengorban diri supaya keadilan masyarakat boleh dicapai. Sekian sahaja. *(Tepuk)*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nilam Puri.

4.03 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Tuan Pengerusi, B. 18, 070000 — Lembaga Tembakau Negara yang peruntukan naik lebih daripada RM100,000 pada tahun ini.

Tuan Pengerusi, kempen begitu hebat dijalankan supaya orang ramai tidak merokok dan rokok telah dipandang jijik oleh masyarakat, sehingga di tempat-tempat awam sekarang ini rokok telah pun diharamkan. Barangkali ramai di antara rakyat sudah berhenti merokok sejak kempen yang dilancarkan oleh kerajaan. Soalnya, bagaimana nasib penanam-penanam tembakau. Bila kempen begitu kuat dijalankan terhadap rokok, rokok dipandang jijik, maka pengusaha-pengusaha tembakau juga dipandang jijik. Oleh itu, penanam-penanam tembakau juga sudah menjadi serba salah dalam usaha mereka untuk mencari rezeki, kerana ianya dikempen seolah-olah mereka itu menanam satu racun untuk membunuh manusia yang lain. Apakah usaha-usaha kerajaan ke arah berikhtiar untuk menggantikan penanaman tembakau dengan tanaman-tanaman yang lain, kerana tananam tembakau kebanyakan tanahnya berpasir, seperti di Bachok, di Besut dan juga di lain-lain tempat di utara negeri Kedah dan juga Perlis. Apakah kajian secara bersungguh-sungguh dibuat oleh pihak kementerian untuk menggantikan tanaman tembakau dengan tanaman yang lain, di mana sekarang ini mereka bekerja dengan lebih selesa untuk mengeluarkan hasil untuk menyara hidup anak isteri mereka.

Kalaulah jawapan diberi tembakau itu untuk dieksport, sudah tentulah tembakau ini gunanya adalah untuk buat rokok, cerut dan lain-lain yang seumpama dengannya. Kalau dieksport, maka kita musnah pula orang lain. Jadi, kita tidak musnahkan rakyat kita, tetapi kita musnahkan orang lain. Jadi, dengan serius pihak kementerian, apakah usaha alternatif dibuat untuk menggantikan tanaman tembakau. Kami juga di negeri Kelantan menghadapi masalah ini kerana penanam-penanam tembakau yang banyak di antaranya berada di kawasan Bachok dan di kawasan Pasir Puteh. Oleh itu, kita minta pihak kerajaan membuat kajian kesesuaian tanah dengan tanaman yang lain.

Perkara kedua yang ingin saya sentuh ialah Butiran 030000 — Galian. Baru-baru ini terdengar diberitakan dan keluar dalam surat khabar secara besar-besaran, iaitu kawasan Sungai Koyan dijumpai emas dan orang-orang FELDA di situ akan menjadi jutawan. Tanah-tanah mereka akan dibeli dengan harga berjuta-juta ringgit dan mereka juga akan dibenarkan melabur dalam syarikat-syarikat yang mengusahakan cari gali di kawasan Sungai Koyan nanti.

Saya ingin penjelasan berapa ekarkah kawasan FELDA yang terlibat dan dianggarkan berapa juta ringgit emas yang tersimpan di situ, dan apakah jaminan pihak kerajaan supaya bila dijumpai lombong emas nanti di situ bukan lagi menjadi satu cerita iaitu orang-orang tempatan akan menjadi jutawan sebaliknya orang-orang tengahlah yang akan mengaut keuntungan yang besar seperti yang berlaku di Lubok Mandi dan di lain-lain tempat.

Oleh itu, kita ingin penjelasan daripada pihak kementerian tentang berita yang tersebar itu yang Sungai Koyan ini adalah kawasan yang dijumpai emas dan banyak manakah emas itu dan apakah langkah-langkah diambil untuk memastikan bahawa kalau emas digali di situ, peneroka FELDA di situlah orang yang pertama yang akan mendapat kejayaan?

Seterusnya hal Galian juga, kita ingin bertanya kenapa industri timah di Malaysia ini hancur ataupun lemah. Bagaimana usaha pihak kerajaan untuk memulihkan industri timah di Malaysia yang kita lihat semakin hari semakin lemah. Apakah timah itu tidak laku ataupun kesilapan pihak kita dahulunya cuba memindahkan pasaran timah daripada London ke Kuala Lumpur, dan apakah usaha-usaha kita untuk menghidupkan balik industri timah ini?

Apakah kerajaan bersedia untuk menguatkan undang-undang yang lebih ketat supaya di mana tempat-tempat yang ada industri timah ini, mereka tidak tinggalkan lombong dalam keadaan yang terdedah dan tidak ada paksaan daripada pihak penguatkuasa supaya selepas mereka menggali timah, mereka dapat timbun dan menjadikan balik tanah tempat mereka mengambil timah itu boleh digunakan selepas itu, sama ada digunakan untuk industri perumahan ataupun dijadikan taman rekreasi. Pihak pengusaha timah yang telah untung berjuta-juta ringgit itu apakah pihak kerajaan tidak memaksa mereka ataupun menggalakkan mereka menjadikan lombong-lombong itu mereka hidupkan balik tanah-tanah yang mereka telah korek dan dijadikan kawasan yang boleh mendatangkan manfaat. Ini banyaklah di kawasan Selangor, Perak dan lain-lain lagi.

Tuan Pengerusi, seterusnya kita lihat dalam masalah pertanian ini di mana masalah sekarang ini kerajaan juga mengkontrol harga komoditi, iaitu harga-harga barangan utama termasuklah harga kelapa sawit. Harga kelapa sawit sekarang ini adalah terlalu rendah. Peneroka-peneroka menjual harga mereka dan mendapat pulangan yang begitu sedikit. Tetapi kenapa harga minyak masak naik melambung, terutama sekali selepas Belanjawan yang menguntungkan orang ramai diumumkan, tetapi sekarang orang ramai menanggung kenaikan harga barang termasuk harga minyak kelapa sawit naik daripada RM2.00 sekilo sampai ke RM2.80 sekilo. Kenaikan harga barang ini selepas Belanjawan yang diumumkan melegakan rakyat, tetapi rakyat sekarang merungut dan peluang Barisan Nasional untuk hendak mengatakan Belanjawan ini untuk digunakan dalam pilihan raya hancur berkecai sekarang ini sebab harga barang naik melambung.

Jadi, apakah usaha pihak kerajaan untuk dalam mengkontrol harga ini sehingga harga barangan utama yang dikeluarkan oleh negeri ini menjadi murah setelah beberapa potongan cukai dibuat oleh pihak kerajaan. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ipoh.

4.10 ptg.

Tuan Lau Dak Kee (Ipoh): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 020000 — Perhutanan dan Butiran 080000 — Bahagian Pelesenan dan Pengawasan Lembaga Pasaran dan Getah Malaysia dan juga Butiran 120000 — Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia serta Lembaga Pemasaran dan Pelesenan Getah Malaysia.

Tuan Pengerusi, bagi masalah harga getah, Menteri Perusahaan Utama, Ahli Yang Berhormat dari Beruas sangat-sangat ghairah untuk meningkatkan harga getah asli di pasaran antarabangsa dan tempatan.

Menteri juga menyatakan beliau telah berusaha dengan seboleh-bolehnya untuk meningkatkan mutu dan kuantiti getah supaya negara dan peneroka getah khasnya pekebun-pekebun kecil dapat manfaat. Pada masa kini, harga getah telah mencapai tahap yang paling tinggi iaitu harga getah kering Gred 1 ialah

RM3 45 sekilo, Gred 2 – RM3.44 sen sekilo, Gred 3 – RM3.42 sen sekilo. Bagi getah SMR CV RM4.85 sen sekilo dan SMR L – RM4.05 sen, SMR – RM3.45 sen, yang paling buruk kualitinya ialah SMR 20 pun dapat RM3.43 sen sekilo. Mungkin esok lusa, harga getah akan meningkat kepada paras yang lebih tinggi lagi Atas peningkatan harga getah telah membawa keuntungan kepada ekonomi Malaysia dan peniaga-peniaga getah tetapi adakah peneroka-peneroka dan pekebun-pekebun kecil bersama-sama dapat manfaat dengan adil dan berpatutan. Adakah pengeluaran hasil mereka dapat layanan yang setanding dengan peningkatan harga di pasaran tempatan dan pasaran dunia.

Tuan Pengerusi, keadaan yang sebenarnya ialah 'tidak'. Pekebun-pekebun kecil masih seterusnya menghadapi penindasan bukan hanya daripada pihak MARDEC dan wakil-wakil mereka, tetapi juga ditindas oleh peniaga-peniaga getah swasta khasnya daripada agen-agen kilang pemerosesan getah. Keadaan penindasan telah berturut-turut sejak bulan Julai hingga ke hari ini. Peneroka-peneroka FELDA dan pekebun-pekebun kecil di Semenanjung Malaysia telah menyuarakan rungutan mereka kepada pihak MARDEC dan badan-badan kerajaan yang berkenaan. Malangnya, rungutan mereka tidak membawa apa-apa perubahan, peneroka-peneroka dan pekebun-pekebun kecil masih terkurung di dalam keadaan penindasan.

Akhir-akhirnya, masalah ini terpaksa dibawa ke Parlimen untuk mendapat kebenaran dan keadilan. Tetapi jawapan daripada kerajaan adalah sangat-sangat mengecewakan kerana kerajaan masih memihak serta mempertahankan pihak MARDEC dan pihak pekilang pemerosesan swasta supaya kepentingan mereka terus dapat dilindungkan untuk mengaut keuntungan yang lumayan atas pengorbanan peneroka dan pekebun-pekebun kecil.

Di sini, saya ingin membuktikan bagaimanakah kerajaan memihak MARDEC dan kilang-kilang swasta supaya peneroka-peneroka dan pekebun-pekebun kecil terus ditindas dan diabaikan?

Yang pertama, mengenai rungutan peneroka-peneroka dan pekebun-pekebun kecil, Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa hanya tiga aduan mengenai harga getah daripada pekebun-pekebun kecil dalam masa beberapa bulan kebelakangan ini iaitu satu daripada Kalumpang di Selangor, satu daripada Jerantut di Pahang dan satu lagi daripada Manjong di Negeri Perak. Sebenarnya, aduan-aduan penindasan adalah hampir dari semua negeri di Semenanjung Malaysia.

Saya mempunyai banyak laporan mengenai perkara tersebut. Jika Timbalan Menteri berminat, boleh semak rekod-rekod saya untuk membuktikan bukan hanya tiga aduan sahaja.

Yang kedua, mengenai masalah harga berpatutan. Menteri Perusahaan Utama menyatakan harga berpatutan yang diberi kepada peneroka dan pekebun kecil adalah 20 sen rendah daripada harga pasaran, setelah menolak berbagai-bagai kosnya — pada 7hb. Ogos, 1994 di Kuala Lumpur. Pada 10hb. November, 1994 di Dewan ini Timbalan Menteri berkata, harga getah yang ditawarkan kepada penjual adalah berdasarkan kepada mutu, kecairan dan kos pengangkutan tetapi tidak menyebut "apakah harga yang berpatutan" setelah menolak segala-gala kosnya.

Pada 19hb. November, 1994 apabila pegawai-pegawai daripada Lembaga Pemasaran dan Pelesenan Getah Malaysia berdialog dengan pekebun-pekebun kecil di Air Tawar, Negeri Perak. Timbalan Pengerusi LPPGM berkata, saya quote: "Harga getah cair RM2.72 sen sekilo yang ditawarkan kepada pekebun-pekebun kecil

adalah berpatutan, walaupun harga getah meningkat ke taraf RM3.45 sen sekilo. Harga getah RSS dan SMR adalah sebut harga di pasaran tempatan dan pasaran dunia. Tetapi harga getah cair tiada sebut harga. Maka harga getah cair perlu mengikut harga RSS ataupun getah kering Gred 1. Kilang pemerosesan dan menghadapi kerugian sebanyak RM0.57 sen sekilo sekiranya harga tawaran adalah di paras RM2.72 sen sekilo kerana kontrak yang dijanjikan antara kilang dan pembeli pada ketika itu adalah tinggi". Inilah percakapan daripada Timbalan Pengerusi LPPGM.

Tuan Pengerusi, marilah kita meninjau bagaimanakah ketiga-tiga pihak bercanggah antara satu dengan lain tentang harga berpatutan. Menteri kata, 20 sen kurang daripada harga pasaran adalah munasabah dan berpatutan. Timbalan Menteri kata, tiada bukti yang menunjukkan ada pakatan atau penipuan berlaku walaupun beliau tidak menyebut apakah kadar yang ditawarkan itu adalah patut. Tetapi daripada jawapan yang diberi dalam Dewan ini, jelasnya beliau mempertahankan penindasan daripada MARDEC dan pihak pembeli terhadap peneroka dan pekebun kecil. Tetapi sikap dan pendirian pihak Lembaga Pemasaran dan Pelesenan Getah Malaysia, nampaknya lebih dahsyat lagi.

Mereka telah menafikan objektif asal mereka untuk menjaga kepentingan peneroka-peneroka dan pekebun-pekebun kecil. Pihak LPPGM bukan sahaja melindungi kepentingan golongan kaya, mereka juga mencari alasan-alasan lain supaya peneroka-peneroka dan pekebun-pekebun kecil terus dimainkan dan terus dihakiskan hak mereka. Menteri kata, potongan 20 sen sekilo adalah patut. Lembaga Pemasaran dan Pelesenan Getah Malaysia kata, potongan 73 sen sekilo adalah 'reasonable'. Timbalan Menteri kata, pihak Lembaga adalah munasabah.

Daripada kenyataan yang berbeza-beza ini, jelaslah antara salah satu pihak mesti mempunyai sangkaan menipu, siapakah dia? Menterikah ataupun LPPGM ataupun wakil-wakil MARDEC ataupun agen-agen kilang swasta?

Tuan Pengerusi, sekiranya apa yang Menteri kata adalah benar, maka Menteri perlu mengambil tindakan terhadap pegawai-pegawai LPPGM kerana berpakat dengan pihak-pihak tertentu untuk menindas peneroka dan pihak pekebun kecil. Menteri perlu mengarahkan pihak-pihak tertentu itu menjelaskan baki bagi kurang bayar itu dengan secepat mungkin kerana baki yang kurang bayar itu melibatkan berjuta-juta ringgit Malaysia. Wang yang dikurang bayar itu adalah usaha berpuluh-puluh juta daripada golongan bawahan. Adalah berdosa besar menipu orang bawahan atau orang miskin.

Sekiranya kenyataan pegawai-pegawai kanan daripada Lembaga Pemasaran dan Pelesenan Getah Malaysia didapati betul dan benar, maka Menteri sendiri telah melakukan satu pembohongan yang sukar dimaafkan kerana Menteri adalah pemegang etika kerajaan di mana Menteri tidak boleh bohong atau tipu ataupun mengeluarkan sesuatu kenyataan yang tidak tepat ataupun tidak betul dan akan mengakibatkan beribu-ribu peneroka dan pekebun-pekebun kecil terus menghadapi tekanan dan penindasan daripada golongan-golongan yang tertentu.

Tambahan lagi, jika Menteri tidak mampu menjalankan tugas yang diamanahkan ataupun tidak sanggup menunaikan kerja-kerjanya sehingga beliau sendiri boleh dimainkan atau dikelirukan oleh pegawai-pegawai sendiri, seperti yang dikatakan 'So Chai Ee Sang — doktor yang bodoh' — maka Menteri ini patut meletak jawatannya dengan serta-merta supaya nama baik kerajaan dapat dipertahankan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, gelaran apa itu tadi?

Tuan Lau Dak Kee: Ya?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Gelaran apa itu?

Tuan Lau Dak Kee: So Chai Ee Sanglah.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Maksudnya?

Tuan Lau Dak Kee: Maksudnya 'doktor bodoh'.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tidak baik kita membuat sangkaan macam ini.

Tuan Lau Dak Kee: Saya tidak sebut sesiapa. Tuan Pengerusi, nampaknya Timbalan Menteri lebih layak dan lebih bertanggungjawab untuk mengambil alih sebagai Menteri Perusahaan Utama.

Tengku Dato' Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Pengerusi, saya rasa Yang Berhormat yang berkenaan tadi 'refer' doktor bodoh untuk Yang Berhormat Menteri — minta tarik baliklah.

Tuan Lau Dak Kee: Kalau . . . . .

Tengku Dato' Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Dia membicarakan tentang Menteri — itu tidak elok. Untuk rekod, minta tarik balik.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Pengerusi, secara umum, saya boleh berikan bukti, di mana Menteri Perusahaan Utama sendiri mengaku dia adalah seorang doktor bodoh. Betul, saya boleh tunjukkan bukti. Kalau dia sudah kata dia doktor bodoh, apa boleh saya katakan dia bukan doktor bodoh! *(Ketawa)*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sila gulung.

Tuan Lau Dak Kee: Saya ingin mendapat penjelasan yang tepat dan benar daripada Timbalan Menteri sendiri kerana hanya Timbalan Menteri yang boleh menjawab pertanyaan-pertanyaan saya.

Pertama, siapakah yang menentukan harga getah cair dan getah kering? Adakah Menteri sendiri atau pasaran tempatan ataupun pasaran antarabangsa ataupun pembeli-pembeli ataupun MARDEC? Minta satu keterangan yang tepat.

Kedua, apakah garis panduan untuk menentukan kos pengangkutan — satu kilometer kosnya berapa? Apakah kadar kepekatan untuk menentukan harga getah cair semasa?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, getah cai ini jenis apa?

Tuan Lau Dak Kee: Getah cairlah!

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Getah cair! Bukan cai. Berulang kali Yang Berhormat sebut cai, saya hendak tanya ini.

Tuan Lau Dak Kee: Tak begitu terang, tidak apa. Getah cairlah, cecairlah, berairlah — okay? Saya fikirkan tentu kerajaan mempunyai satu garis pengiraan bagi harga getah cair itu.

Ketiga, mengapa kerajaan tidak mampu mewujudkan satu badan untuk menentukan harga getah cair semasa? Mengapa harga getah cair perlu mengikut harga RSS ataupun harga getah gred kering (gred satu).

Keempat, apakah alasan-alasan yang boleh meyakinkan Dewan mengenai pegawai-pegawai LPPGM yang menyatakan RM2.72 sekilo bagi harga getah cair adalah berpatutan, walaupun harga pasaran getah meningkat sehingga RM3.45 sekilo.

Kelima, apakah alasan-alasan yang munasabah yang dikatakan oleh pegawai-pegawai LPPGM di mana pekilang-pekilang dan pihak MARDEC menghadapi kerugian sebanyak 57 sen sekilo, walaupun tawaran harga getah cair serendah sehingga RM2.30 sekilo pada 19hb. November tahun ini di Air Tawar, Negeri Perak.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah suntuk Yang Berhormat, sudah cukup.

Tuan Lau Dak Kee: Satu lagi, akhirnya, apakah jaminan oleh kerajaan di mana peneroka-peneroka dan pekebun-pekebun kecil tidak akan berturut-turut menghadapi potongan harga yang tidak berpatutan dan penindasan oleh pembeli-pembeli.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Baram.

4.27 ptg.

Tuan Harrison Ngau Laing (Baram): Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Kepala B. 18, muka surat 97 iaitu Butiran 020000 — Perhutanan.

Tuan Pengerusi, Malaysia telah menubuhkan National Forestry Council, dengan izin, sejak beberapa tahun atau dekad yang sudah dan di dalam Council ini kita ada wakil-wakil dari setiap kerajaan-kerajaan negeri, begitu juga dari sektor yang tertentu yang mewakili agensi-agensi kerajaan sendiri dan juga pihak swasta. Ini adalah satu dasar dan tindakan yang baik yang saya sokong penuh. Tetapi saya rasa keberkesanan Majlis Perhutanan Negara ini di dalam menjalankan fungsi-fungsi dan tanggung-jawab untuk formulate, dengan izin, dasar-dasar mengenai pengurusan dan pemeliharaan hutan serta penguatkuasaan sama ada dasar-dasar ataupun keputusan yang dibuat adalah sangat kurang atau lemah sekali.

Tuan Pengerusi, sebagai contoh kelemahan tersebut ialah mengenai pelaksanaan dasar dan keputusan yang telah dipersetujui dalam mesyuarat Majlis Perhutanan Negara beberapa tahun yang lalu iaitu mengenai keperluan untuk identify dan gazet for total protection, dengan izin, semua water catchment areas di seluruh negara. Ini adalah satu dasar dan tindakan yang sangat baik kerana ia akan memberi perlindungan kepada sungai-sungai yang merupakan 'sources of water supply', dengan izin, untuk rakyat di seluruh negara.

Tetapi kalau kita lihat di seluruh negara pada hari ini, dasar dan keputusan atau persetujuan yang telah dibuat, khususnya terhadap tindakan untuk melindungi kawasan tadahan air di seluruh negara tidak dipatuhi atau dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu dari kementerian Perusahaan Utama, setakat ini apakah breakdown of the number of water catchment areas, dengan izin, di tiap-tiap negeri di Malaysia yang telah dikenal pasti dan yang belum dikenal pasti, serta yang telah digazetkan untuk perlindungan.

Kedua, apakah follow-up action, dengan izin, yang telah diambil oleh kementerian atau Majlis Perhutanan Negara sendiri untuk memastikan dasar dan keputusan yang telah dipersetujui itu benar-benar telah dilaksanakan oleh semua pihak-pihak yang berkenaan, khususnya kerajaan-kerajaan negeri, majlis-majlis kerajaan tempatan atau agensi-agensi kerajaan yang terlibat atau dipertanggungjawabkan untuk pelaksanaan dan penguatkuasaan perkara ini.

Ketiga, apakah response dan sebab-sebab yang diberi atau masalah-masalah yang dihadapi oleh kerajaan negeri yang menyebabkan mereka tidak mematuhi atau melaksanakan keputusan dan tindakan yang telah dipersetujui dalam

Mesyuarat Majlis Perhutanan Negara itu? Saya juga ingin tahu apakah sebabnya maklumat (information) mengenai kawasan tadahan air yang telah dikenal pasti dan digazet untuk total protection, dengan izin, di seluruh negara setakat ini tidak diberi publisiti atau diketahui orang ramai.

Tuan Pengerusi, oleh sebab perkara ini melibatkan kepentingan orang ramai, saya minta supaya ia diberi publisiti yang maksimum khususnya melalui media massa seperti media elektronik dan media cetak ataupun melalui satu laporan khas.

Tuan Pengerusi, sebagai satu contoh di mana orang ramai begitu memerlukan maklumat mengenai tindakan dan pelaksanaan dasar dan persetujuan yang dicapai oleh Majlis Perhutanan Negara untuk melindungi kawasan tadahan air di seluruh negara ini adalah kes kawasan Biosphere Reserve, dengan izin, yang telah diumumkan oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Negeri Sarawak yang melibatkan beberapa kawasan hutan di negeri Sarawak iaitu di kawasan saya Baram dan di kawasan Ulu Limbang. Mengikut kenyataan-kenyataan yang telah dibuat oleh kerajaan selama ini, kawasan-kawasan Biosphere Reserve ini adalah untuk sebahagian saudara dan saudari kita kaum Penan yang masih mengamalkan nomadic dan semi nomadic life style di kawasan-kawasan berkenaan di mana mereka masih memerlukan sumber-sumber hutan untuk kehidupan mereka in the process of their integration into the main stream of development, dengan izin, di dalam negara.

Oleh kerana kawasan-kawasan tersebut juga adalah kawasan tadahan air yang sensitif khususnya bagi sungai-sungai seperti Sungai Baram, Sungai Tutoh dan Sungai Medamit dan Sungai Limbang serta bagi penduduk-penduduk di kawasan-kawasan ini, maka pengisytiharan dan perlindungan bagi kawasan-kawasan hutan ini sebagai Biosphere Reserve, dengan izin, adalah begitu perlu dan disokong oleh semua penduduk-penduduk.

Tetapi Tuan Pengerusi, sampai hari ini ketua-ketua masyarakat mahupun pegawai-pegawai kerajaan dari Jabatan Hutan, Pejabat Daerah dan penduduk-penduduk yang menduduki di dalam atau berdekatan kawasan-kawasan hutan tersebut dan juga bagi kaum Penan di kawasan itu sendiri, mereka belum diberitahu mengenai status dan boundari-boundari kawasan hutan Biosphere Reserve yang telah diumum atau diisytiharkan itu. Kalau kawasan Biosphere Reserve ini telah diberi untuk mereka, saya ingin tahu mengapa mereka tidak diberitahu mengenai status dan juga mengenai sempadan atau exact boundaries kawasan tersebut sampai hari ini.

Tuan Pengerusi, saya memang mengucapkan terima kasih kepada pihak media massa oleh kerana mereka telah melaporkan masalah-masalah mengenai pencemaran alam sekitar yang telah dan sedang dihadapi oleh penduduk-penduduk di Malaysia. Misalnya pada 17hb. ini, *The New Straits Times* quoted Datuk Dr. Abu Bakar, Director General of DOE yang mengatakan seperti berikut:

> "Control of soil erosion and prevention of destruction of forest cover and water catchment areas throughout the country must be given priority otherwise 56% or more of the country's rivers will remain polluted by silt more than any other contaminants. Silt from soil erosion due to logging and forest clearing for land plantations had led to higher concentration of the total suspended solid downstream waters causing a further deterioration of the quality of our rivers by 34% in 1993".

Pada hari ini, Yang Berhormat Datuk Celestine Ujang, Minister of Land Development Negeri Sarawak telah pun dilaporkan dalam *The Star* mengatakan seperti berikut:

> "Fourteen out of Sarawak twenty rivers monitored by the DOE have been found to be seriously polluted by silt while two others by domestic and animal waste".

Tuan Pengerusi, dari laporan-laporan dalam akhbar seperti yang saya sebutkan itu, adalah jelas bahawa masalah-masalah siltation dan pollution sungai-sungai dalam negara adalah berpunca terutamanya oleh pemusnahan hutan-hutan di kawasan tadahan air di negara ini. Kita ada undang-undang seperti The Environmental Quality Act tahun 1974 yang memerlukan kajian EIA dibuat terhadap semua kegiatan-kegiatan yang berkenaan tetapi nampaknya kerajaan-kerajaan negeri tidak ambil peduli bukan hanya tentang keputusan yang telah dipersetujui di dalam mesyuarat Majlis Perhutanan Negara tetapi juga undang-undang seperti The Environmental Quality Act 1974, dengan izin. Umpamanya di kawasan saya Baram, ada banyak syarikat-syarikat yang terlibat dengan kegiatan pembalakan, sandextraction, dengan izin, dan skim-skim pertanian besar-besaran di kawasan tadahan air di mana lesen-lesen mereka dikeluarkan atau telah renewed selepas tahun 1988 dan oleh itu kegiatan-kegiatan mereka adalah subjected, dengan izin, to kajian EIA mengikut seksyen 34A of the Environmental Quality Act 1974 tetapi undang-undang ini tidak dipatuhi oleh mereka dan tindakan juga tidak diambil atas mereka.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin tahu sama ada dalam konvensyen on Bio Diversity yang telah dipersetujui dan telah juga ditandatangani oleh Malaysia dan Forest Convention yang sekarang dibincang antara kerajaan-kerajaan di peringkat antarabangsa, adakah Kerajaan Malaysia pernah dan telah dan jika belum akan highlight, dengan izin, masalah mengenai hak-hak kaum-kaum asli ke atas tanah adat mereka yang juga include forest areas within the boundary of their native customary land, dengan izin, yang saya diberitahu tidak included in or acknowledged oleh konvensyen-konvensyen tersebut. Saya juga minta kepada kerajaan supaya perhatian dan tindakan serius diberi ke atas perkara ini sebab dari kajian-kajian dan laporan-laporan yang telah saya terima, ini adalah satu masalah yang serius di kalangan kaum-kaum asli seluruh dunia seperti the Red Indian Community di Amerika Syarikat, Kanada, Kaum Maoris di New Zealand dan Aborigines di Australia dan juga di kalangan kaum-kaum asli atau peribumi di negara-negara membangun seperti di Amerika Selatan misalnya di Brazil, Peru, Colombia dan di negara-negara di Asia dan Pasifik sendiri termasuk di Malaysia.

Apa yang saya maksudkan di sini ialah hutan-hutan serta sumber-sumber dari hutan yang dalam kawasan tanah adat kaum-kaum tersebut adalah kepunyaan mereka dan jikalau konvensyen-konvensyen ini tidak acknowledged atau memberi perlindungan kepada hak-hak mereka atas kawasan dan sumber-sumber hutan yang dipunyai mereka itu, hak mereka akan hilang atau terjejas pada masa hadapan. Inilah sebabnya saya minta kerajaan mengambil perhatian dan mengambil tindakan serius terhadap perkara ini oleh kerana hak-hak kaum-kaum asli atau peribumi sama ada di negara-negara seperti saya telah sebut tadi atau di Malaysia sendiri patutlah diberi perlindungan khususnya hak-hak ke atas tanah adat mereka yang juga meliputi kawasan hutan.

Tuan Pengerusi, sebagai contoh, di Negeri Sarawak, Kanun Tanah Sarawak atau Sarawak Land Code 1957 Cap. 81 misalnya Seksyen 2, 5, 15 dan 18 ada acknowledged hak atau customary right kaum asli atau peribumi ke atas tanah adat mereka dan dalam boundari kawasan tanah adat penduduk-penduduk setiap kampung atau rumah panjang, kita ada tanah "temuda" iaitu cultivated part of the native customary land, atau tanah adat mereka. Kita juga ada kawasan yang dinamakan oleh kaum asli seperti kaum Iban, kawasan "pulau" dan kawasan "pemakai menoa".

Kedua-dua kawasan "pulau" dan "pemakai menoa" ini adalah kawasan hutan tetapi, Tuan Pengerusi, walaupun kawasan hutan seperti "pulau" dan "pemakai menoa" ini adalah seperti mengikut Kanun Tanah Sarawak adalah tanah adat kaum-kaum asli atau peribumi di negeri Sarawak, ada banyak kes-kes di mana Forest Timber Licences, dengan izin, telah pun dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa kepada syarikat-syarikat yang tertentu di mana boundari atau sempadan lesen-lesen yang dikeluarkan juga included ataupun covered kawasan, "pulau-pulau" dan pemakai-pemakai "menoa" dan "temuda" kaum-kaum berkenaan. Oleh itu, syarikat-syarikat yang digranted lesen-lesen tersebut selalu menganggapkan bahawa mereka berhak ke atas kawasan-kawasan "pulau" dan "pemakai menoa" ini.

Tuan Pengerusi, jikalau kita mahu menjalankan apa-apa kegiatan seperti pembalakan dan sebagainya di dalam kawasan-kawasan hutan sama ada "pulau" atau "pemakai menoa", iaitu tanah adat kaum asli atau peribumi ini, saya minta pihak yang berkuasa patutlah dahulu meminta persetujuan kaum-kaum tersebut ataupun forest timber licence, dengan izin yang melibatkan tanah adat mereka itu patutlah diberi kepada mereka sendiri. Saya percaya mereka sendiri ada kemampuan untuk menjalankan kegiatan pembalakan jika mereka mahu dan jika ada pihak-pihak seperti pihak swasta yang berminat untuk terlibat dalam kegiatan pembalakan di dalam kawasan tanah adat kaum-kaum asli atau peribumi, biarlah mereka mengadakan joint-venture dengan kaum berkenaan supaya kedua-dua pihak mendapat keuntungan yang sama.

Tuan Pengerusi, pemberian forest timber licence, dengan izin, yang meliputi hutan dalam kawasan tanah adat kaum-kaum asli atau peribumi ini adalah salah oleh kerana ia bertentangan dengan undang-undang, misalnya dengan Perlembagaan iaitu Article 13 yang menyatakan bahawa 'no one should be deprived of property without adequate compensation'. Oleh itu, saya harap dan minta kerajaan menyiasat tentang perkara ini dan memberi perlindungan kepada hak-hak kaum peribumi di negeri Sarawak atas tanah adat dan hutan mereka dan memastikan bahawa semua rancangan pembangunan dalam kawasan tanah adat dan hutan mereka adalah benar-benar acknowledged, dengan izin, ataupun protect hak-hak mereka dan juga menguntungkan mereka.

Bersama-sama dengan permintaan saya kepada kerajaan untuk memberi perhatian dan perlindungan serius kepada hak-hak kaum peribumi di seluruh dunia ke atas tanah adat dan hutan-hutan yang dipunyai oleh mereka dalam Perlembagaan dan undang-undang serta konvensyen-konvensyen seperti Konvensyen Bio-Diversity dan Forest Convention di peringkat antarabangsa, saya juga minta supaya kerajaan memulakan usahanya untuk memperjuangkan perkara ini di dalam negara sendiri dahulu supaya kita berhak dan ada kredibiliti untuk bertindak dan bersuara sedemikian di luar negara atau di peringkat antarabangsa seperti mengenai abuses hak asasi manusia di Palestin dan Bosnia.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kota Melaka. Selepas itu, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

4.44 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B. 18, Butiran 0100000 — Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama baru-baru ini bahawa kerajaan akan memberikan subsidi untuk minyak masak memandangkan bahawa harga minyak masak telah melambung tinggi beberapa bulan yang lepas.

Di sini, saya amat kesal bahawa Yang Berhormat Menteri hanya sedar tentang masalah kenaikan harga minyak masak yang begitu mendadak dan tinggi sekarang sedangkan masalah ini telah berlaku sejak 6 bulan yang lepas dan apabila saya membangkitkan perkara ini, saya dituduh pula oleh Yang Berhormat Menteri bahawa saya telah membuat tuduhan yang tidak benar. Malah, saya dicabar oleh beliau untuk berdebat secara terbuka dengan dia mengenai masalah kenaikan harga minyak masak dan juga hubung kaitnya dengan harga dan pengeluaran kelapa sawit. Tetapi malangnya, apabila saya menerima cabaran Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama — satu cabaran yang tidak diungkit-ungkit oleh saya, tetapi telah dibuat oleh Menteri Perusahaan Utama tanpa provokasi mana-mana pihak.

Apabila saya menerima cabarannya untuk berdebat tentang kenaikan harga minyak masak dan juga tentang hubung kaitnya dengan pengeluaran minyak kelapa sawit, beliau enggan menerima atau memenuhi cabaran yang dibuat oleh beliau sendiri. Ini menunjukkan bahawa beliau bukan sahaja seorang yang tidak gentleman, yang tidak memenuhi janjinya, tetapi ialah seorang pengecut — seorang pengecut terbesar politik saya rasa, di rantau Asia kerana tak berani memenuhi cabaran yang dibuat olehnya sendiri. Berdebat tentang satu perkara teknikal iaitu minyak masak dan kelapa sawit. Saya rasa dengan kakitangan yang dia ada di belakang – kakitangan yang beratus-ratus orang, beliau mempunyai kemahiran dan kepakaran yang lebih. Kelebihan yang amat besar kalau berbanding dengan saya di mana saya hanya bergantung dengan penyelidikan yang dibuat oleh saya sendiri, tetapi beliau tak berani berdebat dengan saya.

Saya amat hairanlah, mengapa kalau beliau berani membuat cabaran, tetapi tak berani menyahut dan menangani pula apabila diterima oleh yang dicabar iaitu saya sendiri. Ini terbukti bahawa beliau sebagai seorang Menteri hanya suka berpura-pura sahaja. A great hypocrite — bahawa dia tahu apa yang berlaku dalam kementeriannya, sedangkan . . . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sifat seorang Menteri itu, apa kena-mengena dengan perkara Yang Berhormat bangkitkan itu?

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, saya merujuk kepada kelapa sawit.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sepintas lalu itu saya benarkan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tak eloklah kalau kita hendak buat secara mendalam. Lain benda tak ada, cuma ini sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, ada lagi Tuan Pengerusi. Ada yang lain lagi, tetapi itu mengenai minyak masak kerana ini satu perkara yang amat besar yang mempunyai kesan yang besar ke atas

semua rakyat Malaysia — 19 juta rakyat Malaysia di mana saya ingin memberikan sedikit butir di mana kalau kita lihat tong kerosene yang besar itu, pada tahun lepas ia dijual dengan harga dalam lingkungan RM15 ke RM20, tetapi sekarang sudah naik kepada RM35. Ini telah berlaku 6 bulan yang lepas dan di sini pula diakui selepas 6 bulan baru Yang Berhormat Menteri tahu. 6 bulan selepas minyak masak naik baru beliau tahu. Dia sendiri mengakui bahawa kalau 2 kilogram-pack minyak masak telah naik daripada RM5.60 sen kepada RM8. Baru sekarang sedar?

Seorang Ahli: Dahulu tidur tak?

Tuan Lim Guan Eng: Sebelum itu, tidur — tidur sahaja, tak tahu! *(Ketawa)* Sekarang bangun! Mungkin kerana kena jolok oleh Perdana Menteri baru dia sedar sekarang. Tetapi ini satu perkara yang telah berlarutan dan berpanjangan begitu lama! Saya rasa Yang Berhormat Tuan Pengerusi pun tahu perkara ini. Tentu ada pengundinya yang buat aduan! Minyak masak naik; bukan sahaja minyak masak naik — minyak api sembahyang pun naik. Kalau pergi ke tokong-tokong China atau ke kuil-kuil, itu pun naik dengan begitu tinggi sekali sehingga para pemilik restoran dan penjaja yang berniaga char-kueteow, saya rasa Presiden MIC amat minat perkara ini — char-kueteow. Minyak itu pun naik dengan begitu tinggi sekali sehingga ada pihak tertentu terpaksa menggunakan baki minyak yang digunakan oleh Kentucky dan McDonald kerana tak tahan kenaikan minyak masak yang begitu tinggi. Ini tak dibenarkan, tetapi terpaksa digunakan.

Apakah tindakan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama? Tak ada langsung! Hanya sekarang Kabinet membuat keputusan akan memberikan subsidi dalam lingkungan RM120 juta supaya dapat mengurangkan kesan kenaikan tinggi harga minyak masak. Apabila saya membawa perkara ini, saya berkata bahawa oleh kerana kenaikan harga antarabangsa minyak kelapa sawit daripada RM1,000 setan kepada RM1,700, ini menggalakkan pengeluar-pengeluar dalaman mengeksport daripada memenuhi permintaan dalaman.

Saya rasa di sini, apabila saya meminta pihak kementerian supaya memastikan bahawa permintaan dalaman dapat dipenuhi dengan harga munasabah, Yang Berhormat Menteri pula melenting. Melenting dengan mengatakan, "Saya tak tahu perkara ini" dan mencabar saya berdebat. Baik, saya menerima. Tengok siapa yang tidak tahu tetapi nampaknya dia tidak berani terimalah. Jelasnya, dia tidak tahulah. Sungguhpun ada banyak pegawai. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri lebih tahu tetapi dia punya bos memang tidak tahu dan sekarang baru berkata, subsidi untuk minyak akan diberikan. Ini membawa kesan yang sangat besar kepada kadar inflasi kerana semua orang perlu gunakan minyak masak. Dan kalau minyak masak boleh naik hampir kadangkala 100%, kadangkala 50%, macam mana kadar inflasi boleh tetap pada tahap 4%, saya pun tidak faham.

Saya rasa ini based, dengan izin Tuan Pengerusi, base yang digunakan untuk mengira kadar inflasi sudah ketinggalan zaman. Tidak boleh pakai langsung. Tidak mencerminkan keadaan sebenar. Kita pergi pasar kita tahu, mana ada harga barangan biasa naik 4%, lebih daripada 4%. Kalau hanya 4% sahaja, saya rasa dia tidak pernah pergi pasar. Tidak pernah tahu apakah harga barangan sekarang. Baik ikan, baik barangan biasa. Minyak masak paling jelas. Tetapi Yang Berhormat Menteri kata yang lain pula. Celupar sangat Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama. Celupar, cerewet semua sekaliguslah. Inilah masalah.

Saya hendak tahu mengapakah sungguhpun subsidi telah diumumkan tetapi harga minyak masak masih tidak turun dengan ketara sekali? Bilakah subsidi akan diberikan dan apakah tahap yang akan ditetapkan oleh pihak kementerian supaya minyak masak dalam harga yang munasabah? Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri mengenai perkara ini kerana 19 juta rakyat Malaysia pun hendak tahu. Bukan sahaja Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama yang saya rasa tidak tahu. Mungkin dia pun tidak tahu setiap masakan perlukan minyak masak. Dia harus memberikan jawapan mengenai ini dan bukan menjadi seorang pengecut.

Mengenai satu perkara lain iaitu Perhutanan, Butiran 020000 dan juga tentang butiran yang saya sebutkan tadi Pentadbiran Am iaitu mengenai kempen untuk mempertahankan balak dan juga kelapa sawit tidak ada kolesterol yang ditohmahkan oleh negara-negara Barat. Saya rasa kempen ini bagus supaya komoditi ini dapat dipertahankan. Tetapi kalau saya boleh mintalah, kempen ini haruslah dijalankan oleh seorang yang ada kredibiliti, yang ada maruah, yang dipercayai oleh bukan sahaja rakyat Malaysia tetapi oleh pakar-pakar antara-bangsa, bukan oleh seorang yang semacam Yang Berhormat Menteri yang tidak ada kredibiliti langsung dan saya takut mencatatkan usaha kita untuk mempromosikan barang dagangan kita.

Saya bercakap demikian kerana Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama suka membuat kenyataan yang tidak benar. Seperti Yang Berhormat Menteri baru-baru ini membuat dakwaan bahawa saya telah diberikan satu biasiswa oleh Parti DAP dan menafikan pemberian biasiswa kepada pelajar-pelajar lain. Inilah satu pembohongan besar, satu tohmah . . . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa . . . . .

Tuan Lim Guan Eng: . . . . . yang saya rasa menunjukkan beliau . . . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): . . . . . soal biasiswa ini terkeluar daripada butiran itu.

Tuan Lim Guan Eng: Saya ambil ini sebagai satu contoh, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, balik kepada tajuk.

Tuan Lim Guan Eng: Ya. Saya amat khuatir dan ambil berat tentang kempen untuk mempertahankan maruah negara. Kalau sendiri tidak ada maruah, kalau sendiri tidak harga diri macam mana hendak mempertahankan maruah negara tentang komoditi barangan kelapa sawit dan balak dan saya rasa tindakan beliau seperti yang saya katakan tadi saya diberikan biasiswa, bila saya tidak dapat langsung, saya menanggung diri sendiri pergi ke luar negeri dan adik saya menjadi seorang doktor juga menanggung diri sendiri tanpa sebarang biasiswa daripada DAP. Tetapi ditohmahkan pula bahawa saya dapat biasiswa. Ini saya rasa suatu tindakan "pepi sei lua".

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, perbahasan . . . . .

Tuan Lim Guan Eng: Despicable, contemptible dan no standard, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dulu Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya tahu apa Yang Berhormat hendak cakap. Tetapi biasanya kalau dalam sesi plenari saya benarkan. Tetapi bukan dalam Jawatankuasa.

Tuan Lim Guan Eng: Ini sebagai suatu contoh, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat kena dapat bezakan kedua-duanya.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya faham Tuan Pengerusi. Saya ingin berikan sebagai suatu contoh kerana seorang yang despicable, no standard, contemptible; macam mana boleh mempertahankan maruah negara yang juga tidak berani langsung, seorang yang tidak layak menjadi seorang Menteri untuk mempertahankan maruah dan harga diri pihak Kerajaan Malaysia.

Perkara ini telah luas disebar di luar negara bahawa Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama bukan sahaja seperti yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat dari Ipoh tadi, "Doktor bodoh!" tetapi juga lebih daripada itu. Membuat tohmahan-tohmahan. Macam mana boleh? Kalau hendak bercakap perkara hutan, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin lebih pakarlah, lebih layak.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Lim Guan Eng: Daripada seorang yang . . . . . Ya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sila gulung.

Tuan Lim Guan Eng: Baik. Saya akan akur. Saya akan gulung. Di sini, saya rasa ini memang menunjukkan bahawa seperti yang saya sebutkan tadi bercakap perkara yang tidak benar, bukan sahaja menunjukkan dia bodoh, dia lebih daripada itu. Saya ingat dia ini doktor tidak siuman dan gila.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Kota Melaka diingatkan bahawa perkataan seperti "tidak siuman, tidak waras, gila" tidak boleh digunakan langsung. Yang Berhormat, walaupun sudah tamat berbahas tetapi saya rasa peringatan ini kenalah saya sampaikan. Yang Berhormat Timbalan diminta jawab.

3.46 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, pertamanya saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri ingin memberi sedikit penjelasan kepada beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya dari Bandar Kuching, Nilam Puri, Ipoh, Baram dan juga Kota Melaka.

Pertama apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching iaitu mengenai minta diharamkan kesemua eksport balak daripada Malaysia ini termasuk Sarawak. Sebagaimana yang telah saya terangkan dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali dulu, bahawa kita Malaysia mempunyai rakan perdagangan kita di luar negara. Kita biasanya mengadakan perjanjian-perjanjian perdagangan dengan negara-negara luar dari masa ke semasa. Jadi, oleh kerana dalam masa pembalakan ini juga kita terlibat dengan rakan-rakan kita di negeri Jepun, Taiwan dan lain-lain lagi. Jadi, kita tidak boleh berhentikan serta-merta penghantaran kayu-kayu balak dalam negara-negara yang telah pun mengikat perjanjian dengan kita.

Jadi, ini memerlukan masa yang beberapa tahun lagi untuk kita menampung keperluan mereka dan inilah syarat perjanjian perdagangan yang perlu kita jaga nama baik Kerajaan Malaysia kita. Kita tidak boleh berdagang dengan luar negara seolah-olah macam budak-budak. Bila kita berkelahi, kita hentikan serta-merta, mengakibatkan mereka menanggung kerugian berjuta-juta ringgit. Jadi, sebab itu kementerian saya telah pun

mengharamkan penghantaran balak di seluruh Semenanjung Malaysia dan juga Sabah, tinggal lagi Sarawak terpaksa diteruskan untuk memenuhi apa yang saya sebutkan tadi.

Perkara yang kedua yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching ini ialah minta Kementerian Perusahaan Utama (KPU) mengambil perhatian dalam soal-soal yang berkaitan dengan pengurusan yang berkekalan mengenai perhutanan. Ini memang sentiasa diambil berat oleh kementerian saya dan apa yang mendukacitakan kita ialah kalau ada sesuatu masalah yang berlaku mengenai perhutanan, adalah wajar kalau Ahli-ahli Yang Berhormat dapat melaporkan kepada kementerian dan adalah tidak bijak kalau Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil tindakan sendiri terutama sekali dengan mengadakan hubungan dengan pihak-pihak luar negara. Kerana sehingga ini kita mesti menjaga nama baik negara kita

Kira berasa dukacita terutama sekali dengan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching yang telah beberapa kali mempersoalkan tentang kewibawaan syarikat-syarikat pembalakan kita di luar negara. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga ini Malaysia terkenal sebagai salah sebuah negara yang melibatkan diri dalam bidang pembalakan bukan sahaja di Malaysia tetapi kita berada di lima buah negara dalam dunia ini dalam sektor pembalakan

Terdapat sebanyak 15 buah syarikat-syarikat yang melibatkan diri iaitu 5 buah di Papua New Guinea, 2 buah di Solomon Islands dan Guyana dan 2 buah di Cambodia dan 4 buah di Vanuatu dan 2 buah lagi di Myanmar. Jadi, ini menunjukkan bahawa syarikat-syarikat ini telah dapat tempat yang baik, terutamanya di Papua New Guinea. Kita tidak menerima apa-apa bantahan daripada kerajaan yang berkenaan. Malah pihak Pembangkang menimbulkan masalah-masalah penipuan dan sebagainya di Papua New Guinea Jadi, kita rasa dukacita. Kerana kerajaan Papua New Guinea sendiri telah memberi kepujian kepada syarikat kita yang berada di sana. Jadi, janganlah kita merosakkan nama baik syarikat-syarikat (companies) pembalakan yang sedang beroperasi di luar negara sebagaimana yang saya sebutkan tadi

Jadi, kalau ada apa-apa masalah yang berkaitan dengan negara kita hendaklah dirujukkan kepada kementerian dan, insya-Allah, kementerian akan cuba membuat siasatan kajian bagi mengatasinya dari masa ke semasa. Begitu juga apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching kebanyakan wakil daripada Orang Asli ataupun wakil daripada pihak-pihak yang ingin mencari isu-isu yang berkaitan dengan pembalakan dan telah berlaku satu kemalangan baru-baru ini di Sarawak. Jadi, saya nasihatkan apa-apa sahaja maklumat, jika diperlukan, bolehlah menghubungi pihak kementerian. Kita akan cuba mendapatkannya mengikut saluran-saluran yang dibenarkan Jangan mana-mana pihak cuba menggunakan daya usaha sendiri sehingga melibatkan berbagai-bagai malapetaka dalam bidang pembalakan dan lain-lain lagi.

Menyentuh tentang apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Nilam Puri, iaitu tentang LTN

Tuan Lau Dak Kee: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Ipoh bangun.

Tuan Lau Dak Kee: Tadi dikatakan tiada apa-apa daripada kerajaan-kerajaan luar negeri tentang syarikat-syarikat pembalakan Malaysia dan saya hendak dapat satu penjelasan daripada Yang

Berhormat Timbalan Menteri mengikut apa yang dinyatakan Menteri sendiri pada 2hb. November tahun ini di Kuala Lumpur. Saya quote: "Menurut Menteri, Kabinet mengarahkan penubuhan agensi itu baru-baru ini berikutan dakwaan beberapa negara kepulauan Pasifik Selatan bahawa syarikat pembalakan Malaysia merosakkan alam sekitar negara berkenaan". Apakah penerangan boleh diterangkan di Dewan yang mulia ini?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, ayat itu jelas terdapat beberapa dakwaan. Dalam Bahasa Malaysia, dakwaan itu tidak semestinya hakiki. Itu ialah merupakan tomahan, merupakan fitnah dan lain-lain lagi. Oleh sebab itu, ditubuhkan jawatan-kuasa itu mengkaji. Apabila selepas kajian dibuat, saya telah mengeluarkan kenyataan tadi bahawa tidak ada satu pun bantahan daripada kerajaan-kerajaan yang berkenaan. Jadi, dakwaan itu, untuk pengetahuan Yang Berhormat, ia perlu disiasat sebab ia bukan kenyataan dan ini mungkin juga dikeluarkan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching atau orang-orang lain yang menyebabkan dakwaan itu lahir. Oleh sebab itu, saya minta tadi kalau ada apa-apa masalah, hubungi kita, kementerian dan kita akan menyiasat kerana kita takut 15 buah companies yang melibatkan diri di bidang luar negara, kita patut bangga. Kita patut merasa bangga Malaysia telah dapat mengeluarkan companies untuk beroperasi di luar negara. Jadi, kalaulah dalam pembalakan mesti ada sedikit-sebanyak masalah. Kita akui masalah-masalah yang timbul, itu pasti kita atasi jika kita dapat laporan-laporan yang ikhlas daripada pihak, terutamanya daripada Pembang-kang. Jadi, ini tidak kontra apa yang saya katakan tadi.

Tuan Lau Dak Kee: *(Bangun)*

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Saya ingat cukup, Yang Berhormat. Okey, penghabisan.

Tuan Lau Dak Kee: Jika Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa negara-negara di kepulauan Pasifik Selatan itu membuat dakwaan mereka dengan sewenang-wenangnya. Apakah itu benar?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tadi saya telah jelaskan bahawa kita tidak pernah menerima apa-apa dakwaan daripada kerajaan-kerajaan yang berkenaan. Kita ada dengar dakwaan-dakwaan itu daripada pihak lain. Jadi, sebab itu kajian itu telah dibuat dan kita telah dapat kepujian pula daripada kerajaan Papua New Guinea yang menyatakan puas hati dengan syarikat-syarikat Malaysia yang beroperasi di negara mereka dan mereka harapkan supaya perkara ini akan dapat diteruskan dan dapat memberi pertolongan kepada kerajaan masing-masing. Ini saya rasa jelas. Tuan Pengerusi, menjawab soalan.

Tuan Sim Kwang Yang: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Bandar Kuching, Yang Berhormat, ...

Tuan Sim Kwang Yang: Saya minta penjelasan. Sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar atau pernah tengok filem "Four Corners — Malaysian Invasion" itu yang mana bekas Menteri Perhutanan di Papua New Guinea sendiri membuat aduan tentang Malaysia. Dan jika ya, walaupun dia tidak menyampai-kan aduan secara langsung kepada Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri, kalau Kerajaan Malaysia sudah dapat maklumat oleh bekas Menteri Perhutanan, dia baru kalah pada bulan dahulu. Kalau seorang menteri di dalam Papua New Guinea sudah membuat dakwaan ini, apakah sambutan yang berlogik patut

dilakukan? Sama ada kita mungkin mempersoalkan atau tidak. Rimbunan Hijau ada dosa atau tidak berdosa? Mungkin buat satu jawatankuasa siasatan, mungkin menyampaikan kepada Parlimen supaya Parliamentary Committee ke atas hal ini dilakukan supaya jika syarikat itu salah, nasihatkan mereka jangan salah. Kalau tidak salah, sekurang-kurangnya nama mereka ini boleh dibersihkan. Adakah siasatan dibuat?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Pengerusi, sebagaimana yang saya jelaskan, kita tidak boleh menerima daripada mana-mana pihak. Apa yang penting, kita ada hubungan di antara G dengan G dengan kerajaan-kerajaan yang berkenaan.

Sudah beberapa kali saya katakan bahawa hubungan kita dengan kerajaan negara-negara berkenaan dan beliau telah memberi rasa terima kasih dan puas hati dengan penglibatan syarikat-syarikat pembalakan Malaysia di negara mereka.

Jadi, janganlah Ahli Yang Berhormat daripada parti Pembangkang mengunkit-ungkitkan. Kalau ada bekas ini, bekas itu, tidak bolehlah. Ini soal kerajaan dengan kerajaan. Kita tidak boleh mengambil peluang, mendengar sumber-sumber yang tidak rasmi. Kita mesti mendengar sumber-sumber rasmi dan apakah keuntungan kita sebagai rakyat Malaysia membangkit-bangkitkan sumber yang tidak rasmi. Ini menjatuhkan maruah negara kita di negara lain. Apakah kita sebagai rakyat Malaysia yang taat setia kepada negara kita, sepatutnya bersatu menyokong dan kalau ada apa-apa masalah, kita cuba pula menyelesaikan sebagaimana yang saya katakan tadi.

Tuan Sim Kwang Yang: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Dia bangun lagi.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Jadi, saya rasa cukuplah, Yang Berhormat. Saya panjang lagi. Kementerian lain ada lagilah.

Menyentuh tentang perkara yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri, iaitu kempen anti merokok ini kalau dijalankan oleh kerajaan dan rakyat memandang jijik kepada penghisap rokok dan juga penanam-penanam tembakau. Sebagaimana yang saya telah jelaskan bahawa sehingga ini kita memang memberi bimbingan kepada penanam-penanam tembakau, tetapi walau bagaimanapun, kita memberi galakan kepada penanam-penanam supaya mencari alternatif-alternatif tanaman yang lain jika didapati mereka mempunyai kemampuan untuk bertukar kepada tanaman-tanaman kontan yang lain. Ini terpulanglah, terutama sekali, kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Kalau Kerajaan Negeri Kelantan tidak hendak lagi tananam tembakau, maka insya-Allah, kementerian akan membahagikan kuota ini ke negeri-negeri yang lain pula dan saya percaya Kerajaan Negeri lebih arif mengetahui kesesuaian tanah dengan tanaman-tanaman yang lain.

Masalah yang kedua yang ditimbulkan ialah masalah kawasan Sungai Koyan yang dijumpai dengan emas. Ini minta maaf, Yang Berhormat, saya minta notis kerana kita perlu untuk menyiasat berapa banyak nilai yang terdapat dan berapa banyak kawasan yang terlibat.

Yang ketiga, mengenai harga kelapa sawit yang terlalu rendah dibeli dari FELDA atau pekebun kecil, ini saya harap akan dapat menjawab dalam masa yang sama dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ipoh, Baram dan juga dari Kota Melaka.

Apa yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh ialah mengenai harga getah. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sudah acap kali dalam Dewan

yang mulia yang ini, susah kita hendak memberikan satu kata putus kerana saya sudah tegaskan, untuk menentukan harga sesuatu getah itu terpaksa berdasarkan nilai atau kualiti getah. Yang kedua untuk menentukan pengangkutan, jaraknya dan lain-lain lagi.

Jadi, saya harap Yang Berhormat itu silalah datang ke pejabat saya dan saya akan memberi secara khusus, sebab perkara ini jangan Yang Berhormat kata berdasarkan Yang Berhormat Menteri salah, Timbalan Pengerusi LPPGM — salah, saya ingat tidak timbul. Perkara-perkara ini sama sahaja, tetapi kita patut bersyukur sebagai rakyat Malaysia kerana harga barang-barang komoditi kita sudah melambung naik pada masa ini. Walaupun ada sedikit-sebanyak masalah yang dibeli dari pekebun-pekebun kecil, tetapi saya rasa kita dapat selesaikannya kalau kita tahu case by case. Kita tidak boleh pakai pukul 'borong' sahaja. Walaupun Yang Berhormat mengatakan bahawa banyak aduan-aduan Yang Berhormat terima, tetapi kami terima 3 sahaja sebagaimana yang saya katakan. Tetapi kalau Yang Berhormat bertanggungjawab apa salahnya hantar kepada saya? Bukan Yang Berhormat tidak kenal saya . . . . .

Tuan Lau Dak Kee: *(Bangun)*

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: . . . . . cukuplah Yang Berhormat, hantar kepada saya dan insya-Allah kita akan kaji.

Sebagaimana saya katakan kita patut bersyukur kerana sehingga ini semua barangan komoditi Malaysia adalah melambung naik. Misalnya kelapa sawit CPO, kalau hendak banding tahun 1990 dahulu, harganya RM702.19 sen setan, tetapi sehingga 12.11.1994 baru-baru ini telah meningkat kepada RM1,682 — telah naik sebanyak 139.6%, kalau dikira semalam iaitu 25hb. November, 1994 RM1,732.

Apakah soal kenaikan ini kita terpaksa bercakap berbagai-bagai tentang keburukan Kementerian, Yang Berhormat Menteri, saya dan sebagainya kerana minyak masak melambung naik sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Sedarkah Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kita eksport sebanyak 7 juta tan sedangkan kita guna dalam negeri sebanyak 300,000 tan sahaja. Jadi, sebab itu bila sampai masa yang agak kritikal ini di mana kenaikan mendadak, maka kita terpaksa kaji, sebab itu Kabinet telah meluluskan supaya subsidi diberikan kepada minyak masak yang digunakan dalam negeri. Jadi, perkara ini mestilah memakan masa 6 bulan, 7 bulan — itu biasalah sebab kita hendak tengok trend kenaikan pasaran antarabangsa ini macam mana. Jadi, janganlah kerana kenaikan yang jumlahnya agak sedikit, walaupun kenaikan percentage itu tinggi, tetapi amaunnya 300,000 tan berbanding dengan 7 juta tan yang kita dapat untung daripada tukaran wang asing di luar negara.

Saya berharap kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka jangan 'hilang punca' kata orang kerana apa yang penting . . . . .

Tuan Lau Dak Kee: *(Bangun)*

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: . . . . . cukup Yang Berhormat ya! Apa yang penting negara mendapat keuntungan 139% daripada kenaikan hasil minyak dengan 7 juta tan dan berbanding dengan beban yang kita terima hanya 300,000 tan sahaja dan Kabinet telah bersetuju untuk memberi subsidi sebagaimana yang dikatakan tadi.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Begitu juga getah, untuk pengetahuan Yang Berhormat dari Ipoh, getah kalau pada tahun 1990 dahulu RM233.37 sen sekilo, tetapi hari ini sudah naik kepada

RM341.05 sen sekilo ataupun 46.35% daripada tahun 1990. Ini kita patut bersyukur, walaupun ada masalah tentang pembelian, pekebun kecil dengan si A, dengan si B, tetapi kita selesaikanlah. Sebab pasaran harga antarabangsa telah meningkat, jadi keuntungan itu akan balik juga kepada pekebun kecil kalau hendak dibandingkan sebelum tahun 1990? Jadi, janganlah masalah-masalah titik-bengek sehingga kita memaki Menteri dengan berbagai-bagai kata, 'bodoh' macam-macam. Saya rasa tidak senonoh.

Sepatutnya saya tidak jawab apa yang dikata oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Ipoh sepatutnya saya tidak payah jawab, kerana kita pun ada maruah. Seorang Menteri mesti mempunyai kepakaran, jadi bukan boleh dipermain-mainkan. Kalau Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen tidak menghormati Menteri di negara ini, siapa lagi yang patut dihormati? Soal Yang Berhormat tidak suka, itu soal lain. Jadi, saya rasa sebagai parti DAP cakaplah dengan hormat-menghormati, insya-Allah saya percaya kita dapat menyelesaikan masalah demi masalah.

Begitu juga koko, kalau hendak dibandingkan pada tahun 1990 — RM2,520.

Tuan Lau Dak Kee: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ipoh bangun.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Cukuplah. Tetapi sekarang ini . . . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak mahu beri.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Saya ingat cukup fasal saya hendak jawab sekarang ini. Kita patut bersyukur kerana harga komoditi kita semua meningkat.

Tuan Lau Dak Kee: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak mahu beri, Yang Berhormat.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Misalnya koko, sekarang ini RM3,015 setan naik melambung kalau hendak dibandingkan dengan tahun 1990.

Begitu juga lada. Lada dahulu RM333.03 sen bagi 100 kilogram, sekarang ini RM533 bagi 100 kilogram — telah naik sebanyak 60.04%. Begitu juga balak. Kalau dahulu balak RM420 satu meter padu, tetapi sekarang telah melambung naik kepada RM654 atau naik sebanyak 55.71%.

Kayu gergaji, kalau dahulu RM740 satu meter padu, sekarang ini RM1,660 — naik sebanyak 124.32%. Begitu juga plywood, kalau dahulu pada tahun 1990, RM750 per meter padu, sekarang ini RM1,075 per meter padu — naik sebanyak 43.33%.

Jadi, kita sebagai rakyat Malaysia patut bersyukur kerana kita telah dapat menambahkan pendapatan negara. Tetapi soal-soal dalam negeri, soal titik-bengek, kemukakan kepada kita, supaya kita dapat menyelesaikan satu demi satu, jangan orang DAP hendak cari peluang sahaja hendak lanyak kerajaan, lanyak kementerian. Ini saya rasa tidak beradab, tidak mempunyai tamadun kalau hendak dibandingkan apa yang dilahirkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP.

Tuan Pengerusi, saya juga suka menyatakan apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ipoh iaitu siapakah yang menentukan harga? Saya sudah beritahu sila ke pejabat saya dan saya akan beri seberapa yang boleh dengan perangkaan-perangkaan.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Baram, saya rasa dalam kelima-lima orang Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Baram sahaja yang nampak betul-betul bertanggungjawab, bercakap dengan lemah lembut dan ingin mendapatkan penjelasan. Inilah saya rasa seorang yang boleh kita beri penjelasan.

Pertama tentang Majlis Perhutanan Negara kita. Memang benar bahawa sehingga kini seluruh negeri-negeri dalam Malaysia ini telah bersetuju untuk menganggotai dan menjalankan Majlis Perhutanan Negara ini. Majlis Perhutanan Negara ialah dasar, dasar-dasar diputuskan dan penguatkuasaannya terpulang kepada negeri-negeri. Walau bagaimanapun, sehingga ini boleh dikatakan semua negeri-negeri mematuhi kecuali Kelantan, kita ada sedikit masalah, tetapi negeri-negeri lain tidak ada masalah.

Jadi, saya yakin, soal kawasan perlindungan tadahan air, ini memang dikuatkuasakan dan kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat menerima berbagai-bagai desakan atau berbagai alasan yang menyebabkan penguatkuasaan ini tidak begitu memuaskan, ini juga saya rasa kita akan cuba siasat berdasarkan case by case.

Tentang kawasan perlindungan Orang Asli, sebagaimana yang saya katakan ini ialah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Walaupun tanggungjawab Kerajaan Negeri, tetapi jika ada apa-apa masalah sila hubungi kementerian, dan kementerian akan berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri seberapa yang mampu bagi kita mengatasi masalah-masalah ini. Saya rasa tak mungkin kalau sesuatu kawasan perhutanan itu hendak dilesenkan pembalakannya diberi kepada orang-orang yang tinggal dalam kawasan Orang Asli yang berkenaan. Saya rasa tidak munasabah. Kita terpaksa beri kepada mereka yang mempunyai kemampuan yang mampu menjalankan perusahaan pembalakan. Kita tidak berdasarkan kepada siapa yang duduk hampir dalam kawasan yang berkenaan.

Masalah pencemaran hutan, masalah-masalah tanah adat yang lain, saya rasa ini hendaklah berdasarkan case by case yang akan kita cuba bincangkan dari semasa ke semasa.

Saya rasa itulah sahaja jawapan yang dapat saya berikan. Saya sekali lagi menasihatkan kepada parti-parti Pembangkang, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang cakaplah dengan penuh tanggungjawab. Janganlah mempersendasendakan seseorang Yang Berhormat Menteri kerana mereka telah bertungkuslumus. Ahli-ahli Yang Berhormat kena sedar bahawa barang-barang komoditi Malaysia misalnya takkanlah naik mendadak begitu sahaja, kalau tidak kegigihan Yang Berhormat Menteri menjelajah seluruh dunia membanteraskan kempen-kempen anti kayu tropika, kempen minyak sawit dan lain-lain lagi. Saya sebagai Timbalan Menteri di kementerian ini memang mengakui Yang Berhormat Menteri saya adalah seorang Menteri yang berwibawa dan beliau mampu menghadapinya. Sebab itulah harga komoditi Malaysia ini semenjak 10 tahun yang lalu tidak pernah mencapai had yang ada. Jadi, janganlah Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti Pembangkang, kata orang 'sedap-sedap mulut' sahaja hendak menjatuhkan maruah menteri-menteri, khususnya Menteri Perusahaan Utama.

Soal-soal masalah personal itu soal lain, masalah parti soal lain. Jangan dibawa ke dalam Dewan ini, kerana ini akan merosakkan imej negara kita di kaca mata luar dunia. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa

wang sejumlah RM135,066,100 untuk Maksud B. 18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM135,066,100 untuk Maksud B. 18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM90,321,970 untuk Maksud P. 18 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1995 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujukan.

Wang sebanyak RM90,321,970 untuk Maksud P. 18 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1995.

Maksud B. 19 (Jadual) —
Maksud P. 19 (Anggaran Pembangunan, 1995) —

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Maksud B. 19 dan P. 19 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas. Batang Lupar.

5.24 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tak payah bimbang, saya bercakap sedikit sahaja. Saya tak buat berperangai macam kera diberi bunga, beri kebebasan bercakap, maki orang. Kalau nak beri kebebasan di luar orang pun nak bunuh nanti. Jadi, saya bercakap mengikut tajuk di bawah Kementerian Pertanian, di bawah Butiran 50000 — Perikanan, Program/Aktiviti 050200 — Pengurusan dan Pembangunan.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya dengan pihak kementerian, sumber perikanan laut mungkin menurun dari semasa ke semasa. Apabila musim tengkujuh di Semenanjung Malaysia dan musim landas di Sarawak berlaku, ikan jadi mahal. Ikan yang mahal ini berbangkit dua sebab; iaitu sebab yang pertama, oleh kerana nelayan-nelayan tradisional tidak boleh pergi ke laut menangkap ikan, dan yang menangkap ikan dan menjual ikan mereka kepada orang tengah, dan orang tengah pula menaikkan harga ikan untuk dijual kepada pemborong dan penjual di pekan-pekan. Jadi, penangkap ikan menjual ikan-ikan dengan harga murah dan penjual ikan di pekan menjual ikan dengan harga yang mahal sekali. Yang menjadi mangsa, Tuan Pengerusi ialah penangkap ikan, penjual ikan di pekan dan masyarakat keseluruhannya pembeli ikan. Yang untung di sini ialah tauke-tauke pertengahan.

Dalam keadaan yang demikian, saya ingin bertanya pada pihak kementerian apakah rancangan untuk membanteras ataupun menghapuskan tindak-tanduk dan perusahaan masyarakat pertengahan yang menjadi kaya; tidak menjejak kaki ke laut, tidak merbahayakan diri, tetapi duduk di kerusi, arm chair mereka menjadi kaya raya. Yang terkorban ialah nelayan di laut dan yang mengorbankan harta-benda ialah pembeli di pekan.

Dalam tajuk yang sama juga, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya — tadi soalan orang tengah, macam mana hendak menghapuskan mereka supaya penangkap ikan mendapat hasil jualan mereka secara terus dan tidak diambil peluang oleh pihak pertengahan. Yang kedua, Tuan Pengerusi ialah saya ingin bertanya di Sarawak kelembapan berlaku, pembangunan ikan akuakultur, umpamanya ikan dalam sangkar, ikan dalam jaring dan sebagainya. Saya ingin bertanya kenapakah perkara ini berlaku. Adakah masalah perhubungan di antara kementerian dengan pihak Kerajaan Negeri maka perkara ini jadi berlaku, yang mana

akuakultur di Sarawak tidak boleh dilaksanakan dengan cara terus dan baik dan boleh mendatangkan hasil kepada masyarakat petani, nelayan di luar bandar.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang telah saya sebutkan saya tidak akan bercakap panjang lebar sangat, dan ini bukanlah soalan dasar. Ini kita bertanya soalan satu persatu kepada kementerian dan saya berharap pihak kementerian memberi jawapan sebagaimana yang telah diberi sebelum ini. Tuan Pengerusi, kemajuan industri pertanian di Malaysia terutama sekali di bidang kelapa sawit bolehlah dibanggakan. Tetapi masih saya balik ke Sarawak, pertanian di Sarawak masih peringkat yang awal-awal sekali. Kita mempunyai Skim Bersepadu, iaitu Projek Pertanian Bersepadu dalam tiga kawasan sekarang, iaitu kawasan Kalaka/ Saribas, kawasan Samarahan dan Lembah Limbang yang baru-baru ini. Sebagaimana yang telah kita pandang pada apa yang berlaku di Kalaka/Saribas dan di Samarahan amatlah membanggakan. Masyarakat setempat mendapat hasil yang baik. Keadaan hidup mereka telah meningkat, kadar ekonomi mereka meningkat, insiden kemiskinan telah menurun, jalan raya, infrastruktur asas sudah sampai kepada mereka. Ada yang tidak senang hati ialah pihak DAP sahaja di Samarahan. Itu pun semakin menurun. Dahulu Pembangkang seribu sokongan, sekarang DAP masuk jadi 600 sokongan — merosot, orang tak hendak, luar bandar tak hendak DAP. Jadi, saya harap DAP tak payahlah bangun soalan IADP di Samarahan, mengambil tanah adat kerana tidak mahir soalan tanah adat dan tak tahu apa itu tanah adat. Jadi, kalau sebelum bercakap di sini, bercakaplah dengan orang yang tahu, orang yang mahir, banyak Ahli Parlimen terutama sekali daripada Sarawak, daripada Barisan Nasional yang mahir betul undang-undang adat.

Tuan Pengerusi, Undang-undang Tanah Adat ialah undang-undang adat bumiputera di Sarawak. Evolution semenjak sebelum datangnya Raja Brooke ke Sarawak dahulu setelah dikenali pada tahun 1841 dan diterima oleh pihak mahkamah dan kerajaan. Tetapi undang-undang ini sedikit sebanyaknya telah diregulated, dengan izin, oleh Kerajaan British pada tahun 40-an hingga tahun 50-an. Pada tahun 1955 undang-undang telah dibuat mengatakan Undang-undang Tanah Adat ataupun adat tidak lagi memberi hak kepada mana-mana peribumi Sarawak melainkan hak itulah wujud sebelum tahun 1955. Dengan sendirinya kalau orang itu berumur 40 tahun, masih muda dalam tahun 1955 tidak boleh membuat hak, tidak wujudlah haknya pada masa sekarang melainkan hak itu telah wujud sebelum tahun 1955.

Jadi, perkataan ini mungkin bunyinya mengelirukan, tetapi inilah dia Undang-undang Tanah Adat Sarawak dan seterusnya sampailah sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Baram tadi menyebutkan, Land Code Sarawak yang juga membuat bimbingan kepada pelaksanaan Undang-undang Adat di Negeri Sarawak.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian atas pelaksanaan IADP. IADP di Kalaka/Saribas umpamanya, pada masa sekarang telah dilaksanakan di kawasan Kabung dan Kalaka/Saribas. IADP ini telah memberi hasil yang baik di kawasan yang dilaksanakan tetapi IADP ini juga merangkumi kawasan hiliran Sungai Saribas iaitu kawasan Batang Lupar sebelah Sungai Saribas, iaitu kawasan daripada Kampung Semarang, Kampung Seminang, Batang Maro, Beladin, Pusa dan sebagainya.

Jadi, di sinilah banyak penghuni orang-orang Melayu terutama sekali tetapi IADP ini belum diturunkan ke kawasan ini. Jadi, orang di kawasan ini telah menunggu

beberapa tahun dan masih menunggu hingga sampai sekarang dan tiap-tiap tahun ditanya, bilakah projek bersepadu turun daripada bukitan, daratan pergi ke hiliran ke lautan sampai ke tepian pantai memberi hasil kepada mereka? Jadi, tanah-tanah beratus, beribu-ribu ekar tanah di kawasan kampung yang saya sebutkan tadi, sekarang ditenggelami air terutama sekali di musim pasang besar di kawasan ini, orang tidak boleh lagi bercucuk tanam. Saya pun tidak tahu kenapa fenomena ini berlaku — 20 tahun dahulu perkara ini tidak berlaku, kawasan ini boleh ditanam dengan ubi keledek, boleh ditanam dengan pokok manggis dan pokok rambutan tetapi sekarang tak boleh lagi, Tuan Pengerusi, habis ditenggelami air.

Jadi, saya melawat di kawasan ini berasa sedih juga kerana orang di sini tidak lagi boleh hidup dengan bercucuk tanam, rumah masih di tempat yang sama, kampung masih di tempat yang lama tetapi habis dilimpahi oleh air masin lautan. Apa yang boleh mereka usahakan pada masa sekarang ialah untuk menternak ketam, membuat pegung ketam di bawah rumah mereka kerana kebun semua sudah mati, hanya ketam sahaja yang boleh hidup. Jadi, ketam ini hidup tak bolehlah mendatangkan hasil yang lumayan sangat kepada mereka kerana ketam pun berkehendakkan air yang berterusan. Adakah perlu orang ini hidup enam bulan setahun dan semasa air kering, air tak sampai, dan hendak berkebun, tanah masin alkaline ataupun masin tetapi hendak menternak ketam tanah sudah kekeringan.

Jadi, dengan itu saya pernah berbincang dengan masyarakat di kampung, dan masyarakat meminta supaya kementerian melihat masalah mereka. Masalah semua kawasan hiliran Saribas di bawah perancangan Kalaka/Saribas IADP. Kalau tak dapat pun perancangan sepenuhnya dibuat, permohonan mereka ialah jikalau kerajaan boleh merancang dan membuat penyelidikan untuk membinakan ban ataupun perparitan 'parameter' di tepian laut, bolehlah kita mengeluarkan kawasan-kawasan mangrove ataupun kawasan-kawasan tepian pantai sekali ke laut supaya ditenggelami air di tempat menternak ikan, udang dan ketam. Tetapi sekurang-kurangnya di kawasan kampung dan daratannya tidak lagi dialiri ataupun dibanjiri air masin untuk bertanam, sebagaimana yang berlaku di Samarahan.

Tuan Pengerusi, jadi, saya berharap pihak kementerian membuat penyelidikan dan memberi perhatian khusus untuk membuat penyelidikan dan feasibility study, dengan izin, untuk membuat parameter (ban) bagi kawasan-kawasan yang telah saya sebutkan tadi. Kerana dengan itu sahajalah walaupun infrastruktur sepenuhnya, walaupun implementasi projek IADP dengan sepenuhnya belum boleh dibuat, tetapi sekurang-kurangnya masyarakat di kampung ini dapat diselamatkan daripada ditenggelami air.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada kementerian pada tahun lepas, ada peruntukan untuk membersih sungai-sungai Sarawak sebanyak RM500,000. Tetapi apa yang saya dapati RM500,000 untuk membersihkan sungai di Sarawak tidak mencukupi. Tetapi pada tahun ini dirancangkan ataupun diluluskan untuk memberi RM80,000. Jadi, saya mengucapkan terima kasih kerana ada peningkatan. Tetapi ini pun belum lagi mencukupi oleh kerana sungai di Sarawak adalah nadi perhubungan sebagai jalan yang berlaku di mana-mana tempat lain.

Di kawasan saya, tiga batang besar, orang Sarawak kata 'batang', di sini kata 'sungai' — kuala besar. Batang Sadong ataupun Sungai Sadong, Batang Lupar

ataupun Sungai Lupar, Batang Saribas ataupun Sungai Saribas, yang lebih besar tiga kali ganda Sungai Pahang. Kalau di seberang tak boleh nampak di seberang yang lain, kalau tak pakai teropong. Jadi, kuala ini banyak sungai-sungai kecil untuk pergi daripada satu kampung ke kampung yang lain, dan tepian sungai ini ditumbuhi oleh rumput-ranting dan sebagainya, dan tiap-tiap tahun terpaksa dibersihkan ataupun dipotong. Kadang-kadang inilah pihak jabatan dipohon untuk membersih kawasan ini sama ada menerusi jabatan itu sendiri ataupun secara bergotong-royong menerusi orang kampung.

Tuan Pengerusi, saya berharap pihak kementerian memikirkan untuk meningkatkan lagi pembersihan sungai secara ini, pembersihan sebagai tali penghubung dari sebuah kampung ke sebuah kampung yang lain dan daripada kampung kepada pekan-pekan yang berdekatan. Terutama sekali kalau kita pandang ke kawasan saya, ada satu kampung yang bernama Bentangor yang mana kita kena menaiki bot kecil selama 3 jam daripada Kampung Bentangor baharu kita sampai ke satu pekan yang dinamakan Sebangan dan dari Sebangan pergi Sebuyau selama setengah jam dengan menaiki bot yang laju untuk mendapatkan rawatan yang terdekat sekali.

Maknanya kalau orang itu sakit, dekat hendak mati, kalau tidak dipanjangkan umur, sampailah ajalnya di tengah jalan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, beri saya sedikit masa lagi. Perkara ini banyak, kalau saya bercakap, banyak lagi, memang tidak cukup. Jadi, dengan itu, itu sahajalah Tuan Pengerusi. Saya berharap kementerian memberi peruntukan yang lebih lagi kepada jabatan untuk membersihkan sungai-sungai di Sarawak, kerana sungai ini sebelum jalan raya dibina adalah jalan raya bagi orang-orang di Sarawak yang menghubungkan dari kampung ke kampung, dari kampung ke daerah-daerah untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan kerajaan.

Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Setar.

5.41 ptg.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Kota Setar): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berhubung dengan Butiran 060000, Pemberian Subsidi, 12000, Lembaga Pertubuhan Peladang dan 00400, LPN.

Tuan Pengerusi, saya ingin meminta penjelasan daripada kementerian ini, pertama sekali berhubung dengan LPN yang telah dikorporatisekan menjadi BERNAS. Setakat ini kita dapati bahawa rungutan daripada petani-petani amatlah berkurangan, tetapi ada rungutan daripada pihak pengilang. Sebab tujuan kita mewujudkan BERNAS adalah untuk menyelesaikan masalah, terutama sekali masalah petani-petani, di mana di kawasan saya 100% adalah terdiri daripada penanam-penanam padi.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan BERNAS yang kita korporatisekan, saya ingin tahu daripada kementerian ini, sama ada sejak ditubuhkan telah dapat dilaksanakan dengan jaya, tetapi mengikut rungutan-rungutan, terutama sekali daripada pengilang kecil dan pengilang-pengilang sederhana, tidak termasuk daripada pengilang besar macam saudara kita dari Arau — jadi, mengikut yang saya difahamkan atau yang dilaporkan oleh pihak pengilang-pengilang kecil dan pengilang-pengilang sederhana ini, adalah mendukacitakan sedikit. Sebab BERNAS

seolah-olah akan menghapuskan kilang-kilang kecil, ataupun kilang-kilang sederhana dengan cara, terutama sekali tentang kilang-kilang yang menjalankan upah kisar daripada LPN dahulu, kilang-kilang kecil dan kilang-kilang sederhana diminta supaya membayar wang ataupun elaun overtime sebelum ditempatkan kerani-kerani subsidi itu

Saya beri contoh, misalnya, sebuah kilang kecil kalau ia berkehendakkan kerani subsidi ia mesti bayar kalau 2 minggu, dia kena bayar elaun ataupun gaji untuk 2 minggu itu 'in advance', tetapi di kilang-kilang besar perkara-perkara ini memang tidak menjadi masalah, kerana kilangnya besar, mereka dapat menyelesaikan masalah ini. Tetapi masalah ini ialah di kilang-kilang kecil, di mana kerani-kerani subsidi cuma dibekalkan daripada pukul 8.00 sampai pukul 4.00. Jadi, kilang-kilang kecil tidak dapat menjalankan kilang mereka untuk menyelesaikan masalah petani-petani yang menghantar padi

Seorang Ahli: *(Menyampuk)*

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Betul, ya? Ini dapat 'confirm'. Tuan Pengerusi, jadi, saya minta supaya pihak BERNAS yang bertanggungjawab, yang telah mengambil alih daripada LPN dapat memberi pertolongan kepada pihak kilang-kilang kecil ini dengan saksama.

Setahu saya kilang-kilang besar ini persahabatannya dengan BERNAS lebih rapat, jadi mereka dapat kerani-kerani subsidi dengan begitu senang Pendek kata di kilang besar kerani subsidi dapat overtime daripada pukul 4.00 sampai malam. Jadi kilang besar boleh jalankan kilang mereka daripada pukul 8.00 sampai habis, tetapi kilang-kilang kecil mereka tidak dapat melaksanakan perkara-perkara ini sebab kerani-kerani subsidi tidak dibekalkan dengan mudah seperti yang dilakukan kepada kilang-kilang besar.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya merasa lega sedikit, berhubung dengan petani-petani yang miskin, terutama sekali penanam-penanam padi, di mana rungutannya tidak berapa banyak sejak penubuhan BERNAS ini dan saya harap BERNAS dapat menyelesaikan masalah pengilang dan juga pemborong. Jadi, saya minta penjelasan daripada pihak kementerian ini.

Perkara kedua, berhubung dengan LPP — Lembaga Pertubuhan Peladang. Dalam perkara ini, saya harap supaya kementerian dapat memberi pertolongan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang ini dari segi pembelian beras Sebab kita tahu, negara kita, tentang tanaman beras ini tidak berapa mencukupi, kita terpaksa import. Oleh itu, kita minta supaya pengimport beras ini diberi peluang kepada Lembaga Pertubuhan Peladang. Kita tidak mahu permit mengimport beras ini diberi kepada orang yang tidak pernah tengok-tengok pokok padi.

Kalau tadi Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar mengatakan permit laut dalam yang besar-besar dan yang menguntungkan diberi kepada orang yang tidak pernah tengok laut. Ini sama dengan perkara-perkara mengenai mengimport beras, yang ada hubung kait dengan beras, mesti diberi kepada pertubuhan-pertubuhan petani, misalnya Lembaga Pertubuhan Peladang ataupun Persatuan-persatuan koperasi yang ada kaitan dengan padi supaya di samping itu kita dapat menaikkan standard ataupun taraf hidup petani-petani kita. Dalam masa-masa yang lepas kita dapati bahawa perkara seperti permit mengimport beras ini tidak diberi kepada orang-orang yang berkenaan Jadi, saya harap perkara ini dapat diselesaikan dan dengan ini kita dapat meninggikan taraf petani-petani kita

Berhubung dengan 0600 — Pemberian Subsidi. Sebenarnya, subsidi ini bukanlah kita tolong petani sahaja, kita memberi subsidi sebenarnya kita menolong consumers dan semua sekali, termasuk DAP, orang yang membeli. Sebab dengan pemberian subsidi kita kontrol harga beras yang kalau tidak kerana subsidi harga beras dikontrol, maka sudah tentu petani dapat menjual beras-beras mereka mengikut keadaan. Jadi, barangkali mereka dapat menjual dengan lebih mahal, tetapi disebabkan oleh subsidi, mereka terpaksa menjual dengan harga yang telah ditetapkan, dan dengan ini kita juga menolong pihak pembeli (consumers).

Jadi, saya berharap, tentang pemberian subsidi ini, bukan sahaja kita menolong petani, sebenarnya kita menolong semua, termasuk Wakil-wakil Rakyat yang ada membeli beras di sini. Jadi, saya harap dalam pemberian subsidi ini, saya dapati bahawa pembayaran subsidi terutama sekali di kilang-kilang kecil tidak seperti di kilang-kilang besar. Di kilang-kilang kecil, pembayaran subsidi ini lewat sedikit, kadang-kadang sampai sebulan. Kalau dapat 2 minggu itu kira cepat, tetapi kadang-kadang sampai sebulan dan saya difahamkan bahawa di kilang-kilang kecil, petani-petani yang telah menjual padi mereka kepada kilang-kilang kecil ini mendapat bayaran yang terlalu lewat. Jadi, saya harap kementerian ini dapat memperbaiki keadaan ini supaya dapat menyenangkan sedikit petani-petani, terutama sekali penanam-penanam padi di dalam kawasan saya.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Arau.

5.50 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, yang pertama sekali saya ucap tahniah sebab Parlimen akan disambung sampai 8.45 malam, jadi semua orang sanggup menunggu. Saya hendak bercakap mengenai Program 150300 di bawah dasar baru iaitu Kawalan Sisabaki Racun Perosak.

Tuan Pengerusi, racun — poison, dengan izin. Jadi, kita lihat sekarang Malaysia walaupun di bawah Program dan Prestasi di sini disebut bahawa Kawalan Makhluk Perosak Tanaman ini adalah menentukan racun makhluk perosak di pasaran adalah bermutu, berkesan dan selamat. Tetapi kita lihat pada masa sekarang petani-petani lebih gemar mengguna barang-barang racun yang lebih kuat. Ia bukan sahaja bermutu tetapi dia nak pasti dia lebih kuat dan lebih berkesan. Jadi, dengan itu banyak kita lihat petani-petani menggunakan bahan-bahan yang saya kurang pasti siapa yang luluskan, sebab perkara ini saya sudah bercakap berkali-kali di Parlimen. Ini merupakan penggal yang kedua saya bercakap iaitu Yang Berhormat akan jawab, "Bahawa ini adalah di bawah Lembaga Racun di bawah Kementerian Kesihatan". Saya harap Yang Berhormat akan kata, "Bahawa ini adalah di bawah Kementerian Pertanian". Sebabnya di bawah Kementerian Pertanian tidak ada Lembaga Racun di sini tetapi ada racun.

Saya harap Yang Berhormat dapat tolong saya sebab penggunaan racun tengkorak — ini tempat Kota Setar, dia tahu — ini ialah satu racun yang cukup bahaya dan sekarang ini, oleh kerana kemalasan yang bermaharajalela dalam masyarakat dan juga kelesuan dari segala segi menyebabkan di keliling rumah pun dia bubuh racun untuk hendak matikan rumput. Racun ini hanya untuk rumput, nak matikan rumput dalam kawasan sawah padi tetapi oleh kerana ianya berkesan juga kepada rumput lain, jadi sepanjang tempat dia bubuh racun. Ayam kena racun, orang kena racun, akhirnya semua masyarakat Malaysia kena racun.

Saya hendak beritahu Yang Berhormat, bekas Timbalan Menteri Pertanian, saya tidak hendak sebut nama. Dia tidak pernah beli sayur di pasaran sebab dia tahu kandungan racun cukup tinggi sebab saya ada sebut . . . . . *(Lampu dalam Dewan terpadam)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Siapa kata karaoke ini? *(Ketawa)*

Seorang Ahli: Lampu tutup.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya ada sebut berkali-kali bahawa benda yang segar sebenarnya ia tidak segar iaitu benda yang segar, ia mempunyai kandungan racun yang cukup tinggi. Saya tahu, saya bekas Pengerusi FAMA. Pengerusi FAMA sekarang tidak hadir. Saya memberi penekanan bahawa banyak sayur-sayuran kita yang hendak dibawa ke Singapore telah ditahan kerana kandungan racunnya terlampau tinggi.

Jadi, sekarang ini, Tuan Pengerusi, sebab saya rasa Tuan Pengerusi pun ada makan racun, sebab Tuan Pengerusi beli sayur di pasar, Tuan Pengerusi hendak sayur yang segar. Jadi, kenalah beli sayur yang tidak segar di pasar tani yang kurang racun. Sekarang ini tiap-tiap kali saya makan sayur, adakah sayur ini saya rasa boleh menjadi bahan yang memberi kekuatan kepada saya ataupun menambah-kan racun? Sebab saya tengok banyak lelaki sekarang dan juga wanita terdapat kelesuan dari segi pergerakan, dalam segala segi. Adakah sebab-sebab kita lemah dari segi sukan, sebab tidak cergas bergerak kerana racun? Kita tidak tahu. Tetapi yang saya tahu, kandungan racun cukup tinggi dan kita hendak men-cadangkan kepada kementerian sekarang ini yang penting ialah supaya kita beri pendidikan. Macam mana kita hendak cerita dalam TV? Cerita accident orang mabuk? Gambar dia cantik dan menarik. Saya juga sokong, gambar ini jangan ditarik balik. Ia mendatangkan kesan yang cukup baik. Kita hendak cerita bagaimana orang yang hendak makan sayur supaya rendam dahulu sayurnya sehari semalam supaya kandungan racun itu dapat diturunkan.

Kemudian, yang kedua, berhubung dengan racun tetapi ini bukan racun. Dia alat penyegar tetapi ini bukan racun. Saya selalu makan makanan Jepun — Kiayaki. Jadi, bila saya makan, tiap-tiap kali saya makan, saya balik saya sakit perut padahal makanan Jepun sedap. Saya makan ikan-ikan dan sebagainya. Jadi, saya tanya kenapa? Akhirnya satu hari saya tanya kenapa ikan ini semua segar pada hal ia datang dari Tokyo. Dia kata dia bubuh alat penyegar. Jadi, sekarang ini saya sudah confuse. Bila saya pergi market, saya hendak tanya ikan segar, rupanya ikan ini telah pun dibubuh alat penyegar yang kita makan terlampau banyak ia menjadi racun.

Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat, bagaimana kawalan boleh dibuat untuk memastikan supaya peng-guna racun ini tidak dibuat berleluasa ataupun supaya kita beri syarat, semua petani, semua rakyat Malaysia tidak boleh guna racun di keliling rumah. Sebab ini bahaya. Walaupun ia mungkin tidak mendatangkan kesan dalam jangka pendek, mungkin dalam jangka panjang, mungkin bila umur kita 40, 50, kita sudah lemah-longlai. Kita tidak mahulah men-jadi masyarakat yang dikehendaki oleh Perdana Menteri, masyarakat segar-bugar ini, akhirnya menjadi masyarakat yang longlai kena racun.

Jadi, saya minta kawalan racun ini dibuat dengan begitu baik. Yang keduanya, kita minta supaya pendidikan dari segi pemakanan ini dibuat oleh kementerian supaya hendak pastikan mereka yang makan benda-benda segar ini sebenarnya kena berhati-hati sedikit, perlu buat sesuatu untuk memastikan

supaya ia tidak mempunyai kandungan racun yang tinggi. Belanjawan baru-baru ini yang saya tengok 2,500 bahan-bahan yang telah dikecualikan termasuk sayur-sayuran dan ikan — pasti sudah — sebab negara-negara jiran adalah negara yang paling gemar menggunakan racun. Kadang-kadang mutu kandungan racunnya sampai 60%. Itu kalau makan, gerenti sakit perut termasuk Timbalan Menteri, cuba pergi tengok sebelah negara jiran, makan tomyam, lepas itu makan sayur-sayuran, dia balik mesti dia tidak mari Parlimen, dia mesti sakit perut sebab kandungan racun cukup tinggi dan kita tak pasti bahawa mereka memberi pendidikan supaya cara makan makanan yang segar ini harus direndam terlebih dahulu.

Kemudian yang keduanya, saya hendak cakap di bawah Pertubuhan Peladang, saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Kota Setar tadi, baru-baru ini Perdana Menteri telah memberi teguran kepada KUB supaya KUB ini mesti bergerak sebagai sebuah syarikat dan tidak lagi sebagai koperasi. Saya rasa bukan sahaja KUB, termasuk juga Pertubuhan Peladang, termasuklah juga Pertubuhan Peladang di bawah MADA dan juga KEMUBU. Sebab saya, Timbalan Pengerusi di kampung sayalah. Pengerusi JKK itu ketua saya. Dia Pengerusi Pertubuhan Peladang, saya timbalannya sahaja. Jadi, kami menghadapi masalah. Tiap-tiap kali projek baru hendak buat, kita terpaksa rujuk kepada Pendaftar dan dia akan mengambil masa. Pendaftar pula, dia bukan peniaga. Dia tidak sensitif kepada benda-benda ini. Dia bukan ahli perniagaan. Dia hendak kena kata "Ini tidak mengikut peraturan". Jadi, kita menghadapi masalah untuk berniaga. Kita hendak galakkan Pertubuhan Peladang berniaga, tetapi kita adakan peraturan yang mesti rujuk kepada Pendaftar.

Baru-baru ini kita telah pinda perlembagaan. Kita telah pinda semua undang-undang badan-badan berkanun membolehkan mereka menubuhkan syarikat, membolehkan mereka berniaga tetapi kita masih kenakan peraturan, mesti rujuk pada Pendaftar. Jadi, saya minta supaya benda ini diperhatikan untuk membolehkan pertubuhan peladang dapat bergerak dengan cergas dan baik.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, apa beza di antara 'babi' dan 'khinzir'? Saya pasti mesti ada perbezaan. Dalam muka surat 130 di bawah kementerian ini, dia tulis di situ 'Pengolahan najis babi'. Kemudian, muka surat 131 dia tulis, "kawalan pencemaran ladang-ladang khinzir'. Apa beza antara 'babi' dan 'khinzir'? Adakah babi kaki empat atau khinzir kaki lima. Jadi, saya minta. Walau bagaimanapun, saya faham kata bahawa khinzir dengan babi ini saya harap samalah.

Seorang Ahli: Bahasa Arab.

Tuan Shahidan bin Kassim: Oh, bahasa Arab, satu bahasa Melayu. Okaylah minta maaf. Walau bagaimanapun, untuk tujuan Belanjawan supaya tidak ditegur oleh mana-mana pihak supaya disamakan di antara khinzir dan juga babi.

Yang Berhormat, ini dari segi kawalan pengolahan najis babi dan juga kawalan pencemaran ladang khinzir, sejauh mana kejayaan telah dicapai?

Tadi DAP hanya timbulkan fasal sampah di Kuala Lumpur. Dia tidak tahu kesan daripada bau najis khinzir ini cukup kuat. Saya selalu berulang, boleh dikatakan tiap-tiap minggu saya berulang Perlis – Kuala Lumpur sebab highway yang begitu baik walaupun kadang-kadang dikelolakan tidak berapa baik oleh

pengurusannya oleh kerana mungkin dia sudah kaya, dia tak berapa baik, tetapi sampai di Ipoh, baunya cukup busuk.

Saya bertanya budak-budak tol ini, "Eh, kamu bau apa ini?" Saya dok ingat kot, saya ada sekali-sekala saya datang dengan kawan saya fasal bawa orang kampung datang ke sini, sampai dekat situ saya kata, "Eh, kenapa kamu kentut?" "Eh, tak kentut!" Dia kata, "Yang Berhormat yang kentut!" Saya kata, "Saya tak kentut depan orang, saya pandai jaga disiplin" Dia kata, "Tak, Yang Berhormat kentut!"; Saya kata, "Dia kentut!" Buka cermin, berbau lagi! Saya tanya budak tol itu, "Bau apa ni?" Dia kata, "Bau najis babi". Di Tol Ipoh. Betul ini!

Ipoh tak pernah pun — tak pernah pun wakil dari Ipoh kompelin perkara-perkara ini sebab dia tahu banyak penyokong-penyokong DAP dan dia menganggap ini merupakan perfume — bau wangi dan baunya itu mendatangkan kesan.

Dr. Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat . . . . . ya, Kepong mahu minta jalan. Ya, sila, beri?

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, hendak berikah?

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia bangun untuk apa, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia minta jalan, hendak beri tak?

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia tak sebut pun, Tuan Pengerusi yang sebut; dia tak sebut apa!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tak mahu beri, Kepong.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya bukan apalah, sesiapa yang hendak tunjuk beransang, act dengan saya, saya pun boleh tunjuk beransang balik! Hendak apa sekarang?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kalau tak beri, minta teruskan ya.

Seorang Ahli: Bisu!

Tuan Shahidan bin Kassim: Baik, saya hendak bercakap fasal bau perfume. Tak apa Kepong, kita boleh bergaduh pada bila-bila masa, tetapi saya hormat saudara. Hendak minta apa? Cakap! Yang Berhormat bangun seolah-olah memaksakan saya duduk untuk Peraturan Mesyuarat atau Penjelasan, saya tak dengar! *(Ketawa)*

Seorang Ahli: Macam orang bodoh aje!

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hairan kenapa wakil Ipoh tak timbulkan benda ini.

Datuk Law Hieng Ding: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, sekejap, sekejap.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ha, Menteri bangun, saya terpaksa duduklah.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya Yang Berhormat, kita ada usul. Sekejap. Yang Berhormat Menteri, sekejap.

Datuk Law Hieng Ding: Yang Berhormat . . . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Menteri . . . . . Yang Berhormat, sekejap.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.

Timbalan Menteri Perumahan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dicadangkan tadi, Bahawa Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam ini hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditanggguhkan sehingga jam 8.45 malam.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1995

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1995

Jawatankuasa

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Perbahasan disambung semula.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Arau, sila sambung.

6.17 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim: Terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi saya hendak timbulkan di sini, sejauh mana kementerian telah berjaya untuk memastikan supaya bau najis khinzir ini dapat dikawal dan dapat dibuat sesuatu untuk memastikan supaya ia tidak mendatangkan kesan yang cukup teruk sebab kita tahu bahawa ini bukan soal perkauman atau apa, ini saya hendak cakap dari segi kebersihan — soal negara yang mahukan bersih. Macam kata Ipoh . . . . .

Dr. Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Kamu bisu ke atau tak bisu? *(Ketawa) (Disampuk)* Apa ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya tak mahu mempertikaikan dengan Arau. Cuma penjelasan sahaja. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa di banyak tempat, termasuk di Selangor, pembangunan industri khinzir ini sudah

dikurangkan. Pada tahun 2000, akan kurang kepada sedikit sahaja dan di Ipoh juga, di seluruh negara, usaha-usaha telah dibuat. Saya pernah berkali-kali — adakah Yang Berhormat sedar bahawa pernah berkali-kali meminta pihak kerajaan untuk mengadakan tempat-tempat yang bersih dan cukup dengan infrastruktur untuk menempatkan semula pengusaha-pengusaha khinzir ini di tempat-tempat yang tak sesuai, dia dipindahkan ke tempat yang sesuai. Tetapi setakat ini, banyak Kerajaan Negeri tidak dapat mengeluarkan wang yang cukup untuk mengadakan kawasan yang sesuai.

Tuan Shahidan bin Kassim: Jadi, Yang Berhormat setuju dengan sayalah? Setujulah? Jadi saya hendak minta supaya yang pertama, pihak kementerian berbuat sesuatu hendak pastikan — sama ada penempatan semula pun tak apa, asalkan benda ini tidak mendatangkan kesan yang merugikan. *(Yang Berhormat Ipoh keluar dari Dewan)* Macam Ipoh, dia balik cepat sebab baginya bau khinzir ini dekat Ipoh itu ialah bau yang menyeronokkan!! *(Ketawa) (Disampuk)*

Tak, sebab apa — sampah di Sungai Besi, dia bangun. Sampah di Sungai Besi, tak ada kena-mengena pun dengan Ipoh, sebab dia tahu Ipoh ini sudah kalah dengan P. Patto, lawan dengan DAP, selepas itu dia tak ada peluang dah. Dia tak ada peluang jadi Wakil Rakyat sebab P. Patto akan bertanding di Ipoh, sebab itu dia tak boleh cakap, supaya penyokong-penyokong ini menyokong dia. Itu cerita sebenarnya.

Jadi hal sampah di Sungai Besi, dia bercakap! Hal yang bau khinzir di Tol Ipoh, dia tak cakap! Saya hendak minta supaya Yang Berhormat — ini adalah kawasan-kawasan yang berdekatan dengan bandar supaya dibuat sesuatu. Kawasan Yang Berhormat ialah di antara kawasan yang paling teruk sekali kesan bau najis khinzir. Bukan sahaja bau, tetapi pencemaran laut Port Dickson, di antara sebabnya ialah najis khinzir. Yang Berhormat dari Port Dickson, Timbalan Menteri Pertanian pula, saya harap Yang Berhormat buat sesuatu hendak pastikan supaya bau najis khinzir dan juga najis khinzir sendiri dapat dibuat sesuatu.

Dari segi peruntukan yang telah diberikan, saya rasa amat merisaukan saya. Untuk pengolahan najis khinzir, dia beri token RM10, tak tahu apa hendak belanja. Untuk pengolahan pencemaran ladang-ladang khinzir, RM110,000. RM110,000, Yang Berhormat boleh buat apa? Tak boleh buat apa! Yang Berhormat hendak tutup baukah atau Yang Berhormat hendak angkut najis pergi ke mana? Tak boleh buat apa! Ini seolah-olah satu peruntukan yang saya tak tahu untuk apa.

Walau bagaimanapun, saya rasa saya tak puas hati sebab kita tahu bahawa saluran najis khinzir ini mendatangkan pencemaran di beberapa kawasan yang saya rasa boleh menimbulkan kegelisahan banyak pihak, terutamanya mereka yang terlibat.

Saya hendak timbulkan fasal Ipoh tadi. Saya ingat siapa-siapa sahaja yang lalu highway itu, kalau dia kata dia tak bau, memang hidung dia tersumbat. Kalau dia selsema macam mana pun, ataupun penyakit sinus macam mana pun, kawan-kawan di sini ramai yang terkena, dia mesti bau najis khinzir begitu kuat. Saya di antara orang yang ada penyakit sinus, Tuan Pengerusi, tetapi bau najis ini cukup kuat.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa cukup.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya ada injury time tadi masa Tuan Pengerusi panggil . . . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya dah beri.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya. Akhir sekali fasal arnab — perkembangan arnab. Sekarang ini projek-projek lain di bawah ini, kita lihat semua kebanyakannya merupakan pusat-pusat penyelidikan. Tetapi sampai tentang arnab, dia kata projek pembangunan arnab RM90,000. Muka surat 134 Maksud P. 19.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, RM90,000 ini hendak buat apa? Hendak beli arnab — ini sudah pembangunan, ia bukan penyelidikan lagi. Bukan kita bela arnab jantan dengan betina, selepas itu beri benih. Ini pembangunan. RM110,000 ini hendak buat apa?

Saya hendak tanya Yang Berhormat ini sebab pada pandangan saya, RM110,000 satu jumlah wang yang diberikan untuk membangunkan satu jenis haiwan, saya ingat, ia tidak akan ke mana. Saya dok ingat kot RM110 juta, jadi nampak kesan. Jadi saya hendak minta, oleh kerana kementerian ini kementerian yang paling banyak idea di antara kementerian-kementerian — idea-idea baru yang memeranjatkan dan banyak yang berjaya. Tetapi kalau peruntukan RM110,000, saya rasa ia akan dipermainkan oleh banyak pihak dan saya hendak tanya, sejauh mana kesan ataupun kempen untuk menggalakkan petani-petani bela arnab sejauh mana telah berjaya?

Dahulu, saya masih ingat, di antara masalah utama kita ialah dari segi pellet — makanan arnab. Adakah benda ini telah berjaya diselesaikan untuk memastikan supaya harga daging arnab rendah daripada daging-daging yang lain. Semua orang tahu daging arnab yang terbaik dalam dunia, dagingnya putih, khasiatnya tinggi, orang lelaki kalau makan jadi kuat, orang perempuan jadi kuat. Tetapi dagingnya masih mahal dan ramai petani-petani yang bela arnab, semua merungut. Saya tak pernah jumpa lagi petani yang bela arnab yang tak merungut, termasuk pengusaha arnab yang paling besar di Malaysia, iaitu di Johor. Saya lupa namanya, dia sudah tutup semua sekali — di Kulai tutup semua sekali, sekarang dia bela ayam. Sebab dia dahulu dia ingat kot kerajaan hendak beli arnab dia. Bila kerajaan tak beli, dia pun tak boleh jual, arnabnya terus mati dan sebagainya, dia beli ayam.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah habis.

Tuan Shahidan bin Kassim: Jadi, adakah kita hendak biarkan projek yang begini baik yang mana kita tahu di luar negara, arnab merupakan pemakanan yang cukup digemari oleh banyak pihak dan . . . . . *(Yang Berhormat dari Jerai masuk ke dalam Dewan)* Pengerusi FAMA pun masuk.

Jadi, saya hendak tanya sejauh mana kerajaan bercadang untuk berbuat sesuatu untuk memastikan supaya projek arnab yang menjadi kebanggaan negara ini dapat diteruskan untuk hendak pastikan supaya petani-petani yang terlibat, mereka yang mengusaha dan berusaha dapat manfaat baginya.

Saya menyokong Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bagan.

6.10 ptg.

Tuan Lim Hock Seng (Bagan): Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak membuat dua tiga soalan sahaja iaitu berkenaan dengan Butiran 17100, muka surat 129 Tajuk 22 — Rancangan Tebatan Banjir di Pulau Pinang. Saya nampak di sini ada satu peruntukan yang amat besar iaitu RM13,500,000 untuk menjalankan rancangan-rancangan tebatan banjir Pulau Pinang. Malangnya tiada butir-butir selanjutnya diberi. Saya minta Timbalan Menteri supaya memberi butir-butir projek-projek yang akan dijalankan dengan belanja yang begitu besar ini.

Tuan Pengerusi, Butiran 14800, muka surat 128 — Mencegah Hakisan Pantai. Juga di sini saya ingin menanya apakah rancangan-rancangan yang telah dijalankan di sepanjang Pantai Seberang Perai Utara sahaja? Dan di kawasan saya yang saya telah nampak ada rancangan untuk menjalankan projek-projek mencegah hakisan pantai dengan membina blok-blok batu yang besar dan juga ada sebahagian telah ditebus guna atau lebih sesuai dipakai perkataan "renourishment" iaitu membawa dengan menghisap pasir dari laut balik ke pantai untuk menebus guna (renourishment).

Hanya ada dua atau tiga tempat ada renourishment ini dan tempat-tempat yang lain belum ada berbuat demikian. Saya minta Timbalan Menteri memberitahu sama ada renourishment ini akan dijalankan di tempat-tempat yang lain khasnya di Teluk Air Tawar, Kuala Muda. Sebab tempat-tempat yang saya maksudkan ini adalah tempat yang paling serius dihakis oleh pantai dan juga apabila kerajaan membuat tebus guna (renourishment) di pantai-pantai di sepanjang Bagan (kawasan saya), parit-parit yang sedia ada yang mengalir ke laut telah tersumbat. Kontraktor-kontraktor hanya mengorek satu parit terbuka sahaja dan parit ini ialah pasir, bila ombak besar datang, parit ini tertutup balik. Kalau pun tiada ombak, pasir akan runtuh balik ke atas parit itu dan menyebabkan parit-parit yang mengalir ke laut ini menjadi cetek dan air dari kampung di sepanjang pantai atau air di tempat-tempat di bandar tidak dapat mengalir dengan sempurna, dengan licin ke dalam laut. Apakah kerja-kerja yang boleh dilaksanakan supaya selepas penebusan tanah ini parit-parit yang sedia ada tidak tergendala, supaya ia dapat berfungsi dengan baik?

Tuan Pengerusi, Butiran 18600 — Kawalan Pencemaran Ladang-ladang Khinzir. Seperti mana tadi Ahli Yang Berhormat dari Arau ada berkata, perusahaan khinzir ini telah membawa kesulitan-kesulitan dan pada masa ini kami mempertikaikan industri ini kerana masyarakat kita, negara kita telah mencapai suatu tahap di mana lebih mementingkan perindustrian. Tetapi pembelaan atau penternakan khinzir ini bukan wujud sekarang. Ia telah lama wujud dan penternak-penternak bergantung kepada industri ini untuk kehidupan dan juga negara kita adalah satu negara yang mengeksport daging-daging khinzir ke luar negara dan ini membawa keuntungan kepada negara bukan sahaja dapat memenuhi keperluan negara sendiri bahkan juga dapat keuntungan dari luar negara.

Baru-baru ini satu masalah yang memang panas atau selalu dibangkitkan ialah Kerajaan Melaka hendak menutup Paya Mengkuang sebagai satu pusat penternakan khinzir. Saya ingat kalau dikatakan industri ini akan membawa pencemaran dan membawa kesulitan kepada orang-orang yang tidak ingin tengok keadaan ini, tutup sahaja perindustrian itu. Itu bukanlah satu cara yang bijak dan bukan satu cara yang boleh menyelesaikan perkara ini.

Dalam hal ini, saya ingat kerajaan boleh membantu penternak-penternak dengan membina pusat pembetungan najis. Saya nampak najis manusia boleh diproses dan mengapa najis-najis yang datang dari penternakan khinzir ini tidak dapat diselesaikan. Lagi pun modal-modal begitu besar telah dilabur dalam industri ini. Sekiranya Paya Mengkuang tapak penternakan khinzir ini ditutup, di tempat-tempat lain, di negeri-negeri lain pun akan ditutup dan semua tempat ditutup. Kerajaan atau negara kita kena import pula daging khinzir dari luar negara dan pada masa itu bukan sahaja ini suatu kerugian kepada rakyat, juga satu kerugian kepada negara. Saya harap kerajaan boleh cari satu penyelesaian iaitu membina satu pusat pembetungan najis untuk perindustrian ini.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya ingin tanya apakah kesan yang telah tercapai dengan pengisytiharan harga ayam sebagai satu controlled item. Saya khuatir kerajaan telah mengawal harga ayam ini pada RM4.80 sekilo tetapi RM4.80 ini bukan terus diberi kepada penternak-penternak ayam. Mungkin penternak-penternak ayam hanya dapat RM2.50 atau RM2.40 sekilo kalau ayam hidup. Sebab ayam hidup ini kena diproses dan selepas beberapa tangan, orang-orang yang berusaha ini, peniaga-peniaga ini telah mendapat keuntungan jadi harga ayam jadilah RM4.80 dan sebenarnya penternak-penternak hanya dapat lebih kurang RM2.40 atau RM2.50 untuk sekilo ayam hidup. Lambat-laun industri ini tidak akan membawa keuntungan kepada penternak dan kalau seseorang yang menjalankan perusahaan ini tidak mendapat keuntungan, dia akan berhenti menternak ayam dan jika mereka berhenti menternak ayam masalah datang lagi, iaitu kekurangan bekalan ayam. Jadi, harga ayam akan melambung tinggi. Jikalau sekiranya kita bergantung kepada pengimportan daging ayam sahaja, ini bukan satu yang boleh diterima oleh rakyat sebab rakyat Malaysia ini suka ayam segar dan bukan ayam beku. Lagi pun, saya bukan pakar dalam Islam. Ada orang dari kalangan Islam mengatakan ini bukan halal. Ini akan menimbulkan banyak masalah. Jadi, saya tanya di sini bukan saya tidak sokong kawalan harga untuk daging ayam tetapi saya bertanya di sini, adakah langkah-langkah susulan telah dikaji dengan teliti selepas pengisytiharan kawalan harga ayam ini dan jangan mengakibatkan penternak-penternak semua tidak mahu membela ayam, tidak mahu menternak ayam dan kita akan menghadapi kekurangan bekalan ayam. Sekian sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Parit Sulong.

6.23 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Bekalan B. 19, Butiran 020000, secara khusus 020200 iaitu Latihan dan Pembangunan Petani. Saya dapati daripada butiran-butiran yang dibekalkan di sini bahawa pada tahun 1993, Kumpulan Sasar Pertanian telah pun dilatih menerusi program ini seramai 104,416; pada tahun ini 100,000; dan pada tahun hadapan hanya 40,000 sahaja. Jadi, saya ingin bertanya apakah yang menyebabkan kepada kekurangan jumlah kumpulan sasar yang akan mendapat manfaat daripada Program dan Latihan Pembangunan Petani ini?

Saya juga ingin bertanya apakah program-program yang paling besar yang dilakukan ataupun yang dilaksanakan menerusi Latihan Pembangunan Petani ini dan bilakah program-program ini dilakukan dan untuk golongan sasar yang mana? Adakah juga program ini adalah menuju ke arah mewujudkan kumpulan elit petani atau agricultural elite, dengan izin, yang akan menjadi pelopor kepada petani-petani moden di masa akan datang, di mana kerajaan akan mengurangkan guna tenaga di sektor pertanian supaya guna tenaga di sektor itu akan dialihkan kepada perindustrian.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Butiran 030000 iaitu Pengairan dan Saliran. Dalam konteks ini, saya merakamkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Parit dan Saliran (JPS) yang memainkan peranan yang agak besar di kawasan saya iaitu yang meliputi seluruh kawasan Sungai Simpang Kiri, Batu Pahat di dalam kerja-kerja pengawalan banjir dan saliran parit-parit pertanian.

Bagaimanapun, Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan satu perkara iaitu satu keadaan yang agak peculiar, dengan

izin, ataupun unique iaitu di kawasan Berserai. Kawasan Berserai ini adalah kawasan di pantai Batu Pahat di mana kawasannya adalah di bawah paras laut (below sea level). Kawasan yang airnya tidak boleh mengalir. Air berpusing di situ sahaja dan kawasan ini sekarang ini sedang pun membangun sebagai kawasan koko. Dan satu ketika apabila hujan terlalu lebat oleh kerana saliran yang agak kurang efisien ataupun cekap, kita telah pun mengalami kerugian hasil pertanian di mana banyak tanaman-tanaman koko yang ditenggelami air dan selanjutnya mati. Jadi, itu adalah satu perkara yang akademik untuk dibangkitkan semula. Tetapi pokoknya di sini, bagaimanakah JPS mahu mengatasi sistem saliran di kawasan ini?

Yang ada sekarang, ada satu sistem tali air yang lari selaras dengan Sungai Batu Pahat tetapi kuala atau pintu airnya adalah terlalu jauh untuk membolehkan kawasan yang tidak mempunyai gradient untuk air lalu. Jadi, air ini sentiasa kalau parit itu bergerak, di situ sahaja. Jadi, tidak ada mempunyai kalau kita di kawasan yang tinggi turun ke bawah, air boleh menurun. Jadi, kawasan Berserai ini kawasan yang orang katakan 'waterlogged'. Jadi, bagaimanakah JPS akan cuba membantu mengatasi keadaan sistem saliran yang amat membimbangkan kepada penduduk-penduduk dan khususnya para petani di kawasan itu yang amat gigih bergiat sama ada tanaman kontan ataupun tanaman koko dan sekarang ini dia branch-out kepada kelapa sawit.

Tuan Pengerusi, seterusnya kepada Butiran 050000 iaitu Perikanan yang saya ingin kaitkan kepada Butiran 110000 — Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Dalam konteks ini, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya mengapakah harga ikan sangat melambung? Sama ada seasonnya ikut musim, sama ada musim tengkujuh, orang semua faham mengapa harga ikan melambung. Tetapi tidak ada musim tengkujuh, mengapa harga ikan di setengah-setengah bandar adalah terlalu tinggi? Umpamanya, di Johor Bahru. Johor Bahru kadang-kadang berhadapan dengan harga yang lebih mahal dari Kuala Lumpur. Begitu juga satu perkara yang agak irony di Kuala Terengganu. Negeri Terengganu yang terkenal sebagai negeri pengkalan nelayan juga berhadapan dengan harga ikan yang tinggi. Di mana silapnya? Adakah pemasaran ikan kita ini masih lagi dikongkong oleh sistem monopoli, sistem orang tengah yang amat mencengkam atau di mana silapnya? Adakah para nelayan yang diberi lesen-lesen bot dalam oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian benar-benar bertindak dengan ikhlas dengan memunggah ikannya ke pengkalan di Malaysia atau adakah mereka juga bertindak tidak ikhlas dan memunggah ikan-ikannya di pengkalan di negara jiran?

Saya mendapat beberapa maklumat dan mungkin pihak kementerian akan dapat memperjelaskan lagi sama ada ini benar atau tidak benar, di mana setengah-setengah pengusaha nelayan laut dalam yang diberi lesen oleh pihak kerajaan, dia memunggah ikan-ikan mereka di negeri Siam, di Thailand iaitu di timur negeri Siam, sama ada di kawasan Pattani atau the Gulf of Siam ini, di kawasan situ, dia punggah ikan. Adakah ini benar? Sekiranya benar, apa yang telah dibuat terhadap operators atau pengusaha-pengusaha bot nelayan laut dalam yang didapati bertindak songsang dengan aspirasi kerajaan ini.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, mengenai ikan ini, saya ingin bertanya tidakkah pihak kementerian pernah mengeluarkan import permit membawa masuk ikan dari negara jiran? Saya mendapat laporan setengah-setengah usahawan yang diberi permit untuk membawa masuk ikan dari luar negara

supaya dapat menekan harga ikan supaya rendah, khususnya seumpamanya di pengkalan-pengkalan seperti di Pontian, negeri Johor untuk suppress, dengan izin, atau menekan harga ikan di Johor Bahru supaya lebih murah. Orang-orang ini tidak dapat beroperasi. Tidak dapat beroperasi bukan oleh kerana constraint modal tetapi mereka tidak dapat beroperasi oleh kerana gangguan yang diwujudkan, kerenah yang diwujudkan oleh pihak-pihak yang mewakili kerajaan.

Saya tidak mengatakan bahawa kakitangan kerajaan tidak bertindak dan tidak bergerak dengan 'bersih, cekap dan amanah' tetapi wujud segelintir kakitangan kerajaan yang bergerak bertentangan dengan konsep 'bersih, cekap dan amanah'. Dalam konteks ini saya mendapat laporan dari Pontian, seorang pengusaha yang mengeksport ikan daripada Indonesia, selalu diganggu 'being harass' dengan izin, oleh pihak yang bertanggungjawab untuk mengawal keluar dan masuk sesuatu komoditi, sama ada Kastamkah atau sebagainya, saya tidak tahu. Dan kononnya pihak-pihak ini adalah dalam 'payroll' dengan izin, ataupun dalam senarai bayaran tauke-tauke besar yang cuba mahu memonopolikan pembawaan masuk ikan atau pengedaran atau pembahagian ikan dan sistem pemasaran ikan di negeri Johor.

Saya harap pihak Kementerian Pertanian akan prihatin, walaupun mungkin adalah terkeluar daripada tanggungjawabnya, daripada jurisdictionnya. Tetapi masalah ini saya rasa, sekiranya kita benar-benar ikhlas — seluruh kerajaan, rakyat, masyarakat dan kakitangan kerajaan benar-benar ikhlas mahu membantu, cita-cita Perdana Menteri 'to achieve zero inflation' dengan izin, segala perkara yang boleh menyebabkan, yang menyumbangkan kepada inflasi harus diberi perhatian untuk dihapuskan.

Satu perkara yang menyumbang kepada inflasi adalah sistem pemasaran ikan yang saya percaya masih lagi diperkotak-katikkan oleh setengah golongan yang mahu memonopolikan perkara ini ataupun cuba mengaut untung berlebih-lebihan dalam konteks ini.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud B. 19, Butiran 01400 — iaitu mengenai Projek Bersepadu Johor Barat I dan Johor Barat Fasa II. Johor Barat I dalam Belanjawan tahun ini diperuntukkan sebanyak RM6,775,000, manakala Johor Barat II diperuntukkan RM32,430,000.

Saya sekali lagi merakamkan ribuan terima kasih kerana sebagai seorang yang mewakili kawasan pesisiran Sungai Simpang Kiri Batu Pahat, kita memang banyak mendapat khidmat bantuan daripada pelaksanaan Projek Johor Barat ini. Dalam konteks ini, saya ingin merayu untuk dipertimbangkan sekiranya menerusi perancangan pelaksanaan Projek Johor Barat ini, saya tidak tahu fasa manakah yang merangkumi Simpang Kiri dan Sungai Simpang Kiri Batu Pahat supaya dapat dibina 3 buah jambatan kecil.

Pertamanya, yang mencantumkan sebuah kampung di Sri Medan dan kampung yang lain di sebelah sana, iaitu di Kampung Parit Basri Laut dengan kalau tidak silap saya, Kampung Sri Petaling dan sebagainya. Saya akan memberi definite namanya. Ini adalah untuk memudahkan perhubungan masyarakat di seberang sini untuk ke seberang sana, kalau tidak, kalau diikut jalan raya yang ada sekarang dia boleh menyelamatkan sekiranya ada jambatan itu, mereka boleh menyelamatkan lebih kurang 20 kilometer.

Yang keduanya adalah di antara Parit Laman, Sri Medan dengan Kolam Air di Parit Sulong. Jambatan ini amat diperlukan oleh kerana keadaan yang terlalu di

luar bandar, 'remoteness' dengan izin, kampung itu menyukarkan keadaan anak untuk bersekolah. Anak-anak di kawasan Kolam Air, sekarang ini sekolah mereka ditutup dan mereka terpaksa menaiki bas ke Pekan Parit Sulong yang lebih kurang 10 – 12 kilometer, sedangkan sekolah yang terdekat hanya di seberang sungai, tetapi mereka tidak dapat menyeberang oleh kerana ketiadaan jambatan. Jadi, perkara ini amat kritikal dan saya percaya Johor Barat akan membuat satu jasa yang amat besar dan amat bermakna kepada masyarakat di sana, sekiranya dapat dihubungkan dua kampung yang terpisah dan untuk memudahkan anak-anak pergi ke sekolah di kawasan tersebut.

Yang paling akhir adalah jambatan di antara Parit Abdul Rahman dengan Kampung Separak iaitu di tebing kanan Batu Pahat dengan tebing kiri untuk menghubungkan kampung-kampung di tebing sebelah kanan kepada tebing sebelah kiri, yang sekarang ini menjadi kawasan perindustrian iaitu Perindustrian Sri Sulong. Ini saya rasa satu lagi perkara yang amat dihargai oleh masyarakat setempat hasil dari perjuangan Johor Barat.

Tuan Pengerusi, saya mohon jambatan ini bukan jambatan konkrit, kalau boleh hanya jambatan besi yang hanya boleh dilalui oleh kereta dan lori-lori kecil, itu sahaja. Itu yang kami minta oleh kerana saya tahu kalau kita meminta jambatan konkrit harganya adalah berjuta ringgit dan mungkin di luar kemampuan Johor Barat.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

6.35 ptg.

Tuan Saidin @ Yusof bin Adam (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 060000, muka surat 115 — Pemberian Subsidi Harga Padi.

Tuan Pengerusi, pada tahun 1994 ini pemberian subsidi harga padi keseluruhannya di seluruh negara kepada RM412,850,000 tetapi dalam Anggaran Perbelanjaan 1995, pemberian ini berkurang sebanyak RM26,726,000.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pertanian mengapa kekurangan ini dilakukan? Kita di kawasan perairan, di kawasan sawah padi di kampung sentiasa menjalankan daya usaha, sentiasa menasihatkan petani supaya menambah hasil padi. Dengan lain-lain perkataan apabila hasil padi ini bertambah subsidinya pasti bertambah. Di sini, kita dapat melihat subsidi ini berkurang. Jadi, apa akan terjadi sekiranya padi bertambah, subsidi berkurang? Jadi, kita ingin mendapat jawapan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan dalam perkara ini.

Menyentuh Butiran 070000 — Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Kita mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pertanian kerana dapat menambah peruntukan ini melebihi RM5 juta, juta pada perbelanjaan tahun yang akan datang.

Satu perkara yang ingin saya menyentuh dalam Butiran ini ialah masalah nilai padi yang sentiasa dibuat kajian oleh MARDI sekarang. Kita mengimport beras dari negara-negara jiran kerana mutu beras mereka lebih baik daripada beras kita. Kita mengenali sejenis beras yang kita namakan beras wangi dan rakyat atasan makan nasi daripada beras wangi ini. Tetapi bagaimana hasil kajian yang dibuat oleh

MARDI ini dalam kesesuaian tanah yang ada di negara kita? Tidakkah kita boleh memperolehi benih padi yang standard yang setanding, yang sama tarafnya dengan negara-negara jiran kita? Adakah matlamat kita berbeza kerana di waktu ini petani-petani sendiri pun sudah menjadi satu tradisi sekarang, mereka tidak makan nasi daripada beras yang padi mereka tanam. Mereka menjual semua padi dan mereka membeli beras. Adakah ini trend negara maju hari ini di negara kita sekarang, di mana petani menanam padi, tetapi dia tidak memakan beras dari hasil pertanian mereka?

Maka di kawasan saya sekarang ini kita tidak jumpa lagi kilang-kilang kecil memproses beras, kita tak jumpa lagi. Semua kilang-kilang kecil ini telah tiada lagi kerana mungkin pada perkiraan petani, apabila mereka menjual semua padi hasil mereka, mereka dapat bayaran yang lebih daripada pampasan yang diberi oleh kerajaan. Jadi, mereka simpan duit ini, mereka beli beras yang lebih murah dalam pasaran hari ini. Adakah ini matlamatnya? Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, ingin saya mengutarakan benarkah pendapat dari Kementerian Pertanian bahawa penanaman padi ini tidak ekonomi dari segi pentadbiran negara.

Saya ingin menyentuh Butiran 01100, muka surat 120 — Projek Pertanian Bersepadu Barat Laut Selangor yang telah diperuntukkan sebanyak RM7,534,500. Kita mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pertanian kerana telah banyak memperbaiki jalan dan saliran dalam kawasan-kawasan sawah padi, terutama jalan-jalan ladang yang telah dibina dengan peruntukan ini. Walau bagaimanapun, saya ingin menyampaikan hasrat daripada penduduk di kawasan saya terutamanya, apabila pembinaan jalan ladang ini dibuat, semua kontraktor yang menggunakan lori besar dan kecil dan traktor melalui jalan-jalan JKR, jalan-jalan tar, jalan-jalan raya, jalan tar yang dibina di bawah Jabatan Kerja Raya. Dalam proses membina jalan ladang ini, jalan JKR ini semua jalan-jalan ini rosak. Ada di antaranya sehingga hari ini daripada proses pembinaan jalan ladang, jalan JKR ini yang rosak tidak diperbaiki. Bila kita membuat pengaduan kepada Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya mengatakan jalan ini dirosakkan oleh Projek Barat Laut Selangor, maka Projek Barat Laut Selangor itulah yang mesti membaiki jalan ini. Dan apabila kita jumpa pengurus Projek Barat Laut Selangor dalam kerosakan jalan ini, minta mereka baiki, Pengarah Barat Laut Selangor mengatakan peruntukan tidak ada untuk memperbaiki jalan-jalan yang dirosakkan oleh kontraktor kerana membina jalan ladang. Jadi, di sini kita ingin mencadangkan kepada Kementerian Pertanian supaya dapat menyediakan satu peruntukan di samping membina jalan ladang, jalan yang telah rosak ini juga mesti diperbaiki. Sekiranya tidak diperbaiki, menjadi kesusahan kepada rakyat di kawasan yang berkenaan ingin mengeluarkan hasil pertanian mereka.

Demikian juga, Tuan Pengerusi, jalan ladang yang dibina ini. Jalan ladang ini dibina waktu tiada air, di mana petani-petani tidak menanam padi. Jadi, bila petani menanam padi, air yang ada ditambah hujan musim ini, jalan ladang ini semuanya tenggelam. Jadi, kita ingin dapat buat kajian semula. Tiga hari yang lalu saya melawat kawasan ini. Kita terdapat jalan-jalan ladang ini tenggelam kerana pembinaannya tidak disesuaikan dengan keadaan. Kemudian bila kita berurus dengan jurutera, jurutera kawasan berkursus.

Jadi, kita berharap Kementerian Pertanian dan yang bertanggungjawab supaya janganlah ada kursus untuk jurutera-jurutera ini pada musim sekarang,

pada musim hujan ini, kerana bila kita panggil juruteknik, atau pegawai yang di bawah mereka, mereka tidak boleh membuat keputusan. Jadi, yang kita hadapi sekarang, kita lihat padi yang tenggelam kerana air yang tinggi, jalan ladang yang tenggelam kerana air yang tinggi. Jadi, bila kita bawa juruteknik, hanya bawa sahaja. Mereka tidak boleh buat keputusan dalam masalah ini. Bila kita tanya jurutera, jurutera diarah mengikuti kursus. Jadi, kita harap di masa yang akan datang, musim yang begini, janganlah jurutera-jurutera ini kita beri mereka kursus, kerana kita ingin mendapatkan satu kenyataan yang konkrit dari mereka. Kalau perkara ini berlanjutan, saya rasa yang menjadi masalah sekarang ini ialah kepada rakyat juga.

Seterusnya kita juga mengucapkan terima kasih, Tuan Pengerusi, kepada Kementerian Pertanian yang telah menyediakan peruntukan sebanyak RM4,100,000 dalam Butiran 08900 — Rancangan Pengairan Saliran Mencegah Banjir dan Pemeliharaan Sungai di Selangor. Pada tahun 1991 saya telah membuat soalan Jawab Mulut kepada Menteri Pertanian supaya kita dapat memperbaiki dan membesarkan pintu air, pintu kunci air — saya pun tak tahu bahasanya, Yang Berhormat dari Muar barangkali boleh faham bahasa itu. Bukan 'buang air'.

Seorang Ahli: Tandor.

Tuan Saidin @ Yusof bin Adam: Kunci air! Kunci air ini dibina di kawasan saya. Terdapat banyak kunci air yang dibina pada tahun dua-puluhan, iaitu tahun 1920 dan seterusnya. Peranan kunci air pada ketika itu ialah mengalirkan air hujan ke laut, dan ketika itu di Tanjung Karang sawah padi belum ada. Jadi, kunci air ketika itu penggunaannya ialah membuang air ke laut; air yang ada di sekitarnya sahaja dalam kebun kelapa. Kemudian seterusnya tahun tiga-puluhan, empat-puluhan dan lima-puluhan kawasan Tanjung Karang dibuka untuk pesawah padi. Kunci air ini lebar hanya empat kaki persegi sahaja. Hari ini apabila sawah dibuka, peringkat awal sawah dikerjakan setahun sekali. Yang kita gunakan kunci air tahun dua-puluhan tadi. Apabila padi telah membesar, sudah mula terbit, air mesti dibuang melalui kunci air tadi. Sekarang ini penanaman padi dua kali setahun. Bermakna kita mesti membuang air yang tidak mahu digunakan di sawah padi dua kali setahun, dan pada ketika ini juga hujan melebihi daripada tahun-tahun yang lalu. Sedangkan kunci air ini tidak dibesarkan sudah menjangkau masa lebih 60 tahun.

Jadi, dalam kajian kami yang tidak cerdik, Tuan Pengerusi, sepatut kunci air ini sudah dibesarkan untuk memudahkan pada masa penduduk menanam padi dan hujan turun. Bila padi ditanam ia tidak menggunakan air. Kemudian bila hujan turun, air bertambah. Bila air bertambah, ingin menyelamatkan padi, air mesti dialirkan untuk buang ke laut. Ketika itu, air laut pasang. Bila air laut pasang, bertemu kita hendak buang air ke laut, maka berlaku banjir. Bila berlaku banjir, air laut surut, tetapi air mengalir ke laut terlalu perlahan kerana pintu air yang terlalu kecil.

Perkara ini telah saya suarakan beberapa kali dahulu. Kita minta Timbalan Menteri Pertanian melawat kawasan saya sekarang. Majoriti kawasan saya sekarang, semua kawasan tenggelam, banjir. Walaupun banjir ini tidak bahaya, tidak seperti banjir yang ada di Terengganu dan sebagainya, tetapi banjir ini merosakkan tanaman. Jadi, sekarang ini air dalam sawah lebih, air yang tak dapat mengalir ke laut akan bertakung di kawasan kebun kelapa. Jadi, tanaman koko, kelapa — sudahlah harga kelapa

lebih rendah dari sepatutnya. Kemudian harga koko juga sekarang ini walaupun Timbalan Menteri Perusahaan Utama mengatakan meningkat — harga meningkat, hasil tak ada.

Jadi, yang jadi mangsa petani juga. Walaupun harga meningkat tetapi kerana kebanjiran yang selalu berlaku, air yang bertakung menyebabkan pokok koko pun tidak sihat, hasil tak ada. Untuk apa harga koko tinggi?

Tuan Pengerusi, inilah masalahnya yang timbul di kawasan saya. Jadi, kita haraplah supaya Menteri yang berkenaan dapat mengambil perhatian.

Tuan Pengerusi, akhirnya, saya ingin bertanya, sampai bila penyelarasan di antara JKR, JPS, Pertanian, Projek Barat Laut ini dia hendak selaras, sampai bila masanya? Kadang-kadang JKR membaiki jalan Barat Laut 'lanyak' jalan. Jadi, sampai bila perkara ini hendak timbul — banyak lagi. Jadi, masalah ini masih berlaku, tidak adakah penyelarasan. Kalau kita keluarkan JKR pun tidak mengapa, di antara JPS, Pertanian, Barat Laut Selangor, ini di kawasan saya — tiga agensi kerajaan yang terlibat. Kadang-kadang mereka ini tidak ada penyelarasan di antara mereka, walaupun sama kementerian. Jadi, masa bila penyelarasan ini ingin dibuat?

Jadi, sebelum rakyat bertanya, kita kena tanya dahulu kerana kita dapat lihat, kadang-kadang bila kita bertanya dan memberitahu, 'ini jambatan rosak'. JPS kata: "Oh! ini bukan saya punya, ini Barat Laut punya". Kemudian kita tanya pula Barat Laut, Barat Laut kata: "Ini penyelenggaraan. Bila penyelenggaraan, mesti di bawah Jabatan Perairan dan Saliran". Jadi, di antara mereka pun walaupun di bawah satu bumbung, tetapi mereka ada perbezaan dalam menjalankan perkhidmatan sedangkan matlamatnya untuk rakyat.

Tuan Pengerusi, pilihan raya sudah dekat. Jadi, kita mengharapkan dapat kerjasama yang lebih erat di antara jabatan-jabatan, agensi-agensi kerajaan yang ada di bawah Kementerian Pertanian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Bagan Serai.

6.52 ptg.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail (Bagan Serai): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Kementerian Pertanian, Butiran 020000 — Program Perlindungan Tanaman.

Seperti mana kita maklum, kawasan saya, saya khusus tujukan kepada kawasan saya, sebab kawasan saya ini kawasan sawah padi juga. Dan ramai penduduknya di sana bekerja di sawah padi dan juga yang muda-mudanya sudah pun bergerak keluar, bekerja di dalam bidang perindustrian. Jadi, keadaan pertanian sekarang ini memerlukan kepada tenaga kejenteraan.

Manakala kita di sini, bagi orang-orang UMNO membincangkan hal-hal untuk memajukan rakyat pertanian yang miskin, saya lihat pihak Pembangkang seperti PAS yang betul-betul dan kadang-kadang berapi-api dalam kampung, bercakap berkenaan untuk membangunkan insan. Tetapi semasa dalam hal membincangkan pertanian ini tidak ada nampak mereka punya kepentingan atau mengambil beratkah atau apakah tentang hal-hal penduduk-penduduk yang masih memerlukan pembangunan di dalam kawasan Bagan Serai.

Apa yang saya hendak bangkitkan iaitulah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, dalam Ucapan Dasar dahulu saya tidak dapat jawapan oleh kerana mungkin tidak ada catatan, jadi saya hari ini mengambil peluang membangkitkan sekali lagilah supaya mendapat pendengaran dan juga mendapat jawapan yang lebih khusus.

Berkaitan dengan perlindungan tanaman ini iaitu di kawasan yang musnah dirosakkan oleh musuh pertanian berkenaan dengan serangan kutu beruang. Kutu beruang ini bukan sebarang kutu, kutu beruang ataupun ada juga orang berkata 'kutu berwang' — jadi di antara kutu yang terkaya mungkin dialah. Sebab itu dia bebas ke sana ke mari merosakkan tanaman oleh kerana dia 'berwang'. Dan juga kawan rapatnya ialah bena perang yang juga ikut sama-sama mengambil bahagian di dalam memusnahkan tanaman padi.

Baru-baru ini semenjak dari bulan Julai dahulu sampai sekarang lebih kurang 2,000 hektar kawasan padi yang musnah dan boleh dikatakan hasil mereka habis — hendak dapat satu guni padi pun tak dapat lagi. Jadi, penduduk-penduduk di kawasan ini apabila kita taksirkan modal mereka untuk membuat sawah di zaman sekarang, tidak kurang daripada RM2,000 untuk satu hektar iaitu upah-mengupah dan juga bahan input seperti baja dan benih. Jadi, ini boleh dikatakan hapus langsung. Dalam hal serangan ini di Bagan Serai nampaknya berterusan. Saya pun tak tahulah, semasa saya bertugas di Jabatan Pertanian dahulu pun kita berikhtiar juga, tetapi ikhtiar yang dibuat dahulu secara bersungguh-sungguh sehingga saya pernah mengajak Jabatan Haiwan memelihara itik banyak-banyak supaya itik dapat menolong mengutip makan kutu beruang ini, tetapi itu pun tidak berjaya juga. Dan saya rasa kita harus ataupun wajib bersungguh-sungguh untuk mencari punca pengeluaran kutu beruang ini. Saya percaya, bukan mustahil bagi Jabatan Pertanian ataupun yang disertai oleh MARDI dan juga institusi pengajian tinggi seperti Universiti Pertanian Malaysia boleh bergabung tenaga membuat kajian secara mendalam mencari puncanya dan kita dapat hapuskan supaya dapat kita membuat satu tindakan menghapuskan serangan kutu beruang dan juga 'brown hoppers', dengan izin, ataupun bena perang kerana kedua-duanya inilah yang sentiasa menggugat penghasilan padi.

Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pertanian, salah satu daripada yang tidak membahayakan kepada penduduk seperti kita mengadakan perangkap lampu (light trapping) sebab di Bagan Serai kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri datang, saya boleh tunjukkan di mana tempat lampu di dalam pekan Bagan Serai di sebelah bawah lampu itu hendak cari satu dua guni bangkai kutu beruang — boleh dapat. Bahkan badannya itu pun mengandungi sejenis minyak yang kadang-kadang orang naik motosikal pun kalau lalu di atasnya pun boleh tergelincir jatuh kerana minyak kutu beruang.

Saya tak tahulah, sekiranya kalau ada kajian daripada pihak medical yang boleh mengkaji mungkin daripada kutu beruang boleh mendatangkan satu ubat bagi mengubat penyakit HIV umpamanya, maka sudah tentu Bagan Serai akan menjadi tumpuan mata dunia. Sebab baunya yang begitu dahsyat dan mungkin dengan adanya cecair daripada kutu beruang ini boleh menakutkan virus HIV — kita tak tahu, tetapi ini berkemungkinan — mana tahu?

Oleh itu, 'light trapping' ini saya minta sangatlah sebab saya sudah bercakap banyak kali berkenaan dengan perkara ini. Di dalam bandar yang besar seperti di Kuala Lumpur, di bandar-bandar lain juga kita sanggup memberi 'lighting' sampai begitu banyak — tak ada apa tujuannya kecuali untuk mengindahkan bandar sahaja. Apa salahnya kalau kita pasang juta lampu di tengah-tengah sawah padi dan lampu-lampu itu menyala sepanjang malam, menarik binatang-binatang kecil yang merosakkan padi ini? Saya rasa

manfaatnya lebih daripada kita memberi lampu di dalam bandar. Dan ini juga menjadikan orang dalam kampung merasa dia akan merasa juga nikmatnya cahaya lampu dan juga itulah ke arah memperbandarkan luar bandar dalam segi kita hendak membangun, menseragamkan dan mensamaratakan pembangunan negara kita, tidaklah para pemilih yang duduk di kampung-kampung ataupun di bandar-bandar sama-sama sahaja baiknya.

Walau macam mana pun, saya ingin menekankan di sini kepada Kementerian Pertanian supaya dicubakan 'light trapping' ini dan kita buat kajian sama ada memberi manfaat ataupun tidak. Saya percaya – ada, kerana melihat daripada natural attraction, dengan izin, kepada cahaya oleh binatang kumbang ini pada tiap-tiap malam apabila musim dia datang menyerang kawasan padi.

Selain daripada itu, saya harap pihak kementerian menimbangkan apa-apa 'relief' ataupun bantuan, memikirkan bahawa peladang ini sudah habis pendapatan mereka daripada sawah dan kita pun pernah pada satu masa dahulu, dalam tahun 1983, kalau tidak silap saya, pernah kita memberi bantuan juga kepada peladang yang terkena serangan daripada cenangau dan ulat batang yang menyebabkan kerugian yang besar juga di dalam kawasan yang sama.

Saya rasa pada masa ini juga seharusnyalah Kementerian Pertanian menimbangkan apa-apa bantuan, oleh kerana daripada sekarang sampai bulan 7 tahun hadapan, maka baharulah mereka dapat bertanam semula padi itu. Maka lebih kurang 9 bulan mereka tidak ada apa-apa hasil untuk menampung hidup mereka dan tidak lama lagi sekolah pun sudah hendak buka dan mereka sangat memerlukan wang untuk membiayai keperluan anak-anak sekolah. Ini juga satu perkara yang patut kita ambil perhatian.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin merujuk kepada bahagian Krian/Sungai Manik. Pembangunan Krian/Sungai Manik adalah di tempat yang sama. Kerajaan sudah pun mengeluarkan ratusan juta ringgit dan peladang-peladang berterima kasih kepada usaha kerajaan sejak dari tahun 1960-an untuk meningkatkan hasil padi. Di sana dibuat lagi berbagai-bagai perubahan seperti meninggikan lagi batas tali air untuk mengalirkan air ke dalam sawah padi. Apabila batas tali air ini ditinggikan dengan ditambak maka jambatan-jambatan yang sedia ada di dalamnya sudah jatuh ke bawah dan sebahagian daripada jambatan itu sudah jatuh ke dalam air.

Jadi, keperluan peladang-peladang ini, seperti mana yang saudara saya dari Tanjong Karang tadi bercakap, jalan di dalam ladang ini sebenarnya adalah juga jalan penduduk, peoples' road. Bukan seperti estet, jalan ladang maknanya jalan ladang sebenarnyalah, traktor lalu seminggu sekali angkut buah kelapa sawit dan sebagainya, tetapi di dalam kawasan pembangunan padi, jalan di dalam ladang adalah jalan penduduk. Maka sebab itu, semua — motosikal ataupun motokar (bagi yang mampu) atau anak-anak mereka balik ke kampung, semuanya cuba lalu di jalan yang sama, bahkan lori kecil dan lori besar pun, kalau musim yang kering dia masuk juga, walaupun jalan itu ada berpalang, depa angkat palang, buangkan palang itu hendak masuk juga untuk membawa batu, simen, pasir dan sebagainya lagi untuk meningkatkan kualiti rumah mereka.

Maka dengan itu, sampailah masanya, kepada Kementerian Pertanian, saya minta menimbangkan untuk ditingkatkan taraf jalan di dalam kampung ini kerana saya rasa penduduk-penduduk tertanya-tanya — sudah 37 tahun merdeka, jalan-jalan di kampung masih jalan lama juga, hanya diperelokkan sedikit sahaja. Jadi, sudah

sampailah masanya jalan-jalan dalam kampung, yang mana yang sesuai ditaruh tar, diperbesarkan supaya penduduk-penduduk kampung merasai nikmatnya dan juga boleh meningkatkan lagi daya usaha mereka untuk menjalankan kerja dan juga boleh membawa jentera-jentera pertanian yang moden dengan cepat untuk melaksanakan kerja-kerja dalam sawah padi.

Tuan Pengerusi, saya ingin masuk kepada 070000 — MARDI. MARDI ini ditubuhkan pada mulanya dahulu adalah sebahagian daripada Jabatan Pertanian iaitu Bahagian Penelitian (Research) tetapi sekarang sudah menjadi satu badan yang telah banyak menyumbang kepada peningkatan hasil dan juga kualiti, bahkan menguatkan resistance kepada pokok-pokok yang tahan daripada serangan berbagai-bagai musuh.

Apa yang saya hendak timbulkan di sini, ialah apa jadi dengan padi darat (dry land paddy)? Ini bukanlah sebagai academic discussion sahaja, kepada saya padi darat mempunyai potensi yang sangat baik. Pertama, ia mempunyai kualiti dan juga wangi yang istimewa. Saya pernah memerhatikan padi darat ini apabila ditanam dan diberi jagaan yang baik, kena pada musim hujan dan diberi baja, ia hampir atau ada tempat-tempatnya yang melebihi hasil daripada padi basah (wet paddy) — padi di dalam air. Ini saya ketahui bahawa di sebelah Sabah dan sebahagian di Sarawak, orang masih lagi bertanam padi darat tetapi di lereng bukit. Tetapi apabila kita memikirkan sawah padi secara kejenteraan, maka saya rasa bertanam padi darat dengan jentera adalah satu cara yang moden dan baik. Jentera boleh tahan lama, oleh kerana ia bekerja di dalam keadaan kering.

Kedua, kita boleh lakukan segala kerja untuk bertanam padi ini dengan 100% mekanisasinya daripada mengerja dan membajak sawah, menabur benih, membaja dan juga mengawal musuh sehinggalah kepada menuai padi. Yang terbaik sekali yang boleh saya utarakan di sini iaitu apabila kita bertanam padi darat secara luas ini, maka kawasan sawah padi darat ini boleh dikatakan 'multi-purpose' iaitu serba guna. Pada satu ketika, kita boleh tanam padi, pada ketika yang lain dan di musim yang lain kita boleh tanam biji-bijian yang lain — sekoi atau jagung dan seterusnya kita boleh tanam pula dengan kacang tanah dan seterusnya kita boleh tanam dengan ubi keledek dan berbagai ubi lagi. Jadi, maknanya sawah padi kita, 'tanah darat' ini berbagai tanam boleh ditanam termasuklah sayur-sayuran dan bunga-bungaan yang menjadi satu dasar di dalam Kementerian Pertanian kita untuk meningkatkan penghasilan yang serba jenis seperti makanan dan juga bunga-bungaan.

Saya harap, pihak MARDI boleh mencari balik baka-baka dan benih padi darat yang dinilai daripada segi penghasilannya, keperluan pembajaan dan teknik menanam padi darat ini supaya sebahagian daripada tanah sawah yang susah mendapat air, yang menjadi rungutan orang-orang kampung — tidak dapat air dan sebagainya lagi boleh disuruh supaya tanam padi darat sahajalah. Sebab apa yang saya lihat sekarang daripada benih padi yang diamalkan sekarang 'non-photoperiodic, dengan izin, iaitu padi yang tidak terganggu dengan bekalan cahaya matahari ini, bila masa pun boleh tanam. Tidak ada air pun ia hidup. Jadi, apa salahnya kita giatkan di dalam bidang ini supaya semua sawah padi, apabila sampai masanya, orang bertanam, tidak lagi peladang-peladang menjadikan alasan mengatakan tidak cukup air, maka dia tidak turun ke sawah. Maka seterusnya sawah padi kita sentiasa culang-caling kata orang, tidak kejap orang ini tanam, orang ini tidak tanam dan berbagai lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila gulung.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: Culang-caling itu maknanya sana-sini tidak menentu, tidak serata. Itu yang menyebabkan banyak musuh termasuklah tikus dan berbagai lagi.

Akhirnya, satu masalah yang Kementerian Pertanian tetapi berkait dengan kementerian lain iaitu zakat padi. Orang bertanam padi, selain daripada dia ingin mendapat hasil yang banyak, dia juga ingin beribadat. Apabila sampai hasilnya itu kepada nisabnya iaitu banyaknya 400 gantang kalau sukat, maka dia kena mengeluarkan zakat sebanyak 4%. Dalam keadaan sekarang ini, di mana kerajaan telah pun mengadakan agensi seperti BERNAS, dahulunya LPN kerajaan memberikan subsidi kepada padi. Harga padi lain. Kemudian di atas harga padi, diberi pula subsidi. Dengan itu, maka harga padi pengeluaran Malaysia ini sangat tinggi kalau dibandingkan dengan keluaran di negeri jiran kita. Maka sebab itu, kita lebih murah mengimport beras daripada kita mengilang beras kita sendiri untuk kita makan.

Jadi, itulah sebabnya banyak orang tidak makan padi yang dia tanam tetapi dia jual dahulu untuk mendapatkan subsidi barulah dia membeli beras yang lebih murah tetapi mungkin kualitinya kadang-kadang lebih baik. Tetapi di dalam hal zakat ini . . . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: Sedikit sahaja, hal zakat. Sedikit sahaja. Minta maaf, fasal ini tidak habis tidak elok.

Fasal zakat ini, sekarang kerajaan menggalakkan orang bertanam ini sebagai satu yang dipanggil intensif untuk berniaga untuk meningkatkan hasil padi yang banyak. Jadi, dia mesti ada pelaburan, ada input, ada cost, harga membangunkan. Maka, dengan itu, kita minta Bahagian Zakat memikirkan, kalau dahulu semua datang natural water dari langit, apa semua — 10%, tetapi kalau dikaji dalam bahagian lain, kena dengan input, harga input ini bolehkah ditolak dengan zakat sebelum dikeluarkan zakat? Kita takut banyak peladang-peladang yang mengeluarkan hasil padi tetapi oleh kerana kerenah sekarang ini, padi terus jual ke kilang, dia tak nak kira, dia pun lupa bayar zakat.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Jadi, ini kita tidak mahu berlaku. Tetapi ada juga pihak parti lain ambil kesempatan, dia ambil zakat daripada peladang-peladang ini untuk kepentingan mereka dan ini juga kerajaan kena ambil tahu dan sebenarnya kerajaan telah pun mengaturkan dengan arahan daripada ke bawah Duli Yang Mulia Sultan setiap negeri bahawasanya zakat mesti diberi dan dibayar kepada Baitulmal di dalam tiap-tiap negeri. Jadi, amalan-amalan ini hendaklah diperbetulkan dan juga cara-cara bayaran zakat dengan padi ini hendaklah dikaji semula oleh para alim ulama kita untuk mendapat satu kepastian adakah ia zakat untuk perniagaan ataupun zakat di mana air diberi atau diusahakan oleh peladang-peladang maka 'the rate', ataupun kadar bayaran zakat itu berlainan dengan petani-petani yang mendapat air secara asli, aliran dari sungai sahaja. Sekadar itu sahaja, menepati kehendak Tuan Pengerusi, untuk menghabiskan ucapan saya, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Klang.

7.15 ptg.

Tuan Fong Kui Lun (Klang): Tuan Pengerusi, saya merujuk Butiran 020000 Pertanian, Maksud B. 19.

Tuan Pengerusi, saya hendak bangkitkan di sini, negara kita yang sedang bergerak menuju Wawasan 2020 dengan meletakkan sektor pertanian sebagai industri yang maju dan bersaing perlu melakukan banyak hal untuk memodenkan sektor ini.

Tuan Pengerusi, saya melihat di negara kita insurans tanaman masih belum ada lagi. Selama ini, apa yang sudah dibuat ke atas cadangan yang pernah dibangkitkan dalam tahun-tahun 1970-an dan kini sepi sahaja — tidaklah saya ketahui. Kita harus ingat bahawa untuk memajukan industri ini perlindungan insurans diperlukan sebagai satu cara jaminan ganti rugi sekiranya bencana berlaku dan mengakibatkan kerugian kepada para petani, pekebun dan peladang.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan di negara Iran, Bank Pertanian negara itu telah menjalankan kegiatan insurans tanaman ini untuk para peladang di negara itu. Jadi, mengapa ia tidak boleh dilaksanakan di negara ini? Saya harap, kajian dapat dibuat dan diperkenalkan segera. Jika sudah dibuat, apakah hasil kajian itu dan harap dapat diumumkan.

Seterusnya, saya ingin merujuk Butiran 00900 Ladang Ternakan Khinzir. Saya ingin membangkitkan di sini, dilema yang dihadapi oleh industri ternakan khinzir di negeri Selangor. Pengusaha ternakan telah diberi notis supaya memberhentikan kegiatan ternakan, menukarkan kegiatan industri atau pertanian yang bebas dari pencemaran atau pindahkan operasi ke luar negeri seperti di negeri Thailand atau Indonesia. Sebanyak 401 ladang ternakan telah diberi notis memberhentikan kegiatan ini selewat-lewatnya pada Jun 1997.

Tuan Pengerusi, pertamanya saya ingin membantah arahan penutupan industri ini di Selangor kerana daripada ladang ternakan yang ada sebanyak 90% telah mematuhi arahan kerajaan supaya mengadakan kolam oksidasi bagi mengelakkan pencemaran. Pengusaha telah menjaga kebersihan dan arahan yang lain. Di Selangor sahaja, 401 ladang ternakan ini dipercayai membekalkan sebanyak 480,000 ekor untuk pasaran yang mana 28% untuk dieksport ke Singapura. Penutupan akan bererti pengusaha, pekerja dan pengguna akan terjejas kerana bekalan tidak akan mudah diperolehi pada kadar harga yang murah. Bukan itu sahaja, rumah sembelih, pembekal makanan ternakan, dengan izin, feed meals, ubat-ubatan terpaksa ditutup. Bukan itu sahaja, di Kelang terdapat lebih kurang 400 penjual 'bak kut teh' yang terpaksa menutup perniagaan kerana bekalan daging segar tidak ada lagi.

Tuan Pengerusi, saya ingin menggesa kerajaan supaya menggalakkan keadaan industri ternakan yang ada di seluruh negara dengan syarat para penternak sentiasa menjaga dan memelihara kebersihan alam sekitar serta para pengguna tidak lagi berpeluang untuk mendapat bekalan daging segar. Harga bekalan daging menjadi mahal. Kerajaan hendaklah menerima bantahan persatuan-persatuan terbabit supaya industri ini dikekalkan.

Seterusnya saya ingin merujuk Butiran 089000 — Rancangan-rancangan Pengairan, Saliran, Mencegah Banjir dan Pemeliharaan Sungai, Selangor.

Tuan Pengerusi, saya kerap membangkitkan soal bandar Klang dilanda banjir, malah kawasan-kawasan Lembah Klang dan saya memahami projek tebatan banjir sedang berjalan sekarang tetapi malangnya di Klang, kerja-kerja berjalan perlahan. Dari itu, ancaman banjir kilat dari semasa ke semasa tidak dapat dielakkan. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat meninjau sendiri

pelaksanaan projek tebatan banjir ini di Klang serta kawasan lain supaya mendapat maklumat sendiri terhadap kemajuan yang dicapai atau ianya terbengkalai.

Tuan Pengerusi, banjir dalam bandar Klang dapat dikurangkan, jika tidak dielakkan bagi menyelesaikan dalam jangka pendek sekiranya sistem perparitan bandar sentiasa dipastikan berada dalam keadaan bersih, licin, dilebarkan dan mustahak, kawalan kunci air Sungai Klang perlu diutamakan. Apa yang berlaku selama ini, para penduduk mendakwa kunci air tidak dikawal dengan baik yang mana tatkala berlaku banjir dalam bandar, paras air sungai rendah, tetapi kunci air tidak dibuka. Ataupun tatkala air sungai berparas tinggi dan dalam masa yang sama, turun hujan, ia tidak dikunci menyebabkan berlaku limpahan air sungai ke dalam bandar. Tidak kurang juga berlaku paras air sungai rendah, tetapi dalam bandar banjir walaupun kunci dibuka dan ini berpunca dari sistem perparitan yang tidak diservice. Saya harap pihak JPS dapat memastikan perkara ini dapat dielakkan.

Seterusnya, saya suka merujuk Butiran 120000 — Lembaga Pertubuhan Peladang. Tuan Pengerusi, bukan itu sahaja, malah khabarnya, 21 dari 198 Pertubuhan Peladang Kawasan negara ini menghadapi kerugian. Jika ini berlaku, apakah nasib 71% keluarga petani yang menjadi ahli PPK yang berharapkan PPK dapat membantu melupakan kehidupan mereka sebagai petani dan pekebun?

Tuan Pengerusi, Dewan yang mulia ini harus dimaklumkan sejauh manakah agensi-agensi pertanian yang ditubuhkan seperti FAMA, LPP dan NEKMAT telah berjaya memajukan masyarakat petani dan nelayan supaya mereka menjadi barisan industri asas yang kukuh dan teguh seperti yang dinikmati oleh peladang negara maju. Saya menyambut baik usaha kerajaan mengadakan tabung makanan. Setelah ditambah dalam Belanjawan kali ini, tabung menjadi RM600 juta. Saya tidak faham, mengapakah tabung ini tidak digunakan sepenuhnya. Tidak ramai usahawan pertanian yang merebutnya. Apa yang saya tahu, sehingga September lalu, seramai 86 usahawan telah memohon pinjaman yang melibatkan RM55.67 juta. Apakah silapnya? Adakah kerana kadar faedah yang tinggi, iaitu 7.75% sebelum ini ataupun tempoh bayar balik yang pendek ialah 5 tahun sahaja?

Saya kira pihak bank tidak bersungguh-sungguh untuk membantu usahawan pertanian kerana risiko yang tinggi. Setelah kadar faedah dikurangkan menjadi 40% dan tempoh dipanjangkan kepada 8 tahun. Harapan saya ialah para usahawan pertanian akan merebut peluang ini dan pihak bank hendaklah mempermudahkan kelulusan permohonan yang dibuat oleh mereka.

Saya ingin merujuk kepada Program/ Aktiviti 1506000 — Kawalselia/Penyelia Penguatkuasa Padi dan Beras.

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan masalah padi dan beras di negara. BERNAS telah ditubuhkan untuk mengambil alih tanggungjawab LPN untuk membekalkan padi dan beras untuk keperluan negara. Sewaktu ditubuhkan, Yang Berhormat Menteri berjanji penubuhan BERNAS tidak akan menimbulkan masalah yang menjejaskan para pemborong dan peruncit beras yang ada. Apa yang berlaku sekarang ialah, BERNAS yang menguasai 50% pasaran telah ditetapkan untuk memasuki pasaran runcit sebanyak 20%. Ini bererti, nasib 2000 pemborong beras dan 30,000 peruncit serta 8000 pekerja akan terjejas.

Persaingan yang tidak diingini ini sudah menjadi kenyataan dan para peniaga beras menghadapi tekanan terpaksa menutup perniagaan jika

BERNAS bertindak lebih jauh dan memonopoli pasaran. Persatuan Pemborong Beras Malaysia merasa bimbang dengan perkembangan ini dan mereka tidak mampu menghadapi gergasi.

Tuan Pengerusi, apakah tanggungjawab BERNAS untuk membantu para petani sedangkan dalam Belanjawan kali ini tidak ada pengumuman kenaikan subsidi harga padi. Sedangkan BERNAS lebih berminat mengimport beras dari negara luar atas faktor harga, tetapi kita harus mengetahui bahawa negara China sedang dilanda kekurangan bekalan beras untuk keperluan rakyatnya. Negara tersebut yang berupaya mengeluarkan 187.3 juta tan metrik dalam tahun 1992 beras sendiri masih bergantung kepada beras import yang dibawa menerusi Hong Kong.

Tuan Pengerusi, harga beras import yang dijual di Hong Kong ialah US$332 per tan metrik dalam tahun 1993 yang bergantung bekalan dari Amerika Syarikat, Thailand dan Vietnam. Faktor cuaca buruk menjadikan bekalan berkurangan. Jika ini berlaku, apakah ia tidak memberi kesan ke atas harga beras import oleh negara kita bagi memenuhi keperluan domestik? Pengeluaran beras dalam tahun 1993 ialah sebanyak 1,248,000 tan metrik dalam Laporan Bank Negara tahun 1993 dan pengeluaran ini dijangka meningkat kepada 2.1 juta tan metrik dalam tahun 1994. Pengeluaran domestik hanya dapat membekalkan 75% dari keperluan negara. Selebihnya perlu diimport dari luar negeri melibatkan 450,000 tan metrik bernilai RM352 juta.

Tuan Pengerusi, Dasar Pertanian Negara menetapkan bahawa mengeluarkan padi dan beras tempatan perlu menyumbang 65% dan bagi 35% menerusi pengimportan, tetapi saya bimbang, apakah BERNAS akan mematuhi dasar ini sedangkan ia syarikat gergasi yang mengutamakan keuntungan.

Tuan Pengerusi: Minta gulung Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun: Ya, saya gulung Tuan Pengerusi. Dari situasi yang menimpa China sekarang adalah dijangkakan permintaan untuk beras import adalah bertambah dan ini ditakuti boleh mendorong kenaikan harga dan akhirnya harga domestik akan bertambah dan membebankan rakyat.

Saya ingin mencadangkan di sini supaya diadakan satu dasar yang jelas untuk menyimpan stokpile beras negara untuk kegunaan akan datang dalam menghadapi keadaan tidak menentu di negara-negara pengeluar seperti kemarau, hujan berlarutan, pencemaran dan sebagainya. Kemungkinan dunia menghadapi kekurangan bekalan padi atau beras bukanlah perkara yang mustahil.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Muar. Selepas itu Jerai dan selepas itu Menteri menjawab.

7.30 mlm.

Tuan Abdul Malek Munip (Muar): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 020000,030000,060000 dan 150000 secara keseluruhan. Saya berhajat untuk menyentuh beberapa perkara secara keseluruhannya sahaja tetapi merujuk kepada tajuk-tajuk permasalahan secara khusus dan persis sungguhpun sudah ada disebut tadi, saya ingat kalau saya tidak sama sebut saya akan kehilangan undi sebenarnya kata pengundi saya.

Pertamanya mengenai harga makanan terutamanya makanan-makanan asas seperti ikan, sayur-sayuran, susu sama ada untuk orang dewasa atau untuk kanak-kanak, daging dan bahan-bahan makanan asas yang lain. Saya ingin mendapat kepastian daripada kementerian sama ada

benar atau tidak dakwaan bahawa kenaikan harga makanan merupakan faktor utama yang mengakibatkan kenaikan inflasi di negara kita dan adakah kita mempunyai bukti dan hujah yang munasabah untuk menangkis dakwaan ini. Saya sebenarnya telah menerima rungutan dari kalangan rakyat di tempat saya sampai mereka menyangka terdapat semacam suatu rancangan teratur untuk menaikkan harga-harga barang makanan seolah-olah untuk mensabotaj rancangan kerajaan mengawal inflasi di negara kita.

Jadi, adakah kementerian membuat penyelidikan yang terperinci mengenai hal kenaikan harga barang makanan ini dan kalau sekiranya terdapat kenaikan harga seperti biasa dan lazim, berapa peratuskah dari kenaikan itu benar-benar dinikmati oleh pengeluar asal seperti petani dan nelayan dan bukan sekadar mainan orang tengah atau pengedar-pengedar barangan sahaja? Adakah kementerian mempunyai rancangan jangka pendekkah atau jangka panjang untuk membendung kenaikan harga barang makanan ini yang dianggap tidak berpatutan? Sama ada dengan bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain yang bersangkutan dengan masalah inflasi itu.

Dalam rangka menjadikan negara kita ini sebuah negara yang maju, saya kira adalah matlamat kerajaan untuk mewujudkan akhirnya satu industri makanan (food industry) yang viable dan dapat bersaing dengan negara-negara lain. Saya ingin mendapat tahu apakah strategi kementerian ke arah mewujudkan industri makanan seperti itu atau lebih khusus adakah kementerian mempunyai rancangan untuk menerokai dan melaksanakan satu dasar pemakanan negara yang dapat menjamin perkembangan industri makanan yang boleh dinikmati oleh semua lapisan masyarakat dari pihak pengeluar, pengedar dan pengguna. Dan sebagai sebuah negara yang mempunyai asas pertanian yang luas dan kukuh, adakah kemungkinan dalam jadual masa yang tertentu negara kita akan menjadi pengeksport barang makanan yang menguntungkan?

Dalam pada itu, saya ingin merakamkan tahniah kepada kementerian yang sejak beberapa tahun kebelakangan ini berjaya membuat promosi makanan yang menggalakkan seperti kempen Minum Air Kelapa Muda, Makan Ulam atau Minum Koko. Namun saya kira kempen seumpama ini harus diteruskan secara yang lebih canggih di bawah program pendidikan makanan yang on-going. Barangkali dengan kerjasama Kementerian Penerangan negara melalui TV dan radio dan risalah-risalah percuma, mungkin itu dapat terus menerus mendedahkan dan mendidik masyarakat umum mengenai makanan berzat yang seimbang di samping dapat mengenali warisan tradisi makanan dan buah-buahan tempatan yang mudah dan mempunyai khasiat yang tinggi.

Kita juga dapat mengajar generasi kini dalam teknik-teknik untuk menikmati buah-buahan kita yang kita anggap buah-buahan tradisional. Di Muar umpamanya Tuan Pengerusi, ada seorang yang pakar mengenai durian. Dia pegang sebakul durian dengan sebelah tangan, dia tahu durian di dalam bakul itu sedap atau tidak dan biasanya tauke-tauke membayar sampai RM5 untuk masa setengah jam untuk menilai buah-buah durian itu.

Saya juga ingin menyentuh tentang masalah penjagaan sungai-sungai sebagai satu warisan negara yang amat berguna. Saya ingin merakamkan tahniahlah dalam hal ini tetapi lebih daripada itu saya ingin menghubungkaitkannya dengan prinsip sungai sebagai tradisi sistem pengangkutan air (traditional waterways) yang melibatkan masalah pertaburan penduduk

dan kegiatan ekonomi mereka dari zaman berzaman. Di tanah air kita ini, sejak ratusan tahun sistem sungai dan anak-anak sungai (riverine system) adalah faktor penentu masyarakat yang amat penting.

Di tanah air kita ini, sungai-sungai utama khasnya di Semenanjung Malaysia, seperti Sungai Pahang, Sungai Perak atau Sungai Linggi ini telah mencorak warnakan kehidupan masyarakat kita. Di persekitaran kawasan sungai-sungai inilah terdapatnya kampung-kampung dan penempatan masyarakat dan bandar-bandar serta pelabuhan-pelabuhan tradisional. Seluruh kegiatan ekonomi masyarakat perkampungan tradisional ini yang jumlahnya pada suatu masa berjuta-juta orang melihat sungai sebagai bukan sahaja alat penghubung tetapi nyawa kegiatan ekonomi mereka. Kerana itulah selama beratus tahun ini kepentingan alam dan ekonomi negara kita berpusat bukan sahaja di kawasan pesisir tetapi di kawasan riverine.

Walaupun begitu, perkembangan ekonomi kita dalam abad 20 terutama dengan perkembangan ekonomi kolonial di pedalaman Semenanjung Malaysia telah memungkinkan munculnya satu rangkaian jalan-jalan darat dan kereta api yang akhirnya telah memencilkan (isolate) kawasan-kawasan penempatan tradisional yang tersisih daripada arus perjalanan rangkaian perhubungan yang baru. Kawasan penempatan tradisional mulai terpinggir, mundur dan malap atau dengan izin, the traditional population became marginalised from the mainstream of economic communication.

Jadi, dalam konteks seperti ini Tuan Pengerusi, pembersihan sungai-sungai harus dikaitkan bukan sekadar sebagai tarikan pelancongan tetapi sebagai sebahagian daripada usaha raksasa kerajaan untuk membangunkan semula masyarakat tradisional yang berjumlah jutaan itu (to revive the traditional settlement and millions of populations), menjadikan traditional waterways sebagai alternatif yang murah kepada sistem pengangkutan yang ada.

Pengalaman pembangunan di Eropah kini menunjukkan bahawa pemulihan traditional waterways ini mempunyai kesan masyarakat dan ekonomi yang amat positif dan menguntungkan. Penggunaan barge umpamanya didapati lebih ekonomikal daripada pengangkutan darat dan kereta api. Lebih daripada itu pemeliharaan sungai-sungai ini juga didapati boleh mengelakkan daripada sistem pengairan tersumbat dan dalam musim hujan dapat mengurangkan ancaman daripada banjir di kawasan-kawasan persekitarannya.

Dalam konteks inilah Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya usaha memelihara sungai-sungai ini dijadikan sebahagian daripada perancangan yang bersepadu yang raksasa sifatnya yang mungkin melibatkan kerjasama kementerian-kementerian lain. Dalam pada itu pula, kebangkitan semula kawasan-kawasan tradisional ini mungkin dapat dimanfaatkan lagi untuk faedah ekonomi masyarakat perkampungan tradisional. Saya berharap umpamanya kementerian, seperti yang pernah dikatakan dahulu, yang mahukan kawasan-kawasan seperti perkampungan nelayan menjadi tarikan pelancongan. Jadi, pada masa sekarang ini kementerian diharap dapat mengenal pasti area baru yang dapat dimanfaatkan untuk rakyat.

Satu lagi perkara, Tuan Pengerusi, yang saya ingin menyentuh, yang saya kira ertinya besar kepada kaum petani ialah masalah subsidi. Saya berharap bahawa istilah "subsidi" ini akhir-akhirnya digugurkan kerana ianya membawa natijah yang paling negatif sekali. Kita

umpamanya sering mendengar istilah seperti "subsidy mentality" yang dilemparkan kepada masyarakat luar bandar. Saya menganggap ini adalah perkara yang memudaratkan imej dan merendahkan maruah golongan petani kita. Kita wajib insaf bahawa di mana-mana pun dalam dunia, apatah lagi di negeri-negeri yang maju seperti di United Kingdom atau di Jepun sekalipun, golongan petani adalah golongan yang paling rendah keuntungannya dibandingkan dengan sektor ekonomi yang lain apatah lagi seperti sektor pengeluaran.

Di negeri-negeri yang maju ini, subsidi memanglah diberikan kepada golongan nelayan dan petani, bahkan berkali-kali ganda lebih besar jumlahnya daripada subsidi yang kita berikan kepada petani-petani kita. Namun di negeri-negeri itu tidak pernah menuduh wujudnya subsidy mentality kepada golongan yang kurang bernasib baik. Kita juga wajib insaf bahawa memberi subsidi ini adalah kewajipan kita. Jadi, saya berharap kementerian dapat menggunakan istilah lain seperti katakanlah "bantuan kerajaan, dibiayai kerajaan" atau apa sahaja asalkan bukan subsidi.

Saya ingin menyentuh satu perkara yang terakhir, Tuan Pengerusi, yakni mengenai air bunga raya. Saya diberitahu dari kajian yang dibuat oleh beberapa teman yang asalnya menjadi ahli sains di Universiti Malaya bagaimana air daripada bunga raya ini didapati lebih besar khasiatnya, lebih sedap daripada ribena. Sudah dibuat market survey, permintaan mengenai bentuk minuman ini dari negeri Jepun dan Korea cukup menggalakkan.

Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian sama ada mempunyai rancangan yang tertentu untuk menggalakkan penanaman bunga raya jenis yang menghasilkan minuman ini di merata-rata tempat di negara kita sebagai tambahan pendapatan kepada petani-petani, bukan sekadar tertumpu di setengah-setengah negeri yang tertentu. Saya ingin menanyakan sama ada rancangan-rancangan itu diberikan jadual waktu yang tertentu dari segi pencapaiannya.

Sekian sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih banyak.

Tuan Pengerusi: Jerai.

7.43 mlm.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan. Walaupun kita sekarang ini menuju ke sebuah negara perindustrian tetapi kerajaan tidak lupa untuk memberi bantuan kepada Kementerian Pertanian yang saya kira agak begitu besar jumlahnya. Saya mengucapkan syabas kepada Menteri dan juga tenaga-tenaga daripada Kementerian Pertanian yang telah menjalankan tanggungjawab mereka yang begitu rupa untuk melihat petani-petani yang berada di tanah air kita ini mendapat nikmat daripada kesejahteraan dan kemerdekaan kita bersama.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 09000 iaitu MADA. Saya kira peruntukan untuk MADA perlu dipertingkatkan lagi oleh sebab MADA ini ditubuhkan untuk memastikan bahawa petani-petani yang menanam padi di dalam kawasan MADA di negeri Kedah mendapat satu perkhidmatan yang lebih baik dan setaraf dengan hasil pengeluaran mereka untuk negara. Walaupun kadang-kadang kita merasakan bahawa menanam padi ini adalah satu perkara yang begitu kecil ataupun kalau kita kata kita seorang petani, kita seorang nelayan, kita merasakan seolah-olah pekerjaan sebagai seorang petani ataupun nelayan ini satu pekerjaan yang rendah. Tetapi kita perlu ingat tanpa mereka membongkok badan di bendang,

tanpa mereka berada di lautan gelombang yang begitu kuat, maka rakyat di Malaysia ini mungkin akan kekurangan makanan, beras dan juga ikan serta sayur-sayuran dan sebagainya. Oleh yang demikian, mereka ini perlu diberi ganjaran.

Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat dari Muar dan saya ingat bagi diri saya mulai hari ini saya hendak panggil iaitu kita katakan pemberian ganjaran padi. Kita jangan panggil pemberian subsidi padi. Kita panggil "pemberian ganjaran padi" kerana mereka ini perlu ganjaran. Kerana petani-petani ini, kalau kita boleh beri kepada industri-industri besar 'tax holiday' dan sebagainya semata-mata kita ingin melihat pertumbuhan ekonomi dari segi perindustrian, mengapakah kita tidak boleh memberi bantuan yang secukupnya kepada petani-petani ini sebagai satu ganjaran ke atas peranan mereka untuk menanam padi, mengeluarkan hasil padi, pergi ke laut, menanam sayur dan sebagainya untuk rakyat? Jadi, ini saya kira lebih penting.

Tuan Pengerusi, kalau hari ini siapa-siapalah ajak kita pergi ke bendang, bukannya mudah. Kita nampak senang, Tuan Pengerusi. Pertamanya, kena sunburn. Yang tidak biasa itu dia kena sunburn. Kita kalau kena sunburn di tepi pantai, kita cukup shock. Tetapi kalau terkena sunburn di bendang, Tuan Pengerusi, dan kadang-kadang betis dok naik lintah, ular pula keluar dari lubang, bukannya mudah tetapi kita nampak senang.

Jadi mereka ini, Tuan Pengerusi, kalau boleh MADA ini diberi peruntukan fasal jalan-jalan di dalam kawasan MADA cukup teruk pada hari ini. Kawasan saya berada di dalam kawasan MADA. Kadang-kadang apabila kita menyuarakan fasal pegawai-pegawai desa tanya fasal apa jalan ini kerap sangat nak kena buat, nak kena repair, nak kena perbaik. Tetapi sebenarnya bila kawasan itu kawasan bendang, ban-ban jalan bendang ini, ia memanglah akan mendap, akan turun kerana jalan berada di dalam kawasan air. Kalau kita tambun laut, ia akan turun juga. Jadi, begitu jugalah bendang.

Kemudian setahun sekali, Tuan Pengerusi, harvester masuk, lori masuk, traktor masuk setahun dua sekali. Jadi, sudah tentulah jalan-jalan ini akan mengalami kerosakan demi kerosakan.

Oleh yang demikian, saya mengharapkan, kalau boleh, kementerian beri satu peruntukan khas kepada MADA ini untuk menyelenggarakan jalan ini atau membina jalan ladang di mana tahap kerosakan itu tidak terlalu kerap rosak. Jadi pada hari ini, pada musim hujan, kalau kita pergi ke kawasan-kawasan bendang, memang sudah, ke lubok. Orang kata "ke lubok". Kereta-kereta, bas-bas kilang ini yang hendak masuk ambil orang kerja kilanglah, fasal kadang-kadang bapa pergi ke bendang, mak pergi ke bendang, anak-anak depa pergi kerja kilang. Bas kilang, bas kecil-kecil tidak mahu masuk pergi ambil anak-anak depa ini di dalam kerana jalan berlopak teruk. Sakit pinggang drebar itu. Yang naik bas kilang itu pun pinggang sakit, Tuan Pengerusi. Ini bukan saya hendak melawak, betul ini. Jadi, saya haraplah, kalau boleh, kita pertingkatkan, buatkan jalan kepada mereka ini supaya mendapat jalan yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi, satu lagi saya minta macam dalam kawasan perairan ini memang ia kena banyak pakai titi. Cukup banyak, Tuan Pengerusi. Peruntukan Wakil Rakyat ini kadang-kadang untuk titi adalah cukup banyak — RM3,000, RM2,500, kadang-kadang ada yang RM4,000. Jadi, titi-titi yang dibina oleh MADA ini kena dibina kepada tempat yang tepat dan perlu. Oleh yang demikian, saya mencadangkan kalau boleh, pihak

MADA berunding dahulu dengan Wakil-wakil Rakyat ataupun dengan Pengerusi-pengerusi JKK di mana kita hendak buat titi itu. Kerana ada 2 – 3 tempat dalam kawasan saya, dia buat titi, tidak ada orang lalu. Di tempat yang orang hendak lalu, titi tidak ada. Jadi, orang kampung dok kata buat membazir duit kerajaan dan sebagainya. Jadi, yang ini pegawai-pegawai engineers, jurutera-jurutera ini, dia kena faham kehendak masyarakat kampung. Mungkin kita belajar tinggi di universiti dan sebagainya tetapi kita tidak tahu kehendak di kampung. Waktu bila depa hendak bawa keluar padi, susahnya bila air pasang, bila hujan, banjir kuat, macam mana masalah depa bawa keluar padi. Mungkin kita kata senang, Tuan Pengerusi. Kadang-kadang harga padi untuk hendak bawa keluar padi daripada kampung itu, daripada dalam kampung hendak bawa keluar ke jalan besar, kadang-kadang hendak naik motor, bubuh seguni dia caj RM1.00. RM1.00 pula tambang lebih daripada kampung hendak bawa keluar ke ban. Jadi, kalau kita boleh adakan jalan yang baik, titi yang baik, maka orang kampung akan selamat RM1.00 atas seguni ini. Jadi, ini yang perlu kita prihatin.

Tuan Pengerusi, satu lagi saya kira Butiran 030000 — Pengairan dan Saliran ini. Saya hendak maklumkan di Parlimen yang mulia ini, sungai yang terindah sekali di Malaysia daripada kawasan saya — Sungai Raga. Dua tahun berturut-turut, kita menang. Ini saya hendak khabar dalam Dewan. Rupanya hari ini pula, kampung yang paling indah sekali di negeri Kedah, Kampung Ragalah di Yan. Hari ini masuk pertandingan peringkat kebangsaan, barangkali akan diumumkan Kampung Raga akan menang. Dengan tidak dapat apa bantuan, orang kampung bergotong-royong cuci sungai dan sebagainya.

Jadi, oleh yang demikian, saya mengharapkan kalau boleh JPS, sudah rakyatnya menang, kampung terbaik menang, sungai tercantik, berilah peruntukan lebih sedikit untuk kita hendak memperdalamkan sungai-sungai yang ada di muara-muara seperti di Pantai Murni, Yan. Di Kuala Sungai Limau, di Kuala Sungai Udang sampai bot kecil pun sangkut, Tuan Pengerusi, jangan kata kot besar, bot kecil yang mereka bubuh enjin sangkut ini 'tot, tot, tot' pergi ke laut dangan anak-anaknya dua tiga orang ini, masuk sahaja muara sungai tersangkut kalau air surut. Jadi, mintalah kalau boleh Jabatan Parit dan Saliran ini kalau boleh perbetulkanlah, kerana ini ialah sumber nafkah nelayan-nelayan yang miskin yang duduk di tepi-tepi pantai ini, hak yang laut dalam itu tidak apalah, sebab mereka ini sudah bot besar, mereka boleh pergi ke kuala-kuala yang besar. Ini yang duduk di tepi-tepi pantai.

Saya mintalah kalau boleh Jabatan Parit dan Saliran ini beri perhatian yang lebih, kerana ini adalah nafkah untuk mereka hidup dan juga di Kuala Sungai Yan, Tuan Pengerusi, sungai itu mereka korek sekerat. Yang ini masalah besar. Bila buat kerja sekerat ini, Tuan Pengerusi, buat apa pun orang tidak seronok, dia korek sungai itu sekerat jalan, hak yang sekerat ini dia kata "duit tidak ada". Jadi, bila korek sekerat, air lari ke sebelah yang dikorek, yang di sebelah satu lagi sudah cangkat. Jadi, bot boleh jalan sekerat sahaja, dia tidak boleh lebih. Ini menimbulkan masalah dan orang kampung bertanya saya, fasal apa Yang Berhormat buat kerja sekerat-kerat? Saya kata "nanti saya pergi tanya". Tanya-tanya, Kementerian kata "Duit tidak ada, duit tidak ada". Jadi saya harap kalau boleh, himpun duit bagi cukup, kemudian buat sekali. Sebab orang kampung dia kata susah, dia kata "Korek kena kawasan orang PAS", hak orang UMNO tidak korek lagi, mengamuk pula orang UMNO ini.

Tuan Pengerusi, kita kena kaji elok-elok supaya pastikan bahawa setiap muara sungai yang ada, di mana orang-orang dapat pergi ke laut untuk mencari rezeki dan sebagainya diberi perhatian. Saya faham kadang-kadang peruntukan tidak cukup, saya ingat mintalah beri cukup supaya rungutan-rungutan daripada orang yang berpendapatan kecil ini tidak berlarutan.

Begitu juga, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan hakisan pantai. Dalam kawasan daerah Yan, Tuan Pengerusi, saya biasa pergi makan di rumah orang buat kenduri, baca Yassinlah malam itu, sedang makan kenduri, air laut masuk ke dalam rumah, belayar habis pinggan-pinggan, dengan kita-kita sekali bangkit. Rumah duduk di tepi pantai, Tuan Pengerusi, datang waktu air laut, ombak kuat dia naik sampai ke darat sampai masuk ke dalam rumah orang itu. Jadi, perkara ini saya minta banyak kali, di kuala Sungai Limau ini dibuat 'wave braker' untuk menahan air ombak ini.

Tuan Pengerusi, mengenai bot-bot yang mereka buat parking, dia berlaga sama-sama bot, pecah habis. Orang kampung hendak beli sebuah bot, bukannya mudah, Tuan Pengerusi. Dia hendak pergi bank minta pinjaman, bank pun tengok mereka, mereka tidak berapa hendak beri, sebab datang dengan tidak ada apa. Kemudian ada kawan-kawan saya, Tuan Pengerusi, tanahnya dahulu berada di tepi pantai, dia pajakkan kepada bank, disandarkan ke bank, apabila bank datang cek, tengok-tengok jadi laut, kena hakisan, tinggal geran, tetapi tanah tidak ada lagi. Bank naik pening kepala hendak tuntut macam mana ini?

Saya minta kalau boleh Kementerian ini kena ada satu program yang terbesar di peringkat negara pastikan hakisan-hakisan laut ini tidak berlaku, kerana yang duduk di tepi laut Tuan Pengerusi, selain dari laut Port Dickson ataupun laut di mana orang kaya-kaya duduk, kita buat macam-macam hendak tahan air laut tidak naik. Mereka buat banglo, buat kondominium besar-besar, hak yang dok berniaga di tepi-tepi laut ini Tuan Pengerusi, apa pun tidak ada, dok harap dengan pokok ru sahaja, dok tahan ombak.

Jadi, kita berasa 'Eh! Mengapa macam itu?' Kadang-kadang kita bawa mereka hendak tunjuk kata Malaysia membangun, bawalah pergi ke Port Dickson. "Eh!" dia kata, "Yang Berhormat itu dia bangunan tinggi, bangunan apa?" Saya kata "Hak tulah dipanggil kondominium", "Apa dia? Nampak macam sangkar burung sahaja", "Hak itulah orang duduk di atas, lagi tinggi, lagi mahal", "Eh! Macam mana kami tidak boleh buat macam itu di kawasan kami di Kuala Sungai Limau, tepi laut juga" dia kata. "Susah laut sana selut, laut sini pasir, laut selut siapa hendak pergi mandi", saya kata pada mereka. Jadi, mereka kata "Eh! Kami pun manusia juga, takkanlah tidak boleh buat sekurang-kurangnya atur batu, bubuh batu dalam jala, dalam besi ini, susun-susun supaya hakisan itu tidak kena".

Tuan Pengerusi, mereka sudah tidak ada tanah, bila kena hakisan tanah ini tidak ada. Kita hendak kena pindahkan mereka ini untuk hendak letakkan dalam kawasan-kawasan lain pula. Ini masalah-nya. Jadi, kalau boleh saya minta Jabatan Parit dan Saliran ini supaya dapat mengkaji balik bantuan-bantuan ini.

Tuan Pengerusi, mengenai Butiran 06000 — Pemberian Ganjaran padi kepada petani-petani. Saya sungguh-sungguh berharaplah kerana petani-petani ini kadang-kadang dia merungut kerana harga padi naik, harga beras naik, harga padi takkan tidak boleh beri sedikit lagi. Pegawai-pegawai kerajaan dapat bonus, mereka bonus pun tidak ada, dok haraplah kalau-kalau kerajaan beri ganjaran lebih

sedikit pada padi mereka ini. Kerana pada masa ini Tuan Pengerusi, kita hendak proses bendang buat padi harga bukan murah macam dahulu. Harga racun cap tengkorak itu pun cukup mahal sekarang ini. Ada kawan saya cadang kalau hendak hapus tikus ini, ada satu jenis ular yang makan tikus, orang dia tidak patuk, ada di India.

Saya minta supaya Kementerian Pertanian ini cuba kaji ada atau tidak ular ini, kalau ada bawa masuk ke sini, kita bela ular dalam sawah — betul. Ini kawan saya khabar tadi. Dia kata ada sejenis ular di India, dia makan tikus sahaja, orang dia tidak patuk. Jadi, kalau boleh saya minta Kementerian membuat kajian sama ada benar atau tidak benar. Kalau benar ada, import ke sini bawa 4 – 5 ekor, kita tengok dahulu, sama ada tikus Malaysia ini ular India mahu makan atau tidak mahu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada dua minit lagi.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Sudah sayup sebelah petang, Tuan Pengerusi, tidak bolehkah lebih sedikit?

Tuan Pengerusi: Ya. *(Ketawa)*

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, satu lagi iaitu harga. Kalau tidak boleh beri ganjaran kepada harga padi, minta kerajaan kawalkan harga racun ini, fasal harga racun ini cukup mahal. Harga sebotol sampai berpuluh-puluh ringgit. Sekarang ini harga racun serangga yang disalurkan melalui kedai PPK ataupun melalui saluran SPPM, MADA ini dijualkan dengan harga yang murah, dengan harga ganjaran kepada petani-petani supaya mereka dapat menseimbangkan balik pendapatan padi mereka, kerana hari ini habis-habis 'sut' orang kampung dapat Tuan Pengerusi kalau buat padi habis-habis 'sut' dia dapat RM300 sahaja serelung.

Tuan Pengerusi: Habis-habis 'sut'?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Habis-habis 'sut' maknanya habis-habis 'top'lah Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Oh!

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Habis hujunglah. RM300 sahaja. Tuan Pengerusi, bayangkan RM300 buat 6 bulan, sebulan hendak boleh berapa duit. Perkara ini kita kena kaji balik, fasal ramai yang menanam padi. Kemudian sekarang ini perangai orang tengah ini, dia pajak bendang itu harga sampai RM400, RM600 pun ada serelung semusim. Hak ini saya minta MADA tebus balik dan tahan, kalau sekarang ini Tuan Pengerusi, kebanyakan petani-petani yang membuat bendang, sekarang ini jadi kuli pula atas tanah dia, sebab orang pajak serelung RM200, RM250. Ada orang tengah datang pajak sampai RM400, dia pajak sampai dekat 10 musim. Kawan ini tengok duit banyak, dia ambillah. Jadi, yang ini pun saya minta kalau boleh MADA adakan satu peraturan mengatakan bahawa tuan tanah ini dia tidak boleh pajak. Dia pajak Tuan Pengerusi, kerana dia buat 3 relung boleh, serelung RM300, tiga relung baru RM900 — enam bulan semusim. Lebih baik dia pajak, selepas itu dia makan gaji pula pada tauke yang menjadi orang tengah itu. Jadi saya minta supaya tolong tengok perkara ini.

Yang last, Tuan Pengerusi, yang 'sut' sekali saya hendak bercakap di sini ialah berkenaan dengan pengusaha bot laut dalam. Saya hendak mencadangkan Tuan Pengerusi, sekarang ini kita dapati banyak orang susah tidak mahu pergi ke laut. Orang muda tidak mahu pergi ke laut, yang tinggal hanya orang lama-lama. Dia tidak mahu pergi ke laut fasal dia menghadapi masalah gelombang dan sebagainya. Orang pergi ke laut Tuan

Pengerusi, cuba tengok, bila dia berjalan atas darat, bukan dia boleh jalan betul, dia terhayun kiri, terhayun kanan macam ombak kuat.

Saya mencadangkan kepada Kementerian Pertanian supaya rekrut balik bekas-bekas tentera laut (Navy) ini *(Ketawa)* jangan gelak. Ini bagus. Bekas-bekas tentera laut yang terhenti awal ini Tuan Pengerusi, yang kuat lagi rekrut mereka ini, beri mereka pergi dengan perusahaan bot dalam ini. Fasal mereka biasa duduk di laut, jadi apabila mereka balik ke laut tidak susah. Macam saya, Tuan Pengerusi, kalau ajak pergi ke laut saya pening, sebab ombak dan sebagainya, tetapi mereka ini sudah pegang senjata di laut, apa salahnya tarik pukat dalam laut dengan bot moden ini. Oleh itu, saya mencadangkan kalau boleh Kementerian mengambil sebab ramai bekas-bekas tentera yang menganggur. Mereka tidak nampak peluang ini.

Jadi, saya minta kalau boleh Kementerian yang hendak meluluskan lesen ini, cadang kepada pengusaha-pengusaha bot dalam ini supaya mereka rekrut balik bekas-bekas tentera laut untuk bersama dengan bot dalam ini. Saya kira, Tuan Pengerusi, itulah sahaja. Yang akhir, Tuan Pengerusi, sebelum saya hendak balik ini, saya minta kalau boleh pihak BERNAS kaji balik, banyak pengilang-pengilang di negeri Kedah sekarang ini teruk yang 'teriak tidak berlagu' pun ada.

Tuan Pengerusi: 'Teriak tidak berlagu', ya!

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia dok 'het! het!' air mata tidak keluar, Tuan Pengerusi. Itu 'teriak tidak berlagu', 'Het! Het!' air mata tidak keluar. *(Ketawa)* Sebak, Tuan Pengerusi, bila tanya apa macam berniaga? Tahu-tahu berlinang air mata — hutang bank kerana sistemnya itu. Jadi, saya harap kalau boleh BERNAS kajilah sistem itu dan selamatkan mereka ini, kerana mereka banyak beli kilang-kilang daripada pengusaha-pengusaha besar berharga berjuta-juta berhutang, kemudian oleh kerana proses padi tidak tentu dan kadang-kadang kesilapan teknik di sana-sini sedikit, maka mereka menghadapi masalah.

BERNAS kena bimbing depa ini balik supaya berjaya sebagai pengusaha pengilang. Kena tolong, jangan duk marah dekat depa. Jangan penalise depa. Kalau management depa tak betul, pengurusan dia tak betul, susun bagi betul. Ambil cek book depa BERNAS sign cek book itu, jangan beri depa sign. Kaji, tolong mereka ini supaya mereka bangun balik. Bukan senang, Tuan Pengerusi, jadi pengurus kilang padi, jadi tauke kilang padi dengan gatalnya, dipanggil miang-miang padi, sungguhpun tauke balik bergaru di rumah masing-masing. Tambah pula kalau perniagaan merosot. Jadi, saya harap BERNAS tolonglah — banyak di negeri Kedah, hubungilah Persatuan Pengilang-pengilang Padi Bumiputera di sana yang menghadapi masalah supaya kita dapat bimbing depa balik. Kalau kita boleh adakan TPU untuk bantu peniaga-peniaga yang menghadapi masalah, saya kira BERNAS patut wujud satu TPU pula untuk menyelamatkan kilang-kilang pengusaha padi di negeri Kedah dan di mana-mana sahaja yang sedang menghadapi masalah dari segi menjalankan perusahaan padi mereka.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, saya juga mengharapkan bahawa pihak Kementerian Pertanian mengadakan satu lagi sistem untuk bagaimanakah kita ingin mempertingkatkan ekonomi petani, nelayan dan juga pengusaha-pengusaha sayur-sayuran. Bagaimanakah mereka hendak pertingkatkan ekonomi ini. Kerana kita tahu,

kadang-kadang suami pergi ke laut, suami pergi ke bendang, suami pergi ke sawah, tetapi isteri dan anak-anak mereka tak buat apa di rumah. Jadi, Kementerian kena ada satu pandangan apa yang kita hendak buat untuk mempertingkatkan. Yang duk ada dah cukup memang ada, tetapi boleh dipertingkatkan lagi. Macam kita beri bantuan anak ayam dan sebagainya. Tetapi benda-benda lain saya cadangkan supaya mereka ini diberi pendidikan atau latihan dari segi perniagaan kecil-kecilan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah lebih.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya baru sekejap sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah lebih 6 minit, Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi baru masuk sekejap sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tak sedar masa sudah lebih 6 minit. *(Ketawa)*

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Okay. Saya gulung, Tuan Pengerusi. Saya gulung, ya!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Satu minit.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, kalau demikian, saya harap kementerian kaji supaya mereka ini diberi latihan perniagaan kecil-kecilan. Saya dapati kebanyakan isteri-isteri petani, nelayan depa cukup amanah. Ini hasil daripada IKHTIAR yang buat; bila depa beri pinjaman kepada isteri-isteri orang-orang miskin ini, depa bayar balik tiap-tiap minggu dan sebagainya. Cuma ini kita pertingkatkan mereka sama dengan landscaping atau dasar yang dibuat oleh Kementerian Pertanian beri benih-benih untuk isteri-isteri dan anak-anak nelayan dan petani ini tanam. Kemudian Kementerian Pertanian ataupun melalui agensi-agensi dan pertanian beli balik. Ini kena asuh mereka supaya isteri mereka dapat membantu suami daripada mendapat nafkah. Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Timbalan Menteri minta jawab.

8.03 mlm.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr. T. Marimuthu): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi komen-komen, alasan-alasan, idea-idea, nasihat dan sebagainya dan memberi perhatian serta membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Pertanian ataupun di bawah kawalan dan tanggungjawabnya. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah pun menjemput saya melawat kawasan masing-masing. Saya akan menunaikan ataupun melawat kawasan mereka apabila saya ada masa yang cukup.

Yang Berhormat dari Batang Lupar telah membangkitkan beberapa isu. Yang pertama ialah mengenai masalah peranan orang tengah dalam pemasaran ikan. Bagi mengatasi peranan orang tengah dalam pemasaran ikan, Kementerian Pertanian akan meningkatkan kemudahan infrastruktur untuk kemudahan penyimpanan dan mendaratkan ikan di Sarawak. Dengan adanya kemudahan penyimpanan ini para nelayan akan mempunyai keupayaan mutu menjual hasil tangkapan mereka dengan harga lebih baik. Selain daripada itu, kemudahan simpanan ikan di kompleks-kompleks ini akan dapat menampung keperluan di musim-musim

tertentu seperti musim tengkujuh dan sebagainya. Dengan itu, peranan orang tengah akan dapat dikurangkan jika tidak dihapuskan.

Beliau juga menyentuh mengenai perkembangan pembangunan akuakultur di Sarawak. Sehubungan dengan ini saya dengan sukacitanya menyatakan bahawa perhubungan dengan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat di Sarawak adalah baik. Kerajaan melalui Jabatan Perikanan Laut Sarawak dan Jabatan Pertanian Sarawak telah menjalankan beberapa program bagi menggalakkan perkembangan akuakultur termasuk ternakan ikan dalam sangkar. Apabila saya melawat Sarawak, saya diberitahu bahawa beberapa hektar yang sesuai telah dikenal pasti di negeri ini untuk pembangunan akuakultur.

Yang Berhormat dari Batang Lupar juga telah membincang dengan masalah IADP di Sarawak, iaitu Kalaka Saribas. Mengenai perkara ini kajian kemungkinan ataupun satu 'feasibility study', dengan izin, untuk Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Kalaka Saribas Fasa II yang akan meliputi kawasan hiliran sungai dan tepian pantai Batang Saribas akan dimulakan pada 1hb. Disember 1994. Kajian tersebut akan dilaksanakan dalam tempoh setahun. Dengan pelaksanaan program pembangunan yang dikenal pasti hasil dari kajian ini kelak, adalah diharapkan agar masalah banjir di kawasan berkenaan dapat diatasi dan membolehkannya bercucuk tanam.

Yang Berhormat dari Kota Setar telah membangkitkan isu mengenai pembayaran elaun bekerja lebih masa secara pendahuluan kepada kakitangan yang terlibat dengan pembayaran subsidi padi selepas waktu pejabat membebankan kilang-kilang kecil. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, BERNAS tidak disediakan dengan peruntukan bagi tujuan pembayaran penyelenggaraan kakitangan. BERNAS hanya diminta menyalurkan peruntukan subsidi harga, di mana BERNAS akan menanggung semua perbelanjaan penyelenggaraan kakitangan. Oleh yang demikian, jika elaun kerja lebih masa terpaksa juga ditanggung oleh BERNAS, maka tidak secara langsung akan membebankan pihak BERNAS.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Kota Setar bangun.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Pengerusi, untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri saya bukan berkehendakkan supaya BERNAS membayar elaun itu. Cuma diminta pengilang-pengilang kecil supaya membayar advance elaun kerani-kerani subsidi itu dibayar dahulu; kalau kita minta dua minggu, kita kena bayar dahulu dua minggu elaun. Misalnya kilang kecil ini minta empat jam kerani subsidi tiap-tiap hari. Jadi, dia kena bayar — jumlah dalam dua minggu itu kena bayar sekali. Bukan kita suruh BERNAS bayar, cuma minta perkara itu dibayar kemudian, itu sahaja. Bukan saya suruh BERNAS bayar.

Dr. T. Marimuthu: Jika masalah ini memberi kesulitan kepada petani-petani ataupun pengilang-pengilang kecil, Kementerian Pertanian ataupun khususnya BERNAS akan mengkaji masalah ini dan kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mempertingkatkan kesejahteraan pengilang-pengilang kecil.

Dan mengenai cadangan memberi lesen kepada Lembaga Pertubuhan Peladang, saya ingin . . . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Arau minta jalan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sebelum Yang Berhormat berpindah ke Lembaga Pertubuhan Peladang, saya ingin bertanya fasal BERNAS juga dengan mengisytiharkan kepentingan saya dalam perniagaan beras.

Dalam perjanjian di antara kerajaan dengan BERNAS tempoh hari, telah disebutkan dalam satu clause yang telah dibincangkan dengan panjang lebar di Parlimen ini bahawa segala usaha, perkara yang berhubung dengan pengilang-pengilang sama ada pengilang bumiputera ataupun bukan bumiputera akan diteruskan, makna kata segala hutang di antara pengilang-pengilang dengan LPN dahulu, BERNAS akan ambil alih, segala usaha-usaha bantuan dari segi yang berbentuk sedikit sosial, yang saya maksudkan di sini Yang Berhormat, sebab dari segi kemampuan yang terdapat dalam kilang-kilang BERNAS tak boleh dibandingkan yang boleh didapati dalam kilang-kilang yang kecil. Mengisar padi segantang sama tetapi kalau kita kisar di kilang kecil, perolehannya berlainan dengan yang dikisar dengan kilang BERNAS sebab kilang BERNAS teknologinya tinggi. Jadinya, dalam clause itu disebut bahawa usaha-usaha bantuan berbentuk sosial akan diteruskan oleh BERNAS tanpa apa-apa pindaan.

Jadi, saya hendak bertanya Yang Berhormat di sini, tanpa membebankan BERNAS dan Yang Berhormat pun saya rasa tak boleh juga marah kepada BERNAS. BERNAS sudah dicorporatise, kita hendak kata kepada BERNAS apa lagi, sebab kita bukan beri peruntukan kepada BERNAS lagi. BERNAS sekarang ini sudah berdikari. BERNAS cuma menolong menyelenggarakan subsidi.

Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat, apakah kerajaan akan menyediakan peruntukan khas bagi membantu pengilang-pengilang yang sekarang ini tak dapat dibantu oleh BERNAS. BERNAS saya rasa sampai bila-bila kalau kita tekan dia pun, sebab dia terpaksa bercorak keuntungan, petani memang gembira tetapi pengilang-pengilang tidak gembira, walaupun Kota Setar menyebutkan kata: "Kilang saya besar!" — gembira, saya juga menangis di malam hari *(Ketawa)* terutama bila keseorangan.

Jadi, saya hendak menyebutkan sama ada kilang besar ataupun kecil sama ada pengedar besar ataupun kecil — memang menghadapi masalah. Tetapi kerajaan terpaksa menolong BERNAS dengan memberi peruntukan khas. Saya hendak bertanya adakah kerajaan bercadang hendak berbuat demikian, oleh kerana subsidi ini yang Kota Setar sebut, saya sudah sejak lapan tahun yang lalu, sejak saya jadi Ahli Parlimen — saya hendak menyebut yang itu sahaja. Subsidi ini bukan dimakan oleh petani sahaja, Yang Berhormat makan, Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri pun makan, Tuan Pengerusi pun makan — sebab subsidi ini untuk semua. Malah kita minta nama subsidi ini dipotong digantikan dengan perkataan 'galakan' tetapi semua Menteri menjawab: "Tindakan akan diambil untuk menggantikan dengan nama "galakan". Tetapi sehingga hari ini pun masih nama subsidi juga. Terima kasih.

Dr. T. Marimuthu: Tuan Pengerusi, cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau adalah baik. BERNAS yang ditubuhkan tidak lama dulu, sungguhpun tempoh penubuhan BERNAS adalah singkat, BERNAS sebagai satu institusi menghadapi beberapa masalah yang boleh dikatakan 'teething problems' bagaimana mereka ataupun BERNAS menguruskan perkhidmatan mereka. Dan saya pun telah membincangkan dengan pegawai-pegawai daripada BERNAS mengenai beberapa masalah yang telah dikemukakan melalui

soalan di Dewan ini dan saya difahamkan bahawa BERNAS tidak menyulitkan ataupun memberi kesukaran kepada pengilang-pengilang kecil ataupun petani-petani. Mereka menjalankan tugas mereka untuk kepentingan petani-petani dan pengilang-pengilang kecil. Jika kita ada beberapa masalah mengenai perkhidmatan BERNAS, kita akan mengkaji dan mengambil tindakan yang sewajarnya, itu saya berjanji.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Pengerusi, bolehkah saya minta jaminan daripada Timbalan Menteri supaya BERNAS ini memanggil semua pengilang-pengilang kecil dan pengilang-pengilang sederhana ataupun semua pengilang-pengilang untuk menerima pendapat-pendapat supaya dapat mengatasi perkara-perkara ini.

Dr. T. Marimuthu: Tuan Pengerusi, cadangan ini boleh dikuatkuasakan oleh kerana ini adalah satu cadangan yang baik. Seperti yang telah saya katakan bahawa BERNAS adalah satu institusi untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan petani-petani dan oleh kerana itu apa jua cadangan yang diberi kita boleh menerimanya.

Mengenai lesen kepada Lembaga Pertubuhan Peladang dan koperasi yang berkaitan dengan pengeluaran dan aktiviti padi, untuk mengimport padi bagi menampung keperluan negara, pada masa ini kerajaan hanya memberi lesen untuk mengimport padi kepada BERNAS. Walau bagaimanapun, cadangan supaya LPP dan koperasi-koperasi berkaitan perlu diberi lesen untuk mengimport padi perlu dikaji dengan lebih terperinci sebelum kerajaan membuat keputusan mengenainya.

Ahli Yang Berhormat dari Arau telah menyentuh beberapa masalah, yang pertama ialah masalah pencemaran dari penternakan khinzir. Usaha-usaha pemusatan penternakan ini sedang diusahakan bagi mengurangkan masalah pencemaran dari najis khinzir. Usaha-usaha pengesanan kualiti air yang dikeluarkan oleh ladang-ladang khinzir dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan untuk memastikan buangan ladang berada di tahap yang tidak mencemarkan alam sekitar. Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat mengenai bau apabila kita lalu di Ipoh. Saya pun difahamkan bahawa Kerajaan Negeri telah memberi notis kepada ladang khinzir itu dan mereka mencari satu kawasan yang sesuai untuk menempatkan ladang itu jauh daripada Ipoh.

Mengenai projek pembangunan arnab, berkaitan masalah makanan pellet dan seterusnya mengakibatkan harga arnab tinggi. Memang benar masalah makanan yang betul-betul murah dan berkualiti belum dicapai setakat ini. Kajian masih diteruskan lagi. Mengenai peruntukan yang diperuntukkan adalah untuk menentukan stok gantian dapat terus diadakan dalam usaha kajian makanan arnab yang lebih murah dan berkualiti.

Dan mengenai soalan Yang Berhormat untuk mengatasi masalah petani yang terlalu banyak menggunakan racun perosak, sebenarnya maklumat-maklumat dan mengenai racun dan lain-lain sedang dibuat melalui media massa dan melalui rancangan TV. Saya difahamkan bahawa pada hari Isnin kita ada satu rancangan pertanian untuk selama setengah jam di mana beberapa masalah mengenai pertanian dan juga mengenai racun dibincang dan mereka diberi cara dan langkah dan jalan bagaimana untuk menggunakan racun itu dengan lebih selamat.

Selain daripada media massa . . . . .

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Parit Sulong minta jalan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai penggunaan racun perosak oleh para petani. Saya tahu bahawa para petani sekarang ini moden dan mereka menggunakan racun sebagai ganti penggunaan parang, tajak dan sebagainya. Cuma saya ingin tahu bagaimana cara kita educate ataupun memahamkan para petani yang kadang-kadang mereka tidak kisah sangat mengenai masalah kesihatan, mengenai penggunaan racun yang tersusun atau proper, dengan izin, kerana saya dapati di kampung-kampung anak-anak muda kita yang tidak kisah sangat dengan kesihatan mereka, dia menggunakan racun sesuka hati tanpa menutup hidung dan sebagainya.

Jadi, adakah Kementerian Pertanian mahu meminta syarikat-syarikat pengeluar racun yang besar-besar ini untuk membuat balik pulangan social responsibility ataupun kebertanggungjawaban sosial, dengan mewujudkan sponsored advertisement, dengan izin, iaitu iklan-iklan yang ditaja supaya kesedaran mengenai kesihatan dalam menggunakan racun ini amat dihayati dan diamalkan oleh para petani. Ini dalam jangka panjang, sebagaimana yang ditegaskan oleh sahabat saya dari Arau, membahayakan kesihatan. Kalau ada salah satu ejen pembunuh di masa akan datang, salah satu daripada ejen itu kepada orang-orang kampung adalah penggunaan racun perosak tanpa mengikut peraturan yang sebenar-benarnya.

Jadi, soalan saya adakah kementerian akan menggalakkan pengeluar-pengeluar racun untuk mengeluarkan iklan tajaan?

Dr. T. Marimuthu: Saya tahu bahawa institusi-institusi yang mengeluarkan racun juga berusaha untuk memberi maklumat kepada rakyat bagaimana mereka harus menggunakan racun ini dengan lebih selamat. Sebagai contoh, ICI mengadakan beberapa seminar, simposium dan juga iklan-iklan dan sebagainya untuk memberi pendidikan kepada pengguna-pengguna racun. Itu adalah satu cadangan yang baik.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya amat berterima kasih kepada pihak kementerian kalau mereka mengadakan simposium dan seminar. Persoalan saya, adakah simposium dan seminar boleh sampai ke peringkat akar umbi. Itu pokoknya. Petani-petani dia tidak pergi simposium dan seminar, yang pergi ialah profesor yang ramai. Jadi, persoalan saya salah satu cara untuk menyedarkan masyarakat akar umbi adalah menerusi audio video, bermakna menerusi televisyen, billboard dan sebagainya. Ini yang sama minta. Katakan di kawasan MADA, adakan iklan-iklan mengenai cara penggunaan racun yang selamat. Saya tidak hendak ada majikan di estet-estet umpamanya, dia tahu, dia beri racun — orang ini pergilah racun rumput, dia tidak beri arahan mengenai keselamatan orang ini. Yang dia tahu, you kerja beberapa jam, dia bayar beberapa jam — but there is no slighter concern, dengan izin, mengenai keselamatan yang menggunakan racun itu.

Jadi, inilah perkara yang saya rasa ada vacuum dari segi pembelaan yang harus diberi oleh Kementerian Pertanian kepada petani-petani kita.

Dr. T. Marimuthu: Tuan Pengerusi, participant bagi seminar ataupun simposium adalah daripada ahli-ahli atau petani-petani dan rakyat daripada akar umbi, dan bukan untuk profesor ataupun orang yang berpendidikan. Selain daripada simposium, perbincangan juga diadakan antara pertubuhan seperti ICI ini

dengan rakyat daripada luar bandar yang menggunakan racun itu. Kementerian berusaha untuk memberi maklumat dengan mengadakan iklan ataupun pamflet, risalah dan maklumat-maklumat yang lain kepada petani, juga mengadakan khidmat nasihat kepada petani dari masa ke semasa di dalam kursus yang diadakan, iaitu kita mengajar petani cara-cara untuk menggunakan racun dengan lebih selamat.

Saya setuju dengan Yang Berhormat mengenai, adakah Kementerian Pertanian menggalakkan ataupun menyokong syarikat-syarikat seperti ICI dan juga syarikat-syarikat yang lain yang mengeluarkan racun itu mengiklankan cara-cara menggunakan racun itu dengan lebih selamat. Kita setuju dan kita boleh meminta kilang-kilang seperti itu untuk memberi pendidikan kepada petani-petani atau rakyat yang menggunakan racun.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Setar.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Pengerusi, saya ingin menyambung daripada sahabat saya Yang Berhormat dari Parit Sulong berhubung dengan petani-petani yang menggunakan racun. Maksud kita, macam 'accident' yang ditunjukkan satu advertisement yang menunjukkan tentang 'accident' oleh pemandu yang mabuk. Jadi, itu adalah satu advertisement yang amat berkesan yang ditunjuk selepas dan sebelum Warta Berita. Jadi, kita hendak supaya Kementerian Pertanian mengadakan satu advertisement seperti yang dikatakan oleh sahabat saya dari Arau untuk masyarakat yang hendak makan sayur itu, yang dia harus tahu bahawa dia kena rendam dahulu. Di samping orang yang menguna, orang yang hendak makan itu pun kita kena buat satu advertisement ataupun satu penerangan supaya masyarakat yang menanam pun tahu dan yang memakan pun selamat.

Dr. T. Marimuthu: Cadangan ini boleh diberi perhatian yang sewajarnya. Yang Berhormat dari Bagan telah menyentuh mengenai harga ayam.

Tuan Shahidan bin Kassim: Apakah Yang Berhormat sedar bahawa terdapat racun yang mempunyai kesan yang lebih mujarab, iaitu kalau kita kena sedikit pun mesti mati. Ia bukan syarikat tempatan yang buat, tetapi diimport daripada negara jiran dan ia cukup berkesan, tetapi penggunaannya masih penggunaan cara biasa.

Saya beri satu kes. Di kampung saya baru-baru ini ada seorang Ketua Pemuda yang meninggal dunia, kerana dia sembur racun, apabila dia balik dia sangka dia sudah basuh tangan, selepas itu dia ambil kelapa muda untuk dimakan, sebab katanya, selepas orang sembur racun dia minum air kelapa muda — penawar, katanya. Dia minum air kelapa muda dan dia makan isi dengan menggunakan tangan tadi — tidak sampai dua hari dia meninggal dan laporan doktor menunjukkan bahawa dia kena racun. Sekarang kita lihat di kampung-kampung, dahulu penyakit kanser jarang berlaku di kalangan petani, tetapi sekarang ini penyakit kanser berleluasa di kalangan petani. Di antara sebabnya adalah racun. Jadi, bagaimana kita hendak kawal supaya petani tidak menggunakan racun cap tengkorak ini.

Di kawasan MADA terkenal dengan cap tengkorak ini, sebab cepat mati rumput dan oleh kerana kemalasan dan kelesuan dalam masyarakat, sekarang ini orang tidak hendak lagi potong rumput dan ini menyebabkan dia racun rumput di sekeliling rumah. Dia tanya kenapa ayam sakit, kenapa lembu kadang-kadang berkudis dan sebagainya — ini kerana racunlah — tidak ada apa.

Jadi, bagaimana kita hendak memberitahu. Yang Berhormat kata kerajaan akan mengambil tindakan, tetapi ini kesan serta-merta dari racun yang diimport.

Keduanya dan akhir sekali, ini bukan kementerian Yang Berhormat, ini Kementerian Dato' Kadir. Sekarang ini kita pergi ke kedai mee di mana-mana, mee goreng Penangkah atau di mana-mana, saya berani jamin bahawa dia tidak basuh cili dan juga kobis, sebab kobis ini dia cuma buang kulit. Saya bukan pakar kobis tetapi saya ada berniaga kobis dahulu kala, saya tahu — tidak basuh, sebab kalau basuh dia nampak tidak segar, jadi tidak payah basuh. Ini kandungan racun cukup tinggi. Jadi, saya takut mereka tidak pergi makan mee di tepi stall dan sebagainya, tetapi cukup bahaya. Bagaimana saya hendak beritahu yang ini? Dan bagaimana kita hendak maklumkan mesti rendam dahulu. Tadi, kita kata kita hendak buat iklan, bila kita hendak buat iklan? Saya hendak beritahu Yang Berhormat kalau kerajaan hendak menyambut seruan, backbencher hendak memberi satu iklan, itu pertama. Selepas itu kita harap kerajaan akan buat sesuatu supaya orang lain ikuti. Sebab saya rasa kalau racun ini berleluasa, rakyat Malaysia tidak akan berumur lama.

Sebab penyakit sekarang ialah penyakit — bukan, AIDS ini semua kita boleh nampak tetapi penyakit yang tak nampak sekarang berleluasa. Mungkin Yang Berhormat pun ada, sebab Yang Berhormat tak tahu. Macam saya, saya sudah tahu. Saya tak makan sayur-sayur. Saya tak makan. Saya makan di rumah. Dia orang kata saya sayang isteri sebab selalu makan di rumah. Bukan. Saya takut itu. Sayang isteri, sayang jugalah, *(Ketawa)* Silap cakap, memang sayang tapi saya takut hendak makan di kedai kerana sayurnya mengandungi racun. Saya hendak beritahu Yang Berhormat. Jadi, apakah boleh dibuat serta-merta hendak pastikan ataupun kita buat billboard. Billboard yang orang hendak sembur racun, dia mesti pakai mask dan sembur racun. Siapa yang hendak makan sayur, FAMA tolong advertisekan — rendam sehari semalam supaya kandungan racun dikeluarkan.

Dr. T. Marimuthu: Arahan ataupun bagaimana seseorang harus menggunakan racun diberi atas label dan saya setuju bahawa majoriti ataupun sebahagian besar daripada golongan petani tidak boleh baca arahan itu. Oleh kerana itu, kita harus memberi maklumat yang lebih terperinci kepada mereka dan juga kita harus memberi langkah-langkah menggunakan racun itu dengan lebih selamat dan saya setuju ada beberapa kes yang menggunakan racun itu dengan tidak begitu selamat dan ini mengakibatkan beberapa kes yang meninggal dunia dan satu racun yang popular di kalangan yang ingin commit suicide adalah paraquat dan ICI seperti saya katakan, telah mengambil langkah bahawa mereka juga memberi maklumat mengenai racun itu bagaimana mereka harus menggunakan racun itu dengan lebih selamat. Dan saya terimalah bahawa apa-apa jalan, apa-apa langkah yang boleh kita gunakan untuk meningkatkan keselamatan golongan petani ataupun golongan yang menggunakan racun itu, kita harus memberi perhatian yang wajar.

Mengenai sayur, saya suka hendak memberi maklumat kepada Yang Berhormat bahawa Kementerian Pertanian sentiasa membuat kajian mengenai sayur-sayur di kebun-kebun sayuran dan kita mengadakan pemeriksaan random. Kita mengambil sayur itu dan kita hantar kepada laboratory kita dan kita tengok adakah tahap racun itu lebih daripada yang ditetapkan. Jika telah dikenal pasti bahawa pengeluar sayur itu telah menggunakan racun yang lebih daripada tahap yang ditetapkan, mereka diberi pendidikan ataupun extension workers, pegawai-pegawai dari Jabatan Pertanian melawat kebun itu dan memberi maklumat dan juga mengajar mereka bagaimana mereka harus menggunakan racun itu. Pada masa sekarang Kementerian Pertanian mengkaji satu cara untuk . . . . .

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Bagan Serai bangun.

Dr. T. Marimuthu: Biar saya menghabiskan perkara ini. Bagaimana untuk mengenal pasti ladang-ladang atau pengeluar-pengeluar sayur yang menggunakan racun. Kementerian Pertanian berusaha untuk memberi ataupun satu rancangan melabelkan pengeluar itu. Contohnya jika satu pengeluar daripada Cameron Highlands, katakanlah, kita harus mendapat nama pengeluar itu dan sayur dan tarikh yang dikeluarkan dan ini akan memastikan bahawa pengeluar-pengeluar sayur itu tidak menggunakan racun lebih dari tahap yang telah ditetapkan.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: Saya ingin bertanya, di pasar-pasar besar di mana sayur-sayuran dipaparkan untuk dijual, adakah diadakan satu sistem peraturan yang juga melibatkan Kementerian Perdagangan dan Pengguna untuk serta-merta boleh mengenal sayur-sayur yang dipamerkan itu mengandungi racun. Kalau sekiranya dapat ada pejabatnya di pasar-pasar besar itu yang mana orang merasa curiga terhadap sayur yang dijual itu ada mengandungi racun, dia boleh dapat pemeriksaan yang serta-merta. Kalau kita buat macam sekarang ini, benda sudah sampai ke pasar, kalau orang-orang yang mengeluarkan sayur dari ladang sudah pun masuk dalam lori dan sampai ke pasar, itu pun patut juga diperiksa di ladang-ladang. Tetapi yang sudah sampai ke pasar itu, saya hendak tanya adakah satu sistem yang boleh serta-merta dia uji kandungan racun itu?

Dr. T. Marimuthu: Ini adalah satu cadangan yang baik tetapi kita belum mencapai satu tahap di mana kita boleh menjalankan kajian itu dengan serta-merta. Apa yang Jabatan Pertanian buat ialah kita mendapat sayur dari ladang-ladang itu secara random dan kita mengkaji dan jika ada racun yang lebih, kita memberi taklimat kepada pengeluar-pengeluar itu. Tetapi saya hendak memberi maklumat kepada Yang Berhormat bahawa walaupun kita telah bincang mengenai perkara racun ini, kita tidak memberi satu pandangan di mana sayur-sayur yang dijual di pasar itu telah mengandungi racun yang lebih daripada tahap yang telah ditetapkan. Sayur-sayur Yang Berhormat makan adalah selamat. Kementerian Pertanian berusaha untuk menetapkan bahawa sayur-sayuran atau makanan yang diberi adalah selamat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Parit Sulong.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Pengerusi di atas kepastian atau assurance yang diberikan oleh Timbalan Menteri. Tetapi masalahnya, kesedaran kita mengenai perkara ini belum lagi sampai ke tahap yang itu. Apa yang diperbincangkan adalah satu perkara yang futuristic mengenai kualiti hidup kita di masa akan datang.

Sekarang consumer atau pengguna di Singapura telah pun terlalu sedar mengenai perkara ini di mana satu ketika dahulu ramai petani-petani sayur kita terjejas. Jadi, dengan keadaan yang ada sekarang, dengan enforcement yang kita tahu kerajaan memang kekurangan kakitangan, dengan kepakaran yang belum kita perolehi, dengan kesedaran di kalangan pengguna dan public yang amat rendah, siapa yang boleh memastikan bahawa sayur-sayur yang dijual di pasar itu tidak mengandungi racun yang berlebihan?

Tuan Pengerusi, this is — adalah satu perkara yang hypothetical, yang amat relatif untuk diperbincangkan. Kalau assurance diberikan oleh Kementerian Pertanian, kita memang berterima kasih. Tetapi saya kata, siapa yang dapat memastikan? Jadi the best prevention adalah education atau kesedaran. Jadi, siapa yang hendak menggerakkan kesedaran ini? Tidakkah patut digerakkan oleh Kementerian Pertanian, kesedaran terhadap perkara ini di kalangan penanam sayur dan di kalangan pengguna, harus diadakan kesedaran. Kalau tidak, ini merbahaya kepada kesejahteraan masyarakat di masa akan datang. Sekarang mungkin ada di kalangan kami sahaja yang sedar, tetapi itulah — kalau di negara Barat, sekarang ini digalakkan pertanian yang hydroponic, kemungkinan.

Saya nampak di Johor Bahru sekarang ramai petani-petani sayur yang menanam sayur di bawah kelambu. Dia hendak avoid dari segi menggunakan pesticide — penggunaan racun. Jadi adakah Kementerian Pertanian, dari segi strategi hendak mengelakkan penggunaan racun yang berlebihan ini mahu mencari strategi pertanian yang baru? Bermakna menerusi scientific research, adakah pertanian, umpamanya dalam konteks ini pertanian pasar atau vegetable gardening ini masih lagi konvensional di negara kita? Bilakah masanya? Kalau konvensional bilakah masanya kita harus melangkah ke satu era pertanian moden dari segi pengeluaran pertanian? Ini harus diperbincangkan juga! Bukan sahaja dari segi menggunakan racun dengan tidak menggunakan racun dari segi assurance. Jadi, saya mintalah perkara ini Kementerian Pertanian, dengan keprihatinan mulai sekarang supaya dimulakan langkah menjamin kualiti hidup di masa akan datang.

Dr. T. Marimuthu: Saya setuju bahawa peranan Kementerian Pertanian di sektor pertanian yang utama adalah untuk menjanjikan keselamatan pengeluaran pertanian — itu saya setuju bahawa kita harus berusaha menjalankan dan juga mencari langkah-langkah untuk menjamin bahawa keluaran daripada sektor pertanian adalah selamat. Untuk mencapai satu tahap yang selamat, Kementerian Pertanian telah dan sedang menjalankan beberapa strategi. Walaupun kita harus memperkuatkan dan mengukuhkan beberapa aspek yang lemah, saya berpuas hati bahawa langkah-langkah yang dijalankan oleh Kementerian Pertanian memberi hasil untuk menjamin keselamatan makanan dan pengeluaran.

Saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa kita harus memberi pendidikan. Pendidikan adalah satu vehicle ataupun wahana yang penting untuk memberi kesedaran kepada pengguna. Bukan sahaja ini adalah satu peranan yang penting bagi Kementerian Pertanian, tetapi juga semua kementerian dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat boleh memainkan peranan yang penting untuk mempertingkatkan kesedaran dan keprihatinan kepada makanan kita — adakah makanan kita selamat?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kita sambung esok ya, masa untuk hari ini sudah cukup.

Dr. T. Marimuthu: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.